

# Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



**AMANAH**  
kembalikan  
semula  
visi Islam  
sesuai  
semua  
zaman

→ ms2



**Jangan buang masa  
pujuk pihak tiada  
pendirian**

→ ms8



**Tangkap pencuri,  
perah sampai  
keluar duit,  
kata Tun Mahathir**

→ ms9

# PRU 14 OKTOBER?




Pimpinan AMANAH di Perak sedia untuk hadapi pilihan raya. Mereka memperkenalkan logo Pakatan Harapan kepada umum dalam Konvensyen AMANAH Perak baru-baru ini.

**NAJIB** dijangka akan mengadakan pilihan raya umum ke 14 tahun ini juga bagi mengelakkan dakwaan jenayah ke atas 1MDB di Amerika Syarikat dan Scorpene di Perancis yang tidak boleh dikawal oleh beliau.

Laporan penuh →  
muka 9

**Selamat Hari Raya Aidiladha**  
daripada sidang editorial  
akhbar Amanah





# PRU 14 dijangka Oktober

**A**MANAH menjangka Datuk Seri Najib Razak akan mengadakan pilihan raya ke 13 tahun ini juga bagi mengelakkan tekanan kepada Barisan Nasional (BN) kerana ekonomi negara dijangka semakin teruk tahun depan.

Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad berkata, cadangan dakwaan jenayah ke atas 1MDB dan dakwaan rasuah ke atas skandal rasuah Scorpene di Perancis dijangka

akan menyebabkan pentadbiran Najib mengadakan pilihan raya tahun ini juga.

"Saya jangkakan Najib tidak akan tunggu tahun depan untuk adakan pilihan raya. Beliau akan cuba adakan tahun ini juga.

"Tangguhkan pilihan raya ke tahun depan terlalu berisiko untuk beliau dengan dakwaan jenayah 1MDB di Amerika dan dakwaan rasuah Scorpene di Perancis yang kedua-duanya

tidak boleh dikawal beliau," kata Khalid kepada akhbar Amanah.

Untuk itu, ahli parlimen Shah Alam itu menjangkakan PRU 14 akan diadakan seawalnya Oktober ini juga.

Beliau yakin, masalah kekangan kewangan untuk menghadapi pilihan raya akan boleh diselesaikan oleh Najib.

"Kalau bayaran hutang 1MDB kepada IPIC boleh dibuat, kenapa tidak pilihan raya tahun ini," katanya.

## AMANAH kembalikan semula visi Islam yang sesuai semua zaman

Oleh ZIKRI ABDULLAH

**MATLAMAT** untuk menjadikan Islam berupaya mengendalikan kepelbagaian masyarakat Malaysia sepanjang zaman adalah punca Parti Amanah Negara (AMANAH) ditubuhkan.

Timbalan Presiden AMANAH, Salahudin Ayub berkata parti itu muncul untuk mengembalikan semula visi Islam yang mampu menjadi tempat semua pihak meletakkan harapan.

"Konsep 'Islam for All' yang hampir diterima majoriti rakyat negara ini rosak akibat tindakan pihak tertentu yang kembali memainkan semula isu-isu yang telah ditinggalkan 30 tahun di belakang," katanya ketika berucap merasmikan konvensyen Angkatan Wanita Amanah (AWAN) kali ke 2 di Seri Kembangan 19 Ogos lalu.

AMANAH katanya, memikul tugas berat untuk membawa Islam yang sememangnya progresif yang boleh dipercayai dari segi ketelusan dan integriti.

"Walaupun kita diasak dari pelbagai penjuru kita tetapi yakin mampu berkembang kerana asas kita yang kukuh dan jelas.

"Minggu lalu saya di konvensyen pemuda dan hari ini di sini menyaksikan sambutan kepada AMANAH berkembang di luar jangkauan," katanya.



Salahudin melancarkan D'Awan Shoppe sempena Konvensyen Awan Nasional.

Beliau mengimbau kembali tohmahan dan cercaan kepada AMANAH semasa mula ditubuhkan dua tahun lalu.

"Ada yang telah meletakkan tarikh kematian parti ini dan ada yang sudah sediakan batu nisan untuk menguburkannya.

"Namun hari ini seluruh negara sedang menyaksikan AMANAH terus bangkit dan disambut meriah semua lapisan masyarakat termasuk anak-anak muda dan golongan berpendapatan tinggi," katanya.

Sesuatu yang bermula kecil katanya bukan terus kecil tetapi akan membesar bila landasan betul digunakan.

"Negara Singapura bermula kecil tetapi kerana ketegasan dalam soal integriti dan 'good governance' ia muncul gagah di dunia hari ini.

"Dulu kita perlekeh orang Melayu Singapura.

"Biro tata negara (BTN) selalu memainkan isu jangan tukar kerajaan nanti orang Melayu terima nasib seperti Melayu Singapura.

"Sekarang jangan buat main-main, dalam pentadbiran berintegriti, orang Melayu di sana bangkit bersama.

"Mereka ada cukup dana untuk belajar ke peringkat tinggi dan kini bukan luarbiasa orang Melayu di sana menjawat jawatan tinggi dalam pelbagai bidang termasuk ketenteraan," katanya.

Beliau turut menyentuh calon Melayu, Halimah Yaacob yang bakal dilantik sebagai Presiden Singapura.

"Dia dilantik kerana kebolehan beliau bukan semata-mata kerana di Melayu," katanya.

## AMANAH pilih Kedah tapak konvensyen sebelum PRU 14

**PARTI** Amanah Negara (AMANAH) memilih negeri Kedah sebagai tempat untuk mengadakan konvensyen kali kedua mereka tahun ini bagi menjelaskan hasrat parti itu bersama rakan-rakan dalam Pakatan Harapan (PH) untuk menerajui pentadbiran negeri itu selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Menurut Setiausaha Agung, Mohd Anuar Tahir, AMANAH akan mengadakan Konvensyen Nasional 2017 pada 15 hingga 17 September depan di Hotel Royale Signature, Alor Setar Kedah.

Konvensyen dengan tema "Menjunjung Amanah Rakyat" itu merupakan himpunan terakhir yang mengumpulkan seluruh ahli AMANAH sebelum ber-

hadapan dengan PRU14 yang dijangka berlaku bila-bila masa dari sekarang.

"Sehubungan itu kami menjangkakan seluruh ahli, penyokong dan pemerhati dari seluruh negara akan berkampung di sini bagi mendengar pandangan dan arahan kepimpinan khususnya melalui pidato presiden yang akan memberikan panduan hala tuju parti dalam menghadapi PRU14," katanya pada sidang media di Wisma AMANAH Negara 23 Ogos lepas.

Dalam pada itu, Anuar turut mengumumkan perlembagaan AMANAH yang telah mendapat kelulusan Jabatan Pendaftaran Negara (ROS) selepas dua kali dipinda.

## AMANAH sokong RCI Memali, sedia beri keterangan jika dipanggil

**PARTI** Amanah Negara (AMANAH) menyokong penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat peristiwa Memali pada tahun 1985 dan mahu ia diperluas kepada isu-isu yang meibatkan kepentingan negara yang lain termasuk skandal 1MDB.

Timbalan Presidennya Salahuddin Ayub berkata pihaknya bersedia memberikan keterangan kepada RCI jika dipanggil kerana ia adalah forum terbaik menghuraikan kekeliruan rakyat berkaitan isu itu.

"Penubuhan RCI akan menamatkan polemik isu ini supaya pihak kerajaan lebih telus dan bertanggungjawab dalam menangani isu ini dan bukan menjadikannya senjata politik terhadap musuh-musuh politik menjelang PRU14 ini," katanya pada sidang media di Wisma AMANAH Negara 23 Ogos lepas.

Pelbagai pihak termasuk Timbalan Presiden Pas Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man mendesak RCI berkaitan Memali ditubuhkan dan disambut baik oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Menurut bekas Naib Presiden Pas itu, penubuhan RCI ini akan menjawab segala punca dan fakta sebenar peristiwa hitam itu yang menyaksikan kehilangan 14 nyawa orang awam dan empat nyawa pihak berkuasa.

"Tuduh menuduh dan sal-

ing menyalahkan pihak tertentu akan mengeruhkan salah faham berhubung isu ini," katanya.

### BUDAYA TAKFIRI

Beliau berkata, AMANAH memandang bekas serius kenyataan bekas



Salahuddin Ayub

Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor bahawa punca peristiwa Memali adalah disebabkan 'Amanat Hadi' seperti yang diumumkan dalam kertas putih yang dibentangkan di parlimen pada tahun 1986.

"Tindakan pihak polis yang dikatakan bertindak melangkaui batas undang-undang juga memerlukan penyiasatan dan penelitian lanjut agar pihak polis diberikan panduan yang lebih adil dan profesional dalam bertindak menangani situasi tegang," katanya.

Selain itu, Salahuddin mencadangkan terma rujukan utama siasatan RCI berkaitan Memali ini adalah 'mengkaji kesan faham takfiri yang berasaskan Amanat Hadi yang mencetuskan peristiwa Memali' supaya kesan negatifnya dapat diberikan penyelesaian.

"Saya juga melahirkan kebimbangan tentang budaya takfiri yang semakin menular dalam masyarakat hari ini terutamanya dalam kalangan orang Melayu Islam.

"Maka terma ini harus digunakan agar kesan negatif Amanat Hadi kepada penyatuan masyarakat Melayu Islam dapat diteliti, dikaji, dihuraikan dan diberikan solusi," katanya.





Kerjasama dengan pihak luar PH

# Bukan keputusan satu parti

Oleh **ARIF ATAN**

**B**UKIT GANTANG: Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa menegaskan tiada mana-mana parti komponen Pakatan Harapan boleh membuat keputusan bersendirian termasuk dalam hal berkaitan rundingan dengan Pas.

Menurutnya, sebarang keputusan akhir hanya akan dimuktamadkan dalam Pakatan Harapan yang terdiri daripada AMANAH, Keadilan, DAP dan PPBM.

"Walaupun siapa yang pergi berunding dengan Pas akhirnya keputusan dalam Pakatan. Tiada satu parti boleh buat keputusan sendiri," katanya dalam dialog anjuran AMANAH Taiping dekat sini, 19 Ogos lalu.

Menjawab soalan peserta berkenaan

rundingan kerjasama Timbalan Presiden Keadilan, Datuk Seri Azmin Ali dengan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, beliau berkata, kepimpinan Pas pada masa ini sudah berbeza.

"Pas yang ada sekarang bukan yang dulu. Sekarang nak berunding dengan Pas yang telah 'diBR1Mkan' oleh pihak-pihak tertentu.

"Yang pergi bukan calang-calang orang. Datuk Seri Azmin yang pergi. Kalau saya pergi (ziarah), Ustaz Hadi sudah tutup pintu awal-awal lagi," ujarnya.

Husam menganggap kunjungan Azmin yang juga Pengarah Pilihan Raya Pakatan Harapan bersama Presidennya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada 12 Ogos lalu sebagai satu hal positif.

Menurutnya, pengundi atas pagar akan

melihat pendekatan tersebut sebagai bertatasusila dengan tidak sengaja meninggalkan Pas sekali gus menafikan dakwaan negatif sebelum ini termasuk kononnya Pakatan Harapan menjadi 'alat Cina'.

Walau bagaimanapun, beliau percaya rundingan yang diusahakan Menteri Besar Selangor itu sukar mencapai matlamat memandangkan sikap Pas yang sudah diketahui umum.

"Cuma saya kasihan dengan Azmin. Kita tidak boleh buat apa dengan Pas. Kita terpaksa meneruskan perjuangan kita," katanya.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor tersebut berkongsi pengalaman rundingan kerjasama antara Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz

Nik Mat sebelum ini.

"Kalau awal-awal lagi berkokok, telur tiada lagi, susahlah. Jadi, biar telur satu raga dulu, baru kita isytihar (pertemuan dan rundingan).

"Ini pengalaman saya dengan Anwar Ibrahim. Masa dia datang jumpa Tok Guru Nik Aziz, tiada orang tahu. Tok Guru Nik Aziz masa mesyuarat cakap, 'kita kena kerjasama dengan Anwar'. Jadi kerjasama itu.

"Buat dulu (berunding) senyap-senyap, baru hebohkan. Kalau awal-awal hebohkan rasa saya tak menjadi," jelasnya.

Husam turut berkata, 15 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) yang dikuasai Pas pada masa ini perlu diserahkan kepada AMANAH dan PPBM bagi agihan kerusi pada pilihan raya akan datang.

Langkah tersebut, ujarnya harus dilakukan atas faktor termasuk penolakan pengundi Cina terhadap Pas.

"Jadi nak menyelamatkan kerajaan Selangor tak boleh bagi kerusi itu pada Pas walaupun sayang pada dia," kata Husam lagi.

## Musa Hitam cadang tubuh RCI selepas PRU14 Rakyat tunggu RCI 1MDB bukan Memali, kata Muhyiddin



**KUALA LUMPUR:** Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Musa Hitam (**gambar**) berkata Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan peristiwa Memali perlu ditubuhkan selepas pilihan raya umum (PRU) bagi mengelak disalahgunakan untuk kepentingan politik dan memancing undi.

Musa berkata, suasana politik negara yang tenang dan tenteram selepas pilihan raya akan dapat menghindarkan dan mengelak daripada berlakunya apa juga niat serong mana-mana pihak untuk memperalatkan dan melakukan eksploitasi politik terhadap tragedi yang telah melibatkan kehilangan nyawa itu.

Menurut beliau, menanggukhan

penubuhan suruhanjaya itu juga adalah lebih bijak dan lebih menepati tujuan, penubuhan dan prosiding suruhanjaya bagi menyiasat peristiwa itu.

Perkara yang perlu diteliti ialah mengenai kesesuaian masa penubuhan dan prosiding yang dijalankan supaya objektif penubuhannya bukan untuk memenuhi agenda politik sempit jangka pendek hingga mengorbankan kebenaran dan tergelincir daripada matlamat mahu mencari kebenaran secara hakiki, katanya dalam kenyataan media.

Musa yang juga Menteri Dalam Negeri semasa peristiwa Memali pada 19 Nov 1985, berkata beliau tidak ada masalah dengan penubu-

han suruhanjaya itu asalkan ia adalah dengan niat betul untuk mencari fakta dan kebenaran tanpa sebarang prejudis, dan penubuhannya didasarkan kepada Perlembagaan dan undang-undang negara.

Pada 20 Ogos, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilaporkan berkata kerajaan sedia menimbang untuk menubuhkan RCI itu sekiranya ada permintaan daripada mana-mana pihak termasuk keluarga mangsa peristiwa itu manakala pemimpin-pemimpin Pas mencadangkan penubuhannya.

Musa berkata peristiwa itu berlaku hampir 32 tahun yang lalu dan selain daripada penyediaan kertas putih yang diedarkan di Parlimen, tidak ada sebarang tindakan untuk mencari kebenaran dilakukan.

"Saya tidak nampak rasional dan kebijaksanaan untuk melakukannya secara terburu-buru pada masa ini. Di sebaliknya, dengan menanggukhan penubuhan dan prosiding suruhanjaya ini untuk beberapa bulan lagi, akan meletakkan kredibiliti yang lebih tinggi kepada suruhanjaya tersebut, yang akan kelihatan bebas daripada suasana panas dalam musim politik yang begitu bergelora menjelang PRU14," katanya.

**JOHOR BAHRU:** Rakyat sedang menunggu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan 1MDB bukan tragedi Memali, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Presiden PPBM itu berkata, 1MDB adalah isu yang sedang diperkatakan di seluruh dunia, manakala tragedi Memali yang berlaku pada November 1985 sudah melebihi 30 tahun.

"Hal ini sudah berlarut 30 tahun, apa pun ia sudah cukup lama. Saya sendiri diberitahu sudah ada kenyataan, Kertas Putih dan pernah dibahas di Dewan Rakyat.

"Hal seperti itu tidak banyak orang yang mahu ingat semula. Apa yang rakyat tuntut RCI berkaitan 1MDB. Saya tidak kata kes Memali isu kecil.

"Dalam isu 1MDB, negara kehilangan wang dengan jumlah besar, bahkan turut dibicarakan di pelbagai negara," katanya pada sidang media di pejabat PPBM Johor dekat sini, baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi baru-baru ini dilaporkan berkata, kerajaan sedia mempertimbangkan penubuhan RCI untuk mengkaji tragedi Memali pada 1985, jika ada permintaan daripada

individu, pertubuhan atau parti politik.

Menteri Dalam Negeri itu berkata, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam menerusi bukunya bertajuk 'Frankly Speaking' mendakwa diarah menghapuskan Kampung Memali kerana terdapat unsur keganasan dan militan oleh pemimpin Pas.

Susulan itu, Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan berkata, Pas sudah menubuhkan jawatankuasa khas yang dipengerusikan Naib Presiden Pas, Idris Ahmad.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, beberapa individu sudah dinyatakan secara jelas dalam laporan saman Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ), namun kerajaan seolah-olah mengabaikan kepentingan negara.

"Saya bukan hendak alihkan pandangan (daripada RCI Memali kepada 1MDB), tetapi ia kejadian paling serius. Riza Aziz, Low Taek Jho dan Malaysian Official 1 disabit, tetapi tindakan sewajarnya tidak diambil.

"Yang lepas itu lepaslah, tetapi kini kenapa ia tidak begitu. Nampak tidak adil, soal kepentingan negara diabaikan. Saya terbau seolah-olah ada muslihat politik," katanya.

## Tun M sokong tubuh RCI, akui ada banyak bukti

**KUALA LUMPUR:** Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui mempunyai banyak bukti berkaitan peristiwa Memali dan mengalu-alukan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI).

Pengerusi PPBM itu berkata, dengan adanya RCI kerajaan akan mendapat keuntungan daripada isu Memali kerana ia menjadi 'Term of Reference' (TOR) pada masa kini.

"Kerajaan jangan adakan RCI berkenaan 1MDB, duit sebanyak RM2.6 bilion dalam akaun Datuk Seri Najib, duit KWAP yang lesap, hutang berbilion ringgit yang tidak dapat dibayar, pembelian stesen jana kuasa elektrik dengan harga yang lebih mahal dari nilai pasaran dan dijual dengan harga murah sehingga rugi berpuluh juta, pengeluaran filem lucah Wolf of Wall Street, pembelian

harta di United Kingdom (UK) dan Amerika dengan duit 1MDB mengikut Department of Justice (DOJ). Ini semua bukan jenayah.

"Ya. RCI tidak perlu untuk semua ini. Bukanlah AG (Peguam Negara) telah sahkan ia semua halal," ujarnya dalam catatan di blognya baru-baru ini.

Malah Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu juga mahu sekiranya RCI ditubuhkan kerajaan juga perlu me-

nyiasat semula apa yang telah beliau bina selama 30 tahun lalu.

"Banyak lagi perkara yang telah diselesaikan 30 tahun dahulu perlu disiasat oleh RCI. Pembinaan Menara Berkembar, Putrajaya, Cyberjaya, Lebuhraya PLUS, KLIA, Westport, dan lain-lain.

"Semua ini perlu disiasat dengan diketuai oleh tokoh keadilan terkenal berslogan 'Just do it'. Buat sahaja apa yang disuruh. Jangan soal," ujarnya.

Tun Mahathir turut memuat naik salinan 'Amanat Haji Hadi' agar siasatan RCI itu kelak bermula daripada menyiasat amanat tersebut.

"Untuk memulakan siasatan RCI Memali saya siar di sini 'Amanat Haji Hadi'. Ditanya ada kaitan rapat dengan peristiwa Memali. Amanat ini menggalakkan perjuangan lawan kerajaan sebagai jihad dan kematian pejuang adalah syahid," ujar Dr Mahathir.



## Minda Pengarang

### Menjamin keutuhan, kesepaduan Pakatan Harapan

**SANGAT** tepat sekali peringatan Presiden AMANAH, Mohamad Sabu bahawa sebarang rundingan antara PKR dan Pas perlu dimaklumkan kepada Pakatan Harapan.

Menurutnya, PKR boleh berunding dengan mana-mana pihak sekalipun tetapi apa yang dibincangkan itu perlu turut diketahui AMANAH, Bersatu dan DAP.

Kata beliau lagi, dengan siapa pun boleh berunding tapi mesti lapor pada mesyuarat Pakatan Harapan. "Kita akan tentukan had masa (perbincangan PKR-Pas)," katanya ketika ditanya dalam sidang media sempena Konvensyen AMANAH Wilayah Persekutuan di Central Plaza, Bukit Bintang baru-baru ini.

Sebagai Presiden AMANAH, Mohamad Sabu duduk dalam Majlis Presiden yang dianggotai oleh pimpinan tertinggi parti - PKR, DAP, AMANAH dan bersatu. Oleh itu komponen parti dalam Pakatan Harapan perlu diberitahu apapun kegiatan komponen yang berkaitan dengan kepentingan Pakatan; justeru ia adalah pakatan mega pembangkang untuk menghadapi PRU14.

Komponen dan kepimpinan Pakatan Harapan perlu faham akan peraturan yang ada dan mematuhi, kalau tidak maka sangat sukar kepimpinan Pakatan Harapan untuk berjalan lancar dan berintegriti.

Walaupun Pas pada Mei lalu memutuskan tahaluf siyasi dengan PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail baru-baru ini dilaporkan tidak menolak kemungkinan untuk bekerjasama dengan parti di luar Pakatan Harapan itu.

Mohamad Sabu berpendapat, bahawa PRU14 sebagai detik paling sesuai untuk rakyat memberi mandat kepada Pakatan Harapan. Suasana sekarang, katanya, menghak kepada Pakatan Harapan untuk mengambil alih pemerintahan nega-

ra jika menang PRU14 nanti.

Memang tepat pandangannya ini. Oleh itu, jangan ada pihak dalam komponen Pakatan Harapan bertindak sendiri walau apapun alasannya. Jika peraturan ini tidak dipatuhi, sangat dikhuatiri akan menjadi elemen yang boleh memecahkan Pakatan Harapan, sesuatu yang memang sangat diharapkan oleh musuh. Maka elakkanlah elemen perpecahan ini. Pakatan Harapanlah satu-satunya wadah pembangkang yang dilihat mampu berdepan dengan Umno-BN.

Sama ada PRU14 akan diadakan segera atau lama lagi, namun Pakatan Harapan dan komponennya perlu bersedia dari sekarang untuk menghadapinya. Laporan yang diterima menunjukkan, siri jelajah himpunan 'Sayangi Malaysia Hapus Kleptokrasi' baru-baru ini telah mendapat sambutan hangat dari rakyat. Ia akan berakhir di Petaling Jaya, Selangor pada 14 Oktober depan.

Semakin dekat dengan PRU14 ini, maka semakin diperlukan perpaduan Pakatan Harapan. Biarlah semua suara dan pendapat menjadi satu, iaitu mewakili Pakatan Harapan. Rakyat sedang memerhatikan keutuhan mega pembangkang ini dan harapan mereka amat tinggi terhadap kemampuan Pakatan Harapan untuk menyelamatkan negara ini serta membinanya kembali agar rakyat seluruhnya dapat menikmati kemakmuran bersama.

Dari itu, sangat perlu memperkuatkan Pakatan Harapan. Maka seruan dan kenyataan Mohamad Sabu itu sangat tepat dan sangat perlu diberi perhatian. Seperti dikatakan, rakyat sedang memerhatikan Pakatan Harapan dan bersedia memberikan mandat dalam PRU14 jika ia mampu bersatu dan memperlihatkan kekuatan dan kemampuannya.

# Jadilah pemenang bukan kecundang

**MANUSIA** adalah makhluk yang terlahir dengan dianugerahkan potensi dan bakat. Manusia juga jika dibandingkan dengan makhluk yang lain adalah yang lebih sempurna. Sejak awalnya, kitalah pemenang kerana berjaya terlahir di dunia ini. Namun, persekitaran merubah kita. Sehingga pada akhirnya ada yang menjadi pemenang dan ada juga yang kecundang.

Dalam sesebuah pertandingan, pastinya kita ingin mencapai kemenangan yang paling utama. Ya, kerana lumrah pertandingan siapa yang ingin kalah? Namun, tidak ramai manusia ingin menang dan mencapai kejuaraan dalam setiap perkara dalam kehidupan yang tiada kaitan dengan pertandingan.

Firman Allah SWT dalam Surah Hud ayat 93, maksudnya: "Dan (dia berkata): "Hai kaumku, berbuatlah menurut kemampuanmu, sesungguhnya aku pun berbuat (pula). Kelak kamu akan mengetahui siapa yang akan ditimpa azab yang menghinakannya dan siapa yang berdusta. Dan tunggulah azab (Tuhan), sesungguhnya aku pun menunggu bersama kamu."

Ayat ini berkaitan dengan per-



Pencerahan Mingguan  
**TANWEER  
USBUII**

USTAZ ABDUL GHANI SAMSUDDIN  
Timbalan Penasihat Umum AMANAH

intah untuk bekerja. Jadi, dunia ini adalah bahan pertarungan, tempat berlumba meraih sebuah kejuaraan. Jika tidak berlumba atau berbuat apa-apa nescaya siapapun termasuk kita sebagai muslim akan digilas oleh zaman. Walhal, Allah menjanjikan sebuah kemenangan untuk kita, tetapi kita harus mengambil sebab

dengan mengerahkan potensi, bekerja, berbuat, beraksi dan tidak pasif.

Jelaslah bahawa untuk menjadi pemenang itu perlukan petugas yang bekerja. Meraih sebuah kecemerlangan dengan kegigihan bermula daripada diri sendiri dan bertindak. Hanya pemenang yang

maklum untuk mencapai kejuaraan. Kita yang menentukan sebuah kemenangan atau kecundang.

Kerana Allah SWT menjelaskan di dalam Surah al-Hasyr ayat 20. maksudnya: "Tidak akan sama antara orang-orang penghuni neraka dan orang-orang penghuni syurga."

**“...Meraih sebuah kecemerlangan dengan kegigihan bermula daripada diri sendiri dan bertindak. Hanya pemenang yang maklum untuk mencapai kejuaraan. Kita yang menentukan sebuah kemenangan atau kecundang.**



Ujian dalam perjuangan sentiasa hadir. Dicaci, dimaki dan dilabel dengan pelbagai label buruk ini merupakan asam garam dalam hidup berjuang. Ia merupakan satu tarbiyyah buat diri kita. Itu belum lagi diuji dengan ditahan dalam penjara, ISA (dulu lah) dan lokap. Semuanya menguji jati diri kita.

Melihat sahabat-sahabat serta adik-adik generasi baharu yang begitu cecal bersama AMANAH walaupun pelbagai ujian dan cabaran yang mereka hadapi meyakinkan saya bahawa parti ini insya Allah akan semakin utuh untuk masa mendatang.

Kami yang sudah berusia ini berhadapan dengan benda yang sama sewaktu muda kami dan Alhamdulillah hari ini kami mampu tersenyum berhadapan ujian-ujian yang datang. Dua tahun AMANAH... betapa Parti ini telah menyegarkan kembali ruh perjuangan kami !!!

**MOHAMAD SABU**  
Presiden AMANAH





# Mahathir lawan Najib

**SUASANANYA** tegang dan murung apabila pembangkang dan NGO nampaknya gagal meyakinkan antara satu sama lain dalam kontroversi kemasukan Dr Mahathir Mohamad ke dalam Pakatan Harapan.

Belum lagi pasti berapa undi yang boleh dipungah oleh Mahathir dari Umno, pembangkang sudah kehilangan sebahagian penyokong tradisionalnya. Moga-moga ia tidak berakhir dengan yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran.

Sungguhpun demikian, untuk saya, satu-satunya perkara yang positif lantaran langkah *U-turn* oleh Mahathir adalah terburainya mitos seorang tokoh yang cuba didewakan dengan jentera negara untuk berdekad-dekad. Keagungan Mahathir bukan disebabkan ketiangan sosoknya, tetapi rakyat sendiri yang sujud serendah-rendahnya di depan susuk ini.

John Funston, seorang ahli akademik Australia yang mengkaji rantau Asia Tenggara memberi penilaian yang agak objektif terhadap Mahathir ketika Mahathir berundur pada tahun 2003. "Sumbangan dan dosa Mahathir telah diperbesar," kata John Funston kepada Liew Chin Tong dalam satu wawancara, yang disiarkan dalam sebuah majalah bahasa Cina pada penghujung tahun 2003.

Ya, saya masih ingat bagaimana bulu roma saya meremang ketika menonton siaran langsung saat-saat Mahathir meninggalkan pejabatnya sebagai Perdana Menteri ke-empat.

Pengacaranya menyifatkan Mahathir sebagai "bukan manusia biasa, tetapi manusia luar biasa".

Pemuja Mahathir menganggap pembangunan ekonomi yang pesat sepanjang tempoh 22 tahun itu disebabkan kehebatan Mahathir semata-mata, tanpa mengambil kira faktor pertumbuhan ekonomi serantau ketika zaman itu, dan juga hasilnya yang dituai daripada dasar-dasar yang dimulakan sejak zaman allahyarham Tun Abdul Razak.

Begitu juga dengan pengkritiknya. Mereka menganggap segala kebobrokan dan kepincangan sistem negara disempurnakan hanya dengan telunjuk Mahathir, tanpa peranan watak lain. Semua angkara berjalan kerana "arahan atas", seolah-olah jikalau diarahkan mengorek tahi dari tandas dan kemudian menelannya, pengikut akan melakukannya tanpa sebarang pertikaian, malah akan dipuji "enaknya tahi itu".

Maka amat dialu-alukan apabila Mahathir bergaduh sesama Najib, bukan kerana saya sebagai Cina boleh bertepuk tangan, tetapi menyedari proses ini akan meleburkan patung mitos yang telah diagung-agungkan selama ini. Saya tidak menafikan sumbangan positif Mahathir. Mustahil seseorang PM hanya melakukan kerosakan sepanjang 22 tahun. Namun, skandal dan salah laku sepanjang 22 tahun, tidak harus ditutup begitu sahaja. Rakyat membayar harga yang tinggi lantaran kepincangan dan kerosakan yang dilakukan.



Siang-Malam  
Lim Hong Siang

Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawa skandal-skandal lama ini ditimbulkan semula kerana pergelutan politik. Mengapa Najib masih mempertahankan Mahathir seketika dahulu sedangkan isu Memali, skandal Forex telah berlaku pada abad lalu? Begitu juga sebaliknya. Mengapa Mahathir memim-



bulkan semula isu pembunuhan Altantuya sekarang, sedangkan pembangkang sudah lama mempertikaikannya, dan Mahathir tetap membela Najib ketika itu?!

Di sini kita dicelikkan, bagaimana jentera negara digunakan untuk menutup kepincangan dan

mengagung-agungkan orang yang sedang berkuasa. Pada masa yang sama, pembangkang dimomokkan sebagai orang yang tidak bermoral, tercalar imej dengan skandal seks dan sebagainya. Semua ini ada kaitannya dengan KUASA dan institusi negara yang disalahgunakan.

Jadi, seandainya Mahathir berpegang kepada pandangan bahawa segala-gala kerosakan Malaysia pada hari ini berpunca daripada Najib, dan Malaysia akan menjadi baik jikalau Najib digulingkan; maka secara tidak langsungnya Mahathir mengiyakan tuduhan bahawa Mahathirlah punca segala skandal yang berlaku ketika zaman pemerintahannya.

Namun sejarah mengajar kita bahawa ia tidak berlaku sebegitu. Mahathir telah berundur pada 14 tahun yang lalu, tetapi demokrasi Malaysia masih dicengkam, dan korupsi semakin berleluasa – sungguhpun tangan yang mencengkam kebebasan itu bukan lagi milik Mahathir. Begitu juga di sebaliknya. Seandainya Najib cuba menyasarkan Mahathir seorang sebagai punca segala kejahatan, maka dirinya secara tidak langsung mengakui bahawa PM seoranglah yang harus dipertanggungjawabkan untuk segala masalah negara. Jikalau "manusia luar biasa" seketika dahulu boleh

dicari kesalahannya, takkan Najib boleh bebas dan kebal dari skandal apabila tidak lagi berkuasa?

Persoalannya, bukankah skandal harus didedahkan seawal mungkin, supaya kesan buruknya dikawal? Bukankah semak-imbang itu penting dalam sistem negara, agar negara tidak meluncur mengikut telunjuk yang berkuku besi? Bukankah lebih baik diktator dan koruptor digulingkan ketika berkuasa, agar penggantian sedar dirinya dipantau dan boleh dijatuhkan bila-bila sahaja?

Jangan lagi kita terpedaya bahawa wujudnya manusia luar biasa di bumi ini. Jangan lagi kita pertanggungjawabkan segala kesalahan ke atas satu sosok tubuh, tanpa kita sedari bahawa orang di kelilingnya, dan rakyat seperti kita, juga ada peranan untuk menghentikan salah laku sang penguasa.

Kita memasuki satu zaman di mana pemimpin ditampilkan media bahawa individu inilah jawapan kepada segala persoalan. Tetapi berkali-kali andaian ini dibuktikan salah - Presiden, atau Perdana Menteri baru yang tinggi popularitinya lantaran dilambung media, akhirnya gagal menyelesaikan kesemua masalah yang berpijak di bumi negaranya.

Kita semua manusia biasa, termasuk Najib dan Mahathir. Apa yang diperlukan sekarang adalah memperbaiki sistem dan jentera negara sedia ada, agar ia tidak memperbesar pemimpin, atau memperkecilkan rakyat dan pembangkang.

## Wajah muram 60 tahun merdeka

**HANYA** beberapa hari saja lagi negara ini akan menyambut ulangtahun kemerdekaannya yang ke-60, suatu usia yang cukup dewasa. matang dan ulit.

Ibu kota dan bandar lain di tanah air sudah mula dihias dengan bendera Jalur Gemilang dan kain rentang dengan bunga raya di mana-mana.

Kemerdekaan negara adalah hasil perjuangan keringat dan air mata pemimpin dan rakyat. Semuanya telah berkorban untuk sebuah cita-cita iaitu merdeka. Walaupun ia tidak menumpahkan darah rakyat, tetapi tetap mahal harganya,


Perjuangan mendapatkan kemerdekaan ini sangat lama dan getir. Di sini jangan dilupakan perjuangan para pejuang masa lalu. Antaranya, Ibrahim Yaakub, Dr Burhanuddin Al-Helmy, Ishak Haji Muhamad, Ahmad Boestamam dan lain-lain yang dikenali dan

tidak dikenali. Mereka tetap berjasa.

Mari kita mengenang para tokoh ini yang menjadi putera terbaik negara. Di sini masih kita ingat bagaimana di tengah malam 31 Ogos, jam besar di Bangunan Sultan Abdul Samad berbunyi 12 kali, bendera Union Jack, lambang penjajahan British diturunkan, Semuanya disaksikan oleh rakyat, rumput-rumpai dan segalanya di Dataran Merdeka. Dengan ribuan rakyat dan pemimpin negara hadir waktu itu.

Di mana-mana, di seluruh tanah air, kegembiraan rakyat sama drasakan. Hari ini, 60 tahun kemudian, kita merenung kembali Dataran Merdeka dan negara kita keseluruhannya.

Di saat ini, anak cucu kita, pewaris kemerdekaan ini, dan kita sendiri mengesat air mata,



CETUSAN MINDA  
ABDUL SHUKUR HARUN

memikirkan nasib yang menimpa. Dengan ribuan graduan yang sedang menganggur, ada siswa yang tidak cukup makan, kemiskinan rakyat semakin meluas, dengan harga barangan yang terus naik yang sama sekali tidak sepadan dengan pendapatan mereka.

Harga minyak yang terus naik, ibu bapa mengeluh kerana belanja persekolahan anak terus meningkat. Bagi yang berpendapatan rendah dan sederhana kehidupan mereka dirasakan sangat ter- tekan, tapi siapa yang peduli. Ibu bapa merenung jauh akan nasib masa depan anak cucu mereka. Bagaimana mereka akan menghadapi kehidupan masa depan yang begini rupa.

Benar rezeki di tangan Allah SWT begitu juga qada' dan qadar di tangan-Nya,

Tetapi di mana tanggungjawab pihak yang berkuasa negara, yang memegang amanah rakyat untuk menyediakan masa depan rakyat masa kini dan akan datang.

Ulamak dan ahli sains sosial yang agung Ibnu Khaldun dalam kitabnya *Muqaddimah Ibnu Khaldun* menyebut bagaimana tanggungjawab mereka yang memimpin negara, iaitu pihak pemerintah di mana saja wajib menyediakan masa depan yang lebih baik kepada rakyatnya.

Kata Ibnu Khaldun lagi, mereka memikul amanah berat untuk mengurus tadbir negara dengan penuh amanah, melempahkan kesejahteraan dan memulangkan kemakmuran negara kepada rakyat secara adil. Mereka perlu menegakkan keadilan.

Adalah tidak amanah, katanya, jika pemerintah ituk menumpukan kekayaan kepada satu golongan tertentu saja. Pemimpin itu, kata Ibnu Khaldun, akan disoal oleh Al-

lah SWT di hari kemudian nanti.

Hari ini kita melihat rasuah sudah merata dan berskala besar, pembaziran dan salahguna kuasa, hutang negara tidak terperi banyaknya, jurang miskin kaya semakin luas.

Inilah wajah negara yang sedang bersiap untuk menyambut ulangtahun kemerdekaan ke-60. Jam besar dan Dataran Merdeka tempat keemerdekaan negara diisytiharkan 60 tahun lalu itu masih bercokol dan menyaksikan segalanya.

Di mana-mana, di kota dan di desa, rakyat berpendapatan rendah dan sederhana mengeluh kerana hambatan kos sara hidup begitu tinggi.

Aduhai, itulah wajah negara yang kita cintai ini ketika menyambut 60 tahun merdeka, sedangkan hasil bumi dan lautnya selama ini melimpah-ruah. Ke mana perginya kekayaan ini?



# BN tabur janji kerana tahu akan kalah

Oleh **ARIF ATAN**

**K**EPALA BATAS: Kerajaan Umno-BN pada masa ini menabur pelbagai janji kepada rakyat kerana tidak perlu menunaikannya lantaran tahu akan kalah pada pilihan raya umum akan datang, kata Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, duit dihulur kepada semua pihak termasuk warga Felda seperti pengumuman Datuk Seri Najib Razak untuk melupuskan hutang tanaman semula kepada 94,956 peneroka yang kebun mereka diurus oleh Felda atau menghantar hasil kepada Felda.

"Hutang Felda dimansuhkan tidak payah bayar hutang sebanyak RM1.6 bilion. Duit kerajaan kononnya akan diguna untuk menghapuskan hutang peneroka Felda.

"Sebab apa janji? Sebab dia tahu dia kalah. Bila kalah tak payah tunai janji," bidasnya ketika berucap sempena siri Jelajah Semarak anjuran Bersatu dekat sini, 18 Ogos lalu.

Najib yang juga Menteri Kewangan sempena Sambutan Hari Peneroka Felda 2017 Peringkat Kebangsaan di Putrajaya, pada 23 Julai lalu mengumumkan enam insentif kepada warga Felda termasuk melupuskan sebahagian baki pinjaman saham Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV).

Mengulas lanjut, Tun Mahathir berkata, segenap lapisan rakyat terbeban akibat kejatuhan nilai mata wang negara termasuk kontraktor kecil dan

pengusaha kedai makan.

"Semua rakyat menderita sekarang ini. Kontraktor kecil gulung tikar. Kedai makan kecil-kecilan terpaksa tutup kerana tiada pelanggan.

"Peluang pekerjaan sudah kekurangan bukan sahaja yang tiada kelulusan, yang ada ijazah dalam dan luar negeri pun tidak ada peluang untuk bekerja," ujarnya.

Beliau menyifatkan keadaan tenat kewangan negara pada masa ini berlaku kerana pentadbiran Malaysia sekarang sudah rosak akibat duit kerajaan dicuri.

"Perdana Menteri dituduh mencuri. Tiada negara di dunia ini dikenali seluruh dunia sebagai penyagak. Keluar laporan yang menyebut tentang Perdana Menteri Malaysia adalah kleptokrat iaitu pencuri.

"Sebab itu duit tidak cukup. Sebab itu anak-anak kita yang lulus tinggi sudah tiada peluang pekerjaan," tegas Pengerusi PPBM itu.

Akibatnya, jelas beliau kerajaan terpaksa mengenakan pelbagai jenis cukai bermula dengan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) tidak terkecuali ke atas bayi.

"Dulu 'sales tax' (cukai jualan) sedikit saja. Kalau beli baru bayar tetapi cukai GST ini, anak yang baru lahir pun kena bayar cukai. Susu kena cukai.

"Ini zaman Najib, duit tiada. Dia kenakan cukai. Dia fikir macam mana lagi nak dapat duit kerajaan. Maka dia kenakan cukai ke atas bilik tidur.

"Siapa yang tidur di hotel kena



Tun Mahathir dan para pemimpin Pakatan Harapan di pentas utama.

cukai. Ini kali pertama kita ada cukai semacam itu tapi tidak cukup. Sekarang ini siapa naik kapal terbang kena bayar seringgit," ujarnya.

Beliau menambah, rakyat kini ditekan dengan cukai tambahan manakala hospital pula kehabisan ubat.

"LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri) sekarang ini memeriksa kononnya ramai orang tidak bayar cukai. Di hospital dulu dapat ubat percuma, sekarang kita diberitahu hospital kehabisan ubat.

"Kalau nak, kena beli ubat sendiri sebab kerajaan tidak ada duit sebab duit itu dicuri berbilion-bilion ringgit," dakwanya.

Bekas Perdana Menteri itu berpendapat kerajaan pada awalnya mempunyai cukup wang tetapi disalah

guna termasuk dijadikan sogokan kepada rakyat untuk menagih sokongan kepada BN.

"Oleh sebab duit itu diseleweng masuk poket sendiri maka duit kerajaan sekarang berkurangan. Duit yang ada pula disogokkan.

"Di Alor Setar, ada satu tempat mempunyai penduduk lebih kurang 5,000 orang. Datanglah orang Umno kononnya nak buat perkiraan penduduk tetapi bila buka pintu dia hulur setiap orang RM100.

"Itulah cara nak beli sokongan. Duit itu datang dari mana? Datang dari cukai kerajaan. Sogokan itu diberi supaya menyokong BN pada pilihan raya akan datang," tegasnya lagi.

Terdahulu, Mahathir dalam mukadimah ucapannya berkata, jumlah orang ramai yang datang ke program

Jelajah Semarak anjuran PPBM amat ramai dan di luar jangkaan.

"Mereka tidak diberi kerusi tetapi duduk di atas tanah. Mereka tidak balik selagi ucapan belum habis. Adanya orang ramai sampai tengah malam. Ini kerana negara ini tidak ditadbir dengan baik," tambahnya lagi.

Turut hadir Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng yang juga Setiausaha Agung DAP serta pemimpin parti gabungan Pakatan Harapan, menentang RNAA yang melibatkan KTMB dan RAC memandangkan perjanjian yang sepatutnya selesai pada 2018 itu akan memindahkan semua aset dan rolling stock yang dimiliki KTMB kepada RAC.

Langkah ini, bagi PH adalah 'pintu belakang' bagi kerajaan BN memberikan akses kepada syarikat kroni menggunakan rangkaian rel untuk mengambil alih perkhidmatan KTMB termasuk 'freight and haulage' yang merupakan 42 peratus hasil syarikat keretapi itu.

Malah melalui perjanjian itu juga, kos operasi ditanggung KTMB akan meningkat ekoran RAC akan mengenakan caj kepada syarikat terbabit bagi penggunaan 'rolling stock'.

Selain itu, kata gabungan itu lagi, RAC dengan 38 pekerja tidak akan mampu menguruskan asetnya dengan baik dan dibimbangi akan menawarkan kerja-kerja berkenaan secara kontrak kepada syarikat kroni BN.

## Tiga strategi PH untuk tawan Kedah

**KUALA LUMPUR:** Pakatan Harapan (PH) tidak perlu mensia-siakan peluangnya di Kedah dengan meletakkan parti yang tidak berpeluang untuk menang.

Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang berkata, perkara tersebut perlu diberi perhatian bagi menjamin kemenangan PH mengambil alih pentadbiran dari BN dengan menyenaraikan tiga strategi penting bagi mengukuhkan kekuatan pembangkang di negeri jelapang padi itu.

Strategi pertama katanya, PH perlu memenangi kubu kuat BN termasuk dua kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) N1 Ayer Hangat dan N2 Kuah di Langkawi, ini termasuk dua kerusi Dun di N5 Bukit Kayu Hitam dan N6 Jitra di Parlimen Kubang Pasu.

"Jika PH memenangi Parlimen Langkawi dan dua kerusi negeri tersebut n scenario yang belum pernah terfikirkan, maka ia merupakan petunjuk nyata berlakunya 'tsunami politik' pilihan

raya di Malaysia seterusnya ke seluruh Semenanjung Malaysia hingga ke Johor," katanya dalam satu kenyataan.

Kedua katanya, DAP harus diberi peluang meningkatkan sokongan rakyat khususnya masyarakat bukan Melayu kepada PH dengan meletakkan calon di kawasan tengah dan selatan Kedah.

"Di bahagian tengah, DAP minta untuk meletakkan calon di N22 Gurun (Parlimen Jerai) n kerusi campuran pelbagai kaum (56% Melayu, 27% Cina dan 17% India) yang mana dimenangi oleh MCA pada tahun 2013.

"Bagi selatan Kedah, DAP meminta supaya dapat meletakkan calon di kerusi N35 Kulim yang juga kerusi campuran (60% Melayu, 23% Cina dan 17% India) yang kini disandang MCA menewaskan calon Keadilan dalam PRU13 dengan 643 majoriti," kata Kit Siang.

Menurutnya, jika tidak diberi peluang bertanding di kerusi parlimen atau

Dun di bahagian selatan, ia dikhawatiri menyebabkan DAP mengalami kesukaran untuk memobilisasi penyokong membantu jentera PH negeri itu.

Ketiga kata Kit Siang, PH harus menunjukkan perpaduan yang lebih kukuh dan mantap berbanding BN.

"Penguatan PH di Kedah memudahkan rakyat jelas untuk buat pilihan.

"Ini akan memberikan kelebihan kepada penyokong atas pagar dan pro-pembangkang untuk mengundi PH berbanding membazirkan undi mereka kepada parti yang tidak mempunyai peluang untuk menang di kerusi negeri, mahupun peringkat persekutuan," katanya lagi.

Dalam PRU13, DAP hanya bertanding di dua kerusi negeri tanpa sebarang kerusi parlimen di Kedah dan memenangi kedua-dua kerusi tersebut di N11 Derga di bawah Parlimen Pokok Sena dan N13 Kota Darul Aman di Parlimen Alor Setar.

## Ku Nan bimbang sokongan kepada Umno merosot

**TANJUNG PIAI:** Jentera Umno dan BN perlu menggiatkan usaha bagi meningkatkan sokongan rakyat terhadap BN pada pilihan raya umum (PRU) ke-13 dalam usaha mencapai kemenangan besar pada PRU ke-14.

Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata jentera Umno masih mempunyai masa untuk menggiatkan usaha berkenaan.

"Anggota Umno di peringkat akar umbi juga perlu mengenal pasti faktor sebenar yang menyebabkan rakyat tidak mahu menyokong parti sama ada ia disebabkan ada segelintir pemimpin dan wakil rakyat tidak turun ke bawah merasai denyut nadi rakyat," katanya dipetik Bernama.

"Setiap yang berlaku mesti ada sebab. Cari puncanya dan betulkan punca itu. Barangkali, disebabkan perangai kita, lagak kita," katanya berucap merasmikan persidangan perwakilan Umno Tanjung Piai, 19 Ogos lalu.

Turut hadir ketua Umno Bahagian Tanjung Piai Datuk Md Othman Yusof. Tengku Adnan bimbang dengan trend penurunan sokongan yang dicatatkan sejak PRU-11 dan mahu usaha dijalankan bagi memberi perengaran kepada rakyat.

Beliau berkata sehubungan itu, jentera kepimpinan Umno dan BN mesti mengamalkan resmi padi yang semakin 'menunduk apabila berisi'.

Menteri Wilayah Persekutuan itu berkata beliau percaya sokongan rakyat kepada Umno dan BN akan bertambah sekiranya jentera kepimpinan sentiasa turun padang berjumpa rakyat.



**ASH-HAR**  
TRAVEL & TOURS SDN BHD  
شركة أشهر للسياحة  
Ditubuhkan Sejak: 1994 منذ ١٩٩٤  
No. Lesen Haji: PJH 19/1438H  
No. Lesen KPL: 5259

Ibadah Umrah Lebih Mudah Bersama

# ASH-HAR

## TRAVEL & TOURS SDN BHD

UMRAH • HAJI • PELANCONGAN

HARGA  
SERENDAH  
**RM 5,990**  
SEORANG

Kami Menyediakan Pakej:

### UMRAH TERUS

#### UMRAH EKONOMI

12 HARI 10 MALAM

Penginapan:  
Madinah: SOFARA AL HUDA /Setaraf  
Makkah: NADA DEFAH /Setaraf

Harga:  
**RM 5,990**

#### UMRAH EKSKLUSIF 5 BINTANG

12 HARI 10 MALAM

Penginapan:  
Madinah: SOFARA AL HUDA /Setaraf  
Makkah: AL SAFWAH HOTEL /  
HILTON TOWER/Setaraf

Harga:  
**RM 7,390**

#### UMRAH MUSIM CUTI SEKOLAH

Penginapan:  
Jarak Hotel (Makkah): 200-350 meter  
TERMASUK Cuti Sekolah Bulan Mac

Harga:  
**RM 6,790**

#### UMRAH MUSIM BIASA

TIDAK TERMASUK Cuti Sekolah dan  
Musim Perayaan

Harga:  
**RM 5,990**

### UMRAH & ZIARAH

### UMRAH TRANSIT

### BADAL HAJI & UMRAH

Serta Pakej:

### HAJI EKONOMI & VIP

- **PAKEJ EKONOMI :** RM 29,700 - RM 40,700
- **PAKEJ KHAS :** RM 36,700 - RM 45,700
- **PAKEJ AL SAFWAH :** RM 53,900 - RM 61,900
- **PAKEJ AL SAFWAH (VIP 1) :** RM 99,900 - RM 109,900
- **PAKEJ DAR AL TAWHID (VIP 2) :** RM 149,000 - RM 159,000

### PELANCONGAN LUAR NEGARA

AMAZING TURKEY (WINTER)	RM 4,699 (11-19 NOV 2017), RM 4,999 (1-9 DEC 2017)
YOGJAKARTA	RM 2,099 (26-29 AUG 2017/15-18 DEC 2017)
KOREA (WINTER)	RM 4,299 (1-5 DEC 2017)
MELBOURNE (SUMMER)	RM 4,799 (1-6 DEC 2017)
HO CHI MINH	RM 1,599 (22-26 JUL 2017/25-28 NOV 2017)
BRISBANE GOLDCOAST (SUMMER)	RM 5,500 (26-31 DEC 2017)
GUANGZHOU (SUMMER & WINTER)	RM 1,880 (16-20 DEC 2017/13-17 DEC 2017)
BALI	RM 1,850 (16-20 SEPT 2017/1-5 DEC 2017)
BEIJING (WINTER)	RM 3,550 (27 DEC 2017-2 JAN 2018)
LOMBOK	RM 1,899 (10-13 AUG 2017/9-12 DEC 2017)
BRUNEI	RM 1,550 (6-8 OCT 2016/8-10 DEC 2017)
BANGKOK PATTAYA	RM 1,850 (25-29 OCT 2017)
HONGKONG SHENZHEN	RM 3,550 (28 DEC 2017-1 JAN 2018)
UZBEKISTAN TOUR (WINTER)	RM 5,399 (29 NOV-6 DEC 2017)

HUBUNGI KAMI DI:

**ASH-HAR TRAVEL & TOURS SDN BHD**

23-1 JALAN 3/76D, DESA PANDAN, 55100 KUALA LUMPUR



**03-9200 7050**



ashhartravel@gmail.com



+6017-367 5070

UNTUK MAKLUMAT TERKINI, LAWATI KAMI DI:



Ash Har Travel & Tours Sdn Bhd



ash\_har94



@ashhartravel



toursashhartravel.

wixsite.com/desapandan



**EJEN DIPERLUKAN**



# Pas bukan 'king maker' tetapi 'suicide bomber', kata Husam

Pas tidak realistik apabila mendakwa parti itu boleh menjadi *king maker* kerana halatuju parti itu sekarang hanya umpama *suicide bomber*, kata Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa.

Beliau berkata, dalam situasi Pas tidak bersama Pakatan Harapan (PH) parti itu tidak diyakini dapat mengekalkan 14 kerusi parlimen yang disandang jika berlakunya pertandingan tiga penjur.

"Pas mendakwa dia boleh bertanding 100 kerusi parlimen dan 40 kerusi dalam tangan. Tambah lagi jadi 80, tambah lagi jadi 100 dan dia boleh jadi 'king maker'.

"Sekarang Pas ada 14 kerusi dalam parlimen. Adakah boleh dijamin selepas pilihan raya akan datang Pas ada 14 kerusi? Kerusi Temerloh (Pas) tiga penjur, Bukit Gantang, tiga penjur, selesai, Kota Raja Pas jangan bermimpi.

"Saya kira-kira tinggal tiga atau lima kerusi Pas. Kalau dapat lima kerusi Parlimen siapa siapa nak



Husam bersama pimpinan Pakatan Harapan Perak di Konvensyen AMANAH Perak 20 Ogos lalu.

lantik dia jadi *king maker*? Itu *suicide bomber*.

"Ini bahasa yang tidak logik yang dilontar oleh Pas. Tapi bagi orang Pas yang tak faham apa dia anggap Pas *king maker*," katanya sewaktu merasmikan Konvensyen AMANAH Perak di Ipoh, hari ini.

## PH BOLEH MENANG DI PERAK

Beliau juga yakin PH mampu mengambil alih Perak dari BN jika mengekalkan formula yang digunakan pada tahun 2008 iaitu pembangkang meletakkan satu calon sahaja menjadi perlaw-

nan satu lawan satu.

"Seingat saya formula pada 2008 ialah antara lain bagi mengelakkan pembaziran kekuatan kita walaupun kita tidak dalam satu platform yang sama kita setuju supaya pembangkang hanya meletakkan satu calon di satu-satu tempat untuk membolehkan kita mendapat undi maksimum rakyat bagi mengalahkan Umno.

"Oleh itu satu lawan satu diwujudkan. DAP pun bersetuju walaupun bukan dalam pakatan. PKR setuju kerana dia rakan Pas ketika itu. Ketika itu temanya bukan menjatuhkan kerajaan tapi mengurangkan majoriti BN," katanya.

Beliau berkata, PH di Perak perlu menyusun strategi untuk mengambil kerusi tradisional Umno-BN.

"Kita ingin mengulangi pencapaian ini tinggal lagi bagaimana kita mahu menyusun. Sekarang ada Bersatu, tapak BN harus kita tugaskan kepada Bersatu untuk meningkatkan undi kerusi tradisional kepada PH. Saya yakin ini boleh dilakukan," katanya.

## 'Jangan buang masa pujuk pihak tiada pendirian'

AMANAH Perak, meminta rakan-rakannya dalam Pakatan Harapan agar berhenti membuang masa dengan memujuk pihak yang tidak ada sikap dan berani membuat keputusan.

Pengerusinya, Asmuni Awi ketika berucap di Konvensyen AMANAH Perak berkata, pihaknya lebih mengenali 'mereka' yang dipercayai ditujukan kepada Pas itu.

"Jangan buang masa memujuk pihak-pihak yang tegaknya tiada tulang belakang, duduknya rapuh di pinggang.

"Sekejap ber'kluk' ke kanan sekejap ber'klik' ke kiri. Pinar mencari arah. Tak tahu ke mana nak dituju. Sekadar ingatan, kami lebih mengenali 'mereka' dari orang lain mengenalinya," katanya dalam ucapan di Konvensyen AMANAH Perak kali ke-2 di sebuah hotel di Ipoh, 20 Ogos lalu.

Katanya, sejarah pilihan raya umum Ke-12 (PRU12) pada tahun 2008 yang menyaksikan tumbangannya BN di Perak boleh diulangi kembali dengan syarat Pakatan Harapan (PH) bersatu hati dan saling mempercayai.

Asmuni berkata, tidak boleh ada agenda tersembunyi dalam kalangan parti komponen PH termasuk membuang masa memujuk pihak yang tidak konsisten untuk menentang Umno-BN.

"Apa sahaja yang kita lakukan di peringkat negeri akhirnya adalah untuk mengukuhkan Pakatan Harapan. Hari berlalu masa beredar," katanya.

Asmuni menegaskan, AMANAH harus memperkukuh muafakat dengan PH di Perak kerana BN sedang mencari nafas baru untuk terus mendapatkan mandat rakyat.

"Bagi BN Perak, Pilihan Raya Umum Ke-14 ibarat bahtera tanpa nakhoda. BN Perak sedang mencari 'nafas' baru untuk terus mendapatkan mandat rakyat dan Pakatan Harapan Perak wajar perkukuh muafakat antara kita sebagai sebuah kerajaan negeri yang diharapkan oleh

rakyat," tegasnya yang juga Bendahari AMANAH Pusat.

## LIBERALISASI KUASA

Menurut Asmuni juga, AMANAH dan PH sedang memikul tugas yang berat untuk merungkai tembok perkauman akibat politik perkauman yang dimainkan Umno-BN khususnya setiap kali menjelang PRU, apabila mereka menghadapi saingan getir dengan parti-parti pembangkang.

"Perkara ini menjadi lebih kronik kerana setiap kali menjelang pilihan raya isu perkauman ini adalah antara barangan atau bahan yang cukup laris untuk diperdagangkan, terutama ketika Umno-BN menghadapi saingan getir antara hidup atau mati di tangan parti-parti pembangkang," katanya.

Tambah malang lagi katanya apabila sebuah 'parti agama' yang sepatutnya menjernihkan hubungan antara kaum ini turut menjadi pelakon tambahan terbaru dengan menghidupkan kembali fahaman asabiyah sempit.

"Inilah cabaran untuk kita, melahirkan politik peradaban yang bukan sekadar slogan, tetapi mendepani dan merungkai tembok pemisah ini dengan mesej Islam yang sebenarnya iaitu Islam yang adil, Islam yang penuh rahmah dan Islam yang tidak membenci hanya kerana perbezaan kaum," katanya.

Justeru, Asmuni berkata, PH tiada pilihan selain membuat liberalisasi kuasa mereka kepada suatu struktur yang lebih seimbang berdasarkan kepada dinamika politik semasa.

"Memang ada usaha yang dilakukan oleh DAP dan PKR meletakkan calon Melayu di kawasan majoriti bukan Melayu.

"Ia adalah satu usaha yang baik. Walaupun meletakkan calon-calon bukan Melayu di kawasan majoriti Melayu berkemungkinan menghadapi risiko yang besar, namun usaha ke arah itu hendaklah difikirkan mulai dari sekarang," katanya.

## AMANAH parti pertama sertai GERAH



Asmuni menyerahkan replika borang GERAH kepada Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Perak, Ahmad Shukri Mohamad Taib selepas menandatangani bagi pihak AMANAH Perak.

SAHABAT GERAH SPRM dilancarkan pada 1 Ogos lalu oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad bertujuan untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk sama-sama terlibat dengan SPRM dalam usaha pencegahan rasuah.

Sahabat GERAH SPRM turut berperanan menjadi mata dan telinga kepada SPRM, melaporkan segala perlakuan rasuah, serta salah guna kuasa kepada SPRM, menyumbang tenaga dalam usaha pencegahan rasuah dan menjadi 'role model' individu berintegriti kepada masyarakat.

Menurut Asmuni, AMANAH Perak bersedia menjadi sahabat GERAH dan memberi kerjasama terhadap usaha SPRM membanteras rasuah sesuai dengan

prinsip parti itu yang mengutamakan integriti.

"Secara peribadi, usaha-usaha untuk memerangi rasuah adalah terlalu dekat di hati saya oleh kerana saya sendiri pernah menjadi Timbalan Pendakwa Raya (DPP) di agensi tersebut pada tahun 1982 yg ketika itu dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR/ACA).

"Jadi apabila ada pelawaan di pihak SPRM Perak untuk AMANAH menyertai GERAH, tawaran ini terus saya sambut tanpa banyak soal lagi," katanya.

Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa dalam sidang media selepas majlis itu berharap semua unit parti itu menyertai GERAH termasuk di peringkat pusat bagi menjayakan rancangan murni itu.



# Tangkap pencuri, perah sampai keluar duit, kata Tun Mahathir

**D**i hadapan lebih 5,000 hadirin dalam Ceramah Perdana Selamatkan Malaysia Hapuskan Kleptokrasi di Medan Klebang Restu, Ipoh Perak 20 Ogos lalu, Pengerusi Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad terus menyeru rakyat membuat perubahan.

Beberapa kali membuat penekanan bahawa kerajaan yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak ialah kerajaan kleptokrat, Dr Mahathir menegaskan seluruh lapisan masyarakat boleh berjuang bersama Pakatan Harapan (PH) untuk menukar kerajaan.

"Kita nak menangkap pencuri, saya nak perah sampai keluar duit.

"Saya tak kuat, tuan-tuan semua kuat, tolong perah bagi kami. Tak susah, cuma undi kami sahaja. Kalau tak kuat pun boleh. Orang tua pun boleh, orang muda pun boleh. Cuma nak pangkah sahaja. Dengan kita tanda (mengundi) sikit sahaja kita boleh selesaikan masalah negara

"Kami berjanji akan berjuang untuk rakyat, bukan untuk kami," katanya yang merupakan pemimpin terakhir yang berceramah dalam siri ceramah PH itu di Ipoh itu.

Ceramah itu merupakan siri jelajah menjelang himpunan besar-besaran Selamatkan Malaysia Hapuskan Kleptokrasi yang akan diadakan pada 14 Oktober depan di Petaling Jaya.

Himpunan itu berkaitan penent-



Tun Mahathir bersama pemimpin Pakatan Harapan serta orang ramai mengibarkan bendera mengiringi lagu Jalur Gemilang.

gan terhadap skandal 1MDB melibatkan kerajaan BN yang masih belum selesai walaupun sudah mendapat liputan di peringkat antarabangsa.

Ketibaan Dr Mahathir sebelum itu disambut dengan laungan 'Hidup Tun' beberapa kali oleh hadirin yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India.

Beliau kelihatan dikawal ketat oleh pegawai peribadi dan pasukan keselamatan beruniform, selepas kekecohan yang berlaku di program *Nothing to Hide 2.0* di Shah Alam baru-baru ini.

Dalam ceramah itu juga, para hadirin diminta mengibarkan bendera Malaysia sambil menyanyikan lagu 'Jalur Gemilang' sebagai menunjukkan semangat patri-

tisme sempena bulan kemerdekaan.

Umur 92 tahun ke bawah wajib hadir himpunan (bold)

Sementara itu, Presiden AMANAH Mohamad Sabu yang juga Timbalan Presiden Pakatan Harapan menyeru rakyat tanpa mengira peringkat umur hadir ke himpunan 14 Oktober depan bagi menzahirkan penentangan terhadap kerajaan kleptokrasi.

"Kita kena bersemangat bukan hanya sekarang tapi hingga pilihan raya. Oleh itu atas semangat kita nak lawan kleptokrasi, rasuah dan penyelewengan, kita mahu semua rakyat berkumpul di Padang Timur Petaling Jaya, depan pejabat Bersatu pada 14 Oktober daripada jam 4 petang hingga

12 malam.

"Saya kecualikan orang yang umurnya

92 tahun ke atas, tak perlu hadir ke himpunan. Sebab orang yang akan hadir ke himpunan itu berumur 92 tahun. Siapa yang bawah 92 tahun wajib hadir," katanya sambil merujuk Dr Mahathir di atas pentas.

Beliau berkata, rakyat akan didedahkan secara terperinci mengenai rasuah dan salah guna kuasa melibatkan kerajaan Najib daripada pakar-pakar yang berkaitan.

"Kita mahu seramai mungkin hadir dan akan didedahkan rasuah, kleptokrasi secara terperinci dan kita buat himpunan hari itu himpunan santai cara bekeluarga sambil mendapat maklumat daripada pakar-pakar," katanya.

Turut berceramah malam itu ialah Presiden Pakatan Harapan Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail.



Orang ramai yang memenuhi tempat ceramah.

## Bangunkan sendiri perumahan awam, gesa AMANAH kepada DBKL

**AMANAH** Wilayah Persekutuan menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membangunkan sendiri Perumahan Awam (PA) di lot tanah rizab sedia ada bagi mengelak harga unit baharu yang ditawarkan melambung di luar kemampuan warga kota.

Pengerusinya, Dr Hatta Ramli berkata, tanah-tanah PA sedia ada disaran dijadikan bank hartanah yang dibangunkan pihak DBKL bukannya diserahkan kepada pemaju swasta.

Menurutnya, projek pembangunan semula PA difahamkan akan berserta komponen komersial dengan meruntuhkan struktur yang pada masa ini didiami penghuni yang majoritinya adalah menyewa.

"Saya dimaklumkan bagi yang telah menjadi tuan punya di rumah PA dulu, mereka dapat unit percuma. Tiga bilik tidur dengan keluasan 800 kaki persegi.

"Tapi kebanyakan yang ada di perumahan awam pada masa ini adalah penyewa. Ada yang menyewa lebih 30 tahun dan hampir 40 tahun kerana DBKL konsepnya adalah menyewa tidak jual.

"Mereka ini akan diberi unit yang diberi pada harga diskaun," ujarnya pada sidang media sempena Konvensyen AMANAH Wilayah Persekutuan di ibu negara hari ini.

Bulan lalu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku



Mohamad Sabu berucap merasmikan Konvensyen AMANAH Wilayah Persekutuan.

Mansor dilapor memberitahu terdapat 45,000 unit rumah yang disewakan di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

Sehubungan itu, Dr Hatta khuatir jika harga kediaman bagi segmen komersial yang ditawarkan terlalu tinggi memandangkan pembangunan semula PA akan dilakukan pihak swasta.

"Tanah-tanah perumahan awam sedia ada akan diberi kepada syarikat swasta untuk dibangunkan. Tentulah ada komponen keuntungannya maka harga rumah (walaupun) mampu milik tetapi terlalu mahal.

"Oleh sebab mahu menampung rumah-rumah yang diberi percuma dan

subsidi tadi, rumah yang komersial tadi (dijual) mahal," ujarnya.

Pembangunan semula PA oleh DBKL, jelasnya, dijangka akan membolehkan unit baharu yang dibina dapat dijual pada harga yang benar-benar mampu dibeli termasuk golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

"Kita menganggarkan DBKL boleh jual rumah pada harga yang benar-benar mampu beli RM100,000 berbanding RM200,000 seunit (jika dibina oleh swasta).

"Bagi B40, ia akan jadi mampu tengok saja tidak mampu beli," tambah Dr Hatta lagi.

Untuk rekod, kadar sewa unit PA pada

masa ini adalah RM94 bagi satu bilik, RM124 (dua dan tiga bilik) serta RM218 bagi unit tiga bilik yang telah diubahsuai. Secara keseluruhannya, terdapat

71 kawasan PA dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh Wilayah Kuala Lumpur yang merangkumi 11 kawasan Parlimen.

**TERBARU!! TERBITAN KEMILAU PUBLIKA**

**011 32334322**  
untuk urusan pembelian

**DAPATKAN SEGERA!!**



Ketika bekas pengerusinya ditahan reman SPRM

# Felda beli saham EHP

**KUALA LUMPUR:** Tindakan Felda membeli secara senyap-senyap saham syarikat perladangan Indonesia, Eagle High Plantation (EHP) walaupun dibantah pelbagai pihak menimbulkan banyak persoalan.

Pembelian itu juga dibuat ketika bekas pengerusinya Tan Sri Isa Samad diambil tindakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pengarah Strategi AMANAH Dr Dzulkefly Ahmad melahirkan kecurigaannya terhadap tindakan Felda membeli saham EHP walaupun harga yang ditawarkan melebihi 2.5 kali lebih tinggi dari harga pasaran.

Beliau juga hairan dengan tindakan Felda membelanjakan RM2.3 bilion untuk membeli saham syarikat terbabit dalam keadaan Felda tidak



mempunyai dana yang mencukupi untuk membiayai operasinya.

Malah pihak pengurusan Felda, katanya telah dinasihatkan oleh JP

Morgan dan Bank of America supaya tidak membeli 37% saham EHP milik Peter Sondakh yang menerajui Kumpulan Rajawali itu.

"Saya tahu isu positif dan negatif debat pembelian ini. Ya, saya akur tentunya ada baik-buruknya dalam 'cost-benefit analysis'nya.

"Yang diperlukan Felda dan negara, khasnya graduan di negara ini adalah pekerjaan! Ya, bukan menambah pekerjaan untuk warga asing dalam perladangan dan pembinaan.

"Najib pernah secara megah menguar-uarkan tentang 1.8 juta pekerjaan yang beliau kononnya telah jana setelah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan segala program membangun ekonomi," ujarnya.

Menurut beliau, Felda dan entiti perniagaannya Felda Global Ventures Holding (FGV) tidak perlu menambah ladang atau membeli hotel di Kensington atau New York, tetapi perlu melabur dalam industri

hiliran (downstream activities) yang berteraskan kelapa sawit.

Beliau merujuk kontroversi pembelian dua hotel mewah melebihi harga pasaran oleh anak syarikat FGV, Felda Investment Corporations (FIC) di London dan Kuching.

Mantan Pengerusi Felda dan FGV Tan Sri Isa Samad direman lima hari oleh SPRM berkaitan isu pembelian dua hotel mewah itu yang turut menyaksikan beberapa pegawai FIC disoal siasat.

Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli mempersoalkan peranan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam pembelian aset Felda di London memandangkan setiap pelaburan entiti berkaitan kerajaan di luar negara perlu diluluskan Majlis Ekonomi yang dipengerusikan olehnya.

## 15 daripada 100 graduan negara menganggur

**KUALA LUMPUR:** Sejumlah 23% belia yang menganggur di negara ini mempunyai pendidikan tinggi malah yang lebih membimbangkan 15.3% daripada mereka yang berpendidikan tinggi (tertiary education) tidak bekerja atau menganggur.

Ini bermakna 15 graduan dari 100 graduan yang dilahirkan negara adalah penganggur, kata pengarah strategi Parti Amanah Negara (AMANAH) Dr Dzulkefly Ahmad.

Menurut Dr Dzulkefly, walaupun kadar pengangguran di negara ini dianggap rendah iaitu 3.1% (atau full employment), pengangguran di kalangan belia telah mencecah 10.57% (sumber Bank Negara Malaysia).

"Ini bermakna belia mengalami tiga kali ganda (pengangguran) melebihi

dewasa yang lain. Amat mencemaskan serta membawa kesan sosioekonomi dan gejala yang berat. Tidak perlu saya huraikan," katanya.

Beliau menyorot kembali diskusi 'Bicara Srikandi' oleh Media Oren atas tajuk 'Graduan & Kerjaya' yang disertainya baru-baru ini yang turut menampilkan graduan muda lepasan Universiti Melbourne Australia, Madihah Akmal.

"Saya tekun mengikuti kisah bagaimana Madihah, pastinya bekas pelajar cemerlang yang mendapat biasiswa melanjutkan pelajar telah sangat kecewa setelah menemui kegagalan mendapatkan kerjaya setelah pulang dengan ijazah Ekonomi dari Australia.

"Tidak perlu saya sebutkan kes graduan kejuruteraan dan sains

yang hari ini mencuci tandas dan membersihkan rumah atau berhijrah mencari rezeki ke Australia dan UK untuk buat kerja 'fruit picking' (memetik buah). Tak kurang juga yang hanya jadi juruwang di 7 Eleven atau 99 SpeedMart," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan kerajaan agar merancang industri hiliran di negara ini bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat khususnya para graduan.

"Ketika rancak kegiatan hiliran ini sekaligus 'permintaan' untuk graduan kita akan dijana, sama ada ijazah sarjana dan PhDs. Begitulah pada seluruh bidang lain termasuk aeroangkasa, teknologi solar, elektrik dan elektronik, bioteknologi, pembuatan dan

sebagainya," ujar beliau.

Negara juga, katanya perlu keluar daripada menjadi hab pemasangan kepada memasuki kegiatan rekabentuk dan pembentukan.

"Kita perlu mempergiatkan industri hiliran yang punya nilai tambah yang tinggi. Kegiatan oleo-chemicals hari ini hanya menyumbangkan 17% dari pendapatan industri ini, sementara 75% adalah dari menjual CPO atau minyak sawit mentah, yang pastinya terdedah kepada kuasa pasaran yang tidak menentu," katanya.

Beliau menambah, apabila kegiatan hiliran berbentuk kosmetik, produk kesihatan dan pemakanan, vitamin, kimia-agro, bio-polypols, pelincir-bio, surfactants dan pelbagai lagi diwujudkan, negara akan mengecapi produktiviti yang tinggi,

sekaligus menjana permintaan dan pekerjaan buat graduan biotek dan kejuruteraan kimia.

"Ringkas dan tegasnya negara memerlukan kepimpinan baru di Putrajaya yang kompeten, punya visi dan amanah buat memacu pertumbuhan yang lestari serta menjana pekerjaan yang berpendapatan tinggi buat rakyatnya.

"Ia tidak selesai dengan hanya dislogankan atau diwiridkan secara lisan.

"Hanya sebuah kerajaan komited untuk 'Bina Semula Negara' dan memerangi rasuah, salah guna kuasa dan kleptokrasi akan dapat membangunkan kembali negara yang tenat (failing state) ini," katanya.

Ikuti tulisan penuh beliau di muka 13.

## Umno terpaksa umpan hadiah ramaikan mesyuarat agung

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

**KEPALA BATAS:** Umno terpaksa mengerahkan penduduk kampung untuk hadir ke mesyuarat agung tahunan parti itu dengan menawarkan pelbagai hadiah ekoran sokongan ahlinya yang semakin hambar, kata Naib Presiden Pakatan Harapan (PH) Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

"Ada Umno bahagian yang terdesak sehingga menyediakan hadiah cabutan bertuah berupa 'drone' bagi menarik ahlinya yang semakin hilang keyakinan terhadap Umno.

"Bukan setakat itu saja, malah semasa persidangan agung Umno di Alor Setar baru-baru ini pun orang ramai dijemput untuk hadir beramai-ramai," katanya dalam program Jelajah Semarak di padang Kompleks Sukan Bertam, dekat sini, 18 Ogos lalu.

Ribuan hadirin membanjiri padang bagi mengikuti ceramah Tun Dr Mahathir Mohamad dan para pemimpin PH.

Menurut Mukhriz, apa yang lebih pelik apabila persidangan agung Umno bahagian di Kedah baru-baru



**Orang ramai yang membanjiri tapak ceramah di padang Kompleks Sukan Bertam.**

ini menyediakan hadiah cabutan bertuah yang tidak pernah dilakukan sebelum ini.

"Mereka menyediakan sebanyak tujuh buah motosikal untuk menarik

orang ramai hadir mesyuarat agung Umno bahagian.

"Turut dijadikan hadiah ialah kereta dan rumah PPR yang menjadi milik golongan berpendapatan rendah,"

katanya.

Mukhriz yang juga Naib Presiden PPBM berkata, pemilihan Kepala Batas sebagai tapak program 'Jelajah Semarak' adalah sebagai isyarat kawasan parlimen itu menjadi sasaran kemenangan Pakatan Harapan (PH).

"Kita yakin bahawa Kepala Batas akan beralih tangan bersama dua lagi kawasan Parlimen di Pulau Pinang yang kini dikuasai Umno (BN).

"PRU ke-14 akan membawa nafas baru apabila Umno tidak lagi dibiarkan untuk mempertahankan Kepala

Batas setelah ramai ahli mereka menyertai PPBM dan parti komponen PH," ujarnya.

Menurutnya, jika BN terus menguasai pentadbiran negara, rakyat khususnya generasi muda akan dibebani pelbagai masalah ekoran kelemahan pentadbiran kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Turut berucap pada program tersebut ialah Timbalan Presiden PH Tan Sri Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung Keadilan Saifuddin Nasution Ismail dan Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang.



TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

**EZKEMBARA**  
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI  
DESTINASI  
MENARIK!**

**SEOUL**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	<b>3,150</b>	<b>2,840</b>
APRIL 13 - 22 APR 2018	<b>3,150</b>	<b>2,840</b>
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	<b>2,990</b>	<b>2,680</b>

**TURKI**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	<b>4,199</b>	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	<b>4,199</b>	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	<b>3,999</b>	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	<b>4,100</b>	-
AUTUMN OCTOBER	<b>4,100</b>	-

**PAKEJ JUMRAH**

**PAKEJ  
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	<b>7,950</b>	<b>7,650</b>	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	<b>7,550</b>	<b>7,250</b>		
MAC 14 - 25 MAC 2018	<b>7,750</b>	<b>7,250</b>		

**PAKEJ  
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	<b>7,150</b>	<b>6,800</b>		
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
MAC 01 - 12 MAC 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		

**PAKEJ  
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	<b>6,790</b>	<b>6,490</b>	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	<b>5,890</b>	<b>5,590</b>		

+603 - 6184 1542

WWW.EZKEMBARA.COM



# Memahami tuntutan 'Bina Semula Negara'

“ Kita perlu mempergiatkan industri hiliran yang punya nilai tambah yang tinggi. Kegiatan oleo-chemicals hari ini hanya menyumbangkan 17% dari pendapatan industri ini, sementara 75% adalah dari menjual CPO atau minyak sawit mentah, yang pastinya terdedah kepada kuasa pasaran yang tidak menentu... ”

**TERLALU** banyak pergolakan dalam politik tanah air yang menuntut analisis dan komen-tar. Event 'Nothing to Hide' Tun Mahathir anjuran Armada PBBM yang mencetuskan angkara buruk tempoh hari pastinya satu peristiwa jelek yang perlu diteliti.

Menyongsong pilihan raya umum ke-14, apakah ini 'bunga-bunga' wajah dan senario berkempen nanti. Ganas dan tragis sekali. Mudah sangat anak-anak muda dibakar emosi dan semangat mereka. Tidak perlu mencongak siapa dalang semua ini. Izinkan pihak polis menjalankan tugas mereka. Itu pun kalau mereka mahu siasat.

Tun Mahathir mengundang PM Najib untuk berkongsi pentas tapi lain pula kesudahannya. Sememang politik itu sifatnya emotif dan saling bersilang kepentingan atau 'zero-sum', kata orang putih. Tapi masih dan wajar diurus secara sivil, sopan dan bertamadun. Bolehkah?

Undang-undang digubal buat menyusun tatakelola kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Nilai dan norma mengikat warga dalam sebuah konstruk politik, kontrak sosial dan kedaulatan perlembagaan. Tapi kalau sudah anarki dan bahkan bermudah menggunakan undang-undang rimba dan drakonian, maka hakikatnya negara dan masyarakat itu hanya separa demokratik atau pseudo-demokratik. Bahasa mudahnya 'demokrasi palsu'.

Pun begitu, lebih ramai yang tertarik dengan penahanan reman bekas pengerusi Felda dan FGV, Tan Sri Isa Samad. Keterangan SPRM dipercayai kes bersabit pembelian hotel di London dan Kuching. Beliau perlu bermalam di lokap SPRM selama lima hari. Malunya dan terkejutnya bukan kepalang. Kebetulan beliau baru beberapa hari terdahulu memberi kenyataan di pejabat SPRM.

Mungkin Isa tidak pernah menyangka Najib akan sanggup lakukan semua ini, mentelahan dia ada hubungan agak 'special' dengan PM. Itu sudah rahsia umum sejak azali. Sukar untuk naik pangkat atau dapat 'promotion' kalau seorang pegawai gagal. Isa yang gagal di Felda diangkat menjadi Pengerusi SPAD. Aneh!

Saya bosan berbicara atau menulis tentang rasuah dan bertambah-tambahnya rasuah. Kalau nak diikuti sememang seorang wartawan di negara bertuah ini, tidak perlu bersusah payah untuk memburu cerita. Lambakan dan bertali-arus kes rasuah di negara yang diberi jolokan pusat 'Global Kleptocracy' ini.

Apakah Najib sanggup mengkambing-hitamkan Isa buat membuktikan beliau serius memerangi rasuah seperti beliau isytiharkan

dalam ucapan di hadapan pelabur asing tempatan dalam seminar 'Invest Malaysia' baru-baru ini?

Ataukah sememang SPRM semakin bertaring dan selepas ini akan mencari Nik Faisal dan Suboh Md Yasin, dua pegawai yang mengurus SRC International, anak syarikat 1MDB. Nik Faisal bakal diburu SPRM kalau mereka buka balik perihal perpindahan RM47 juta dan RM27 juta ke dalam akaun Najib, disamping RM2.6 bilion dari akaun Tanore Finance dari dana 1MDB?

Tapi penulis jemu untuk melanjutkan perihal hal Felda dan 1MDB -- dua mercu-tanda kemuncak kegagalan Najibomiks! Bosan!

Sebaliknya saya mahu buktikan bahawa bukan sahaja sarat dengan perihal rasuah, salah guna kuasa dan urusniaga dengan harga yang tipu (bloated prices) yang merugikan dan meranapkan wang rakyat.

Tadbir urus ekonomi dan pembangunan Najib sememangnya hancur punah! Saya mahu mengungkap kembali beberapa noktah yang saya kongsi tentang graduan menganggur akibat kegagalan kronik sebuah kerajaan menjana pekerjaan.

## Graduan menganggur

Saya akan gunakan pembelian Eagle High Plantation (EHP) yang penuh kontroversi itu oleh Felda sebagai contoh yang tuntas.

Dalam 'Bicara Srikandi' atas tajuk 'Graduan & Kerjaya' baru-baru ini, saya berkongsi forum dengan seorang graduan muda lepasan Universiti Melbourne Australia, Madihah Akmal dan Puan Aida Yusuf Rawa.

Saya tekun mengikuti kisah bagaimana Madihah, pastinya bekas pelajar cemerlang yang mendapat biasiswa melanjutkan pelajar telah sangat kecewa setelah menemui kegagalan mendapatkan kerja setelah pulang dengan ijazah Ekonomi dari Australia.

Ya, Madihah adalah antara statistik yang membentuk 23% belia yang menganggur yang mempunyai pendidikan tinggi. Lebih membimbangkan adalah dari yang memiliki pendidikan tinggi (tertiary education), 15.3% tidak bekerja atau menganggur. Bermakna 15 graduan dari 100 graduan adalah penganggur.

Untuk pengetahuan umum, meskipun kadar pengangguran di negara kita ini adalah dianggap rendah yakni 3.1% (atau full employment), pengangguran di kalangan beliau (youth) mencecah 10.57% (BNM). Ini bermakna beliau mengalami 3 kali ganda melebihi dewasa yang lain. Amat mencemaskan serta membawa kesan sosio-ekonomi dan gejala yang berat. Tidak perlu saya huraikan. Jelas.

Ya, pelbagai aspek dibicarakan oleh ketiga-tiga panel. Namun pastinya perkongsian Madihah lebih telus, real dan berani. Kritikan terhadap pihak berwajib tajam dan bersahaja. Akhir beliau bekerja di Invoke sebagai aktivis dan sukarelawan yang diberi sedikit elaun.

Tidak perlu saya sebutkan kes graduan kejuruteraan dan sains yang hari ini mencuci tandas dan membersihkan rumah atau berhijrah mencari rezeki ke Australia dan UK untuk buat kerja 'fruit picking'. Tak kurang yang hanya jadi 'cashiers' di 7 Eleven atau 99 SpeedMart.

Ya kita boleh berwacana secara akademik dan ilmiah, membutirkan pelbagai hal dan sisi pandang tentang graduan dan kerjaya atau pengangguran, "mismatch" atau tidak padanan graduan dan pasaran dan segalanya.

Saya kira tidak perlu diulang sebut, tonton sahaja kalau berminat rakaman bicara itu dan dengarlah secara verbatim.

Cuma hanya satu perkara yang mahu saya bangkitkan kembali di sini. Mengapa Felda beli juga EHP sementara sudah jelas harganya 2.5 kali lebih tinggi dari pasaran? Mengapa menghabiskan RM2.3 bilion dalam keadaan Felda tidak punya dana? Bukankah FGV dinasihatkan oleh JP Morgan dan Bank of America, supaya tidak membeli 37% saham EHP, milik Peter Sondakh, Kumpulan Rajawali itu tapi dibeli juga oleh Felda?

Saya tahu isu positif dan negatif debat pembelian ini. Ya, saya akur tentunya ada baik-buruknya dalam 'Cost-Benefit Analysis'nya. Saya ketepikan semua hujahan itu dengan membawa isu dan sisi perspektif Graduan dan Kerjaya yang jadi mauduk tulisan ini!

Yang diperlukan Felda dan negara, khasnya graduan di negara ini adalah pekerjaan! Ya, bukan menambah perkerjaan untuk warga asing dalam perladangan dan pembinaan. Najib pernah secara megah menguar-uarkan tentang 1.8 juta pekerjaan yang beliau kononnya telah jana setelah ETP dan segala program membangun ekonomi dilaksanakan.

Yang perlu dipacu Felda dan FGV adalah bukan menambah ladang atau membeli hotel di Kensington atau New York!

Yang perlu dilaburkan Felda dan FGV adalah pelaburan atau M&A atau 'Penggabungan dan Perolehan' yang membangunkan industri hiliran (downstream activities) yang berteraskan kelapa sawit.

Ketika rancak kegiatan hiliran ini sekaligus 'permintaan' untuk graduan kita akan dijana, sama ada ijazah sarjana dan PhD. Begitulah pada seluruh bidang lain termasuk aerospace, solar teknologi, elektrik dan elektronik, bioteknologi, pembuatan dan sebagainya.

Dalam industri pembuatan, apa pun bidang-



## ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

nya, kita mesti keluar dari hanya menjadi hab 'assembly' atau pemasangan. Graduan akan mengecapi gaji dan upah yang tinggi apabila kilang kita memasuki kegiatan di tahap reka bentuk dan pembentukan.

Kita perlu mempergiatkan industri hiliran yang punya nilai tambah yang tinggi.

Kegiatan oleo-chemicals hari ini hanya menyumbangkan 17% dari pendapatan industri ini, sementara 75% adalah dari menjual CPO atau minyak sawit mentah, yang pastinya terdedah kepada kuasa pasaran yang tidak menentu.

Apabila kegiatan hiliran berbentuk kosmetik, produk kesihatan dan pemakanan, vitamin, kimia-agro, bio-polypols, pelincir-bio, surfactants dan pelbagai lagi, baru negara akan mengecapi produktiviti yang tinggi. Sekaligus ini akan menjana permintaan dan pekerjaan buat graduan biotek dan kejuruteraan kimia.

Ringkas dan tegasnya negara memerlukan kepimpinan baru di Putrajaya yang kompeten, punya visi dan berkeamanan buat memacu pertumbuhan yang lestari serta menjana pekerjaan yang berpendapatan tinggi buat rakyatnya. Ia tidak selesai dengan hanya dislogankan atau diwiridkan secara lisan.

Hanya sebuah kerajaan komited untuk 'Bina Semula Negara' dan memerangi rasuah, salah guna kuasa dan kleptokrasi akan dapat membangunkan kembali negara yang tenat (failing state) ini.

■ Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi Parti Amanah Negara.



# Isa Samad bukan individu akhir buat keputusan Majlis Ekonomi hanya 'tunggul kayu'?

**KUALA LUMPUR:** Penahanan reman bekas pengerusi Felda Tan Sri Isa Samad oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ekoran kes pembelian hotel di London dan Kuching yang didakwa melebihi harga pasaran menimbulkan persoalan berhubung peranan Datuk Seri Najib Razak sebagai Pengerusi Majlis Ekonomi yang sepatutnya meluluskan pembelian itu.

Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli ketika membangkitkan persoalan ini yakin Isa hanya dijadikan 'kambing hitam' bagi menyelamatkan kedudukan orang yang lebih atas.

"Sementara saya lega kerana akhirnya ada siasatan ke atas penyelewengan wang Felda yang akan membebaskan rakyat Malaysia untuk berpuluh tahun akan datang, saya juga tidak mudah terpedaya bahawa siasatan ini adalah ikhlas dan menyeluruh.

"Saya sudah dapat menghidu seawal Februari 2017 lagi bahawa ini akan berlaku kerana memang

perkiraan itu telah dibuat lebih awal.

"Sebab itu, saya menyeru rakyat Malaysia dan rakan-rakan di dalam Pakatan Harapan agar tidak ghairah bertepuk tangan dengan penahanan Tan Sri Isa Samad kerana itu belum tentu akan dapat merungkai kesemuanya sekiranya penyelewengan ini tidak disiasat secara menyeluruh," ujar beliau dalam satu kenyataan media, 17 Ogos lalu.

Menurut Rafizi, kes Isa menjadi contoh bagaimana budaya pertanggungjawaban di negara ini hanya memberi tumpuan kepada 'kambing hitam' yang menjadi korban' sedangkan ketua atau badan yang bertanggungjawab mengawal selia dan meluluskan tindakan-tindakan individu yang didakwa tidak disentuh dan kekal di jawatan mereka.

"Sebab itu apabila sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) rugi besar, yang dihukum hanyalah Ketua Pegawai Eksekutifnya sedangkan Lembaga Pengarah

yang turut bertanggungjawab membuat kesemua keputusan besar yang dilaksanakan oleh CEO tidak dikenakan tindakan," jelas beliau.

Menurut Rafizi, Isa bukanlah individu akhir yang membuat keputusan pembelian hotel-hotel mewah di Kuching dan London oleh Felda kerana terdapat badan lebih tinggi yang sepatutnya menolak dan membatalkan hasrat Felda untuk membeli hotel-hotel tersebut.

Beliau memberi contoh pengalamannya mengendalikan skandal pembelian tiga unit hartanah di Australia oleh MARA yang harganya dinaikkan hampir dua kali ganda apabila menteri yang bertanggungjawab mengesahkan bahawa cadangan pembelian hartanah luar negara itu telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Ekonomi yang dipengerusikan Najib.

"Malah laporan Astro Awani dengan secara jelas juga memetik (Pengerusi MARA ketika itu)

Tan Sri Anuar Musa sebagai mengesahkan bahawa kelulusan dari Perdana Menteri (melalui Majlis Ekonomi) adalah sebahagian dari prosedurnya," jelas beliau.

Majlis Ekonomi mengambil alih tugas Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal pelaburan negara.

Oleh yang demikian, Rafizi yakin pembelian hotel di London oleh Felda perlu melalui proses kelulusan yang sama.

Sehubungan itu, Naib Presiden Keadilan itu menyarankan agar Najib dan anggota Majlis Ekonomi juga perlu disiasat kerana turut meluluskan pembelian hotel di London oleh Felda Investment Corporation (FIC).

"Jika ada bukti mereka tahu bahawa pembelian itu ada unsur penyelewengan kerana harganya lebih mahal tetapi mereka tetap meluluskannya, mereka perlu disiasat pula sama ada mereka mendapat habuan. Jika ada bukti mereka mendapat habuan,

mereka juga perlu ditahan seperti Tan Sri Isa Samad," tegasnya.

Rafizi menambah, jika Majlis Ekonomi tidak mengetahui wujud unsur penyelewengan dalam pembelian itu dan gagal menyemak harga pasaran hotel tersebut, anggota majlis tersebut boleh dianggap "tunggul yang makan gaji buta kerana gagal atau cuai menjalankan amanah".

"Mereka perlu dipecat atau jika mereka bermaruah, mereka perlu meletakkan jawatan," gesa beliau.

Menurut Rafizi, mereka yang didakwa melakukan rasuah hanyalah sebahagian kecil dari ekosistem pentadbiran negara yang mendokong dan membenarkan rasuah berleluasa.

"Jika kita benar-benar mahu membanteras rasuah, kita perlu memerangi keseluruhan ekosistem rasuah ini termasuklah dengan menuntut satu teladan pertanggungjawaban yang tertinggi di kalangan menteri dan pegawai kanan kerajaan yang menduduki kerusi-kerusi penting seperti Majlis Ekonomi," katanya.

## YDP Pas Permatang Pauh makan bersila bersama Najib

**SEBERANG PRAI:** Yang Dipertua Permatang Pauh Omar Hassan hadir sama merayakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam program makan bersila sempena Majlis Kenduri Pemimpin Bersama Rakyat di Politeknik Seberang Perai, 17 Ogos lalu.

Omar dirakam duduk bersila bersama Najib dan para pemimpin Umno dalam majlis tersebut sebelum juadah dihidangkan.

Najib dalam lawatan kerja sehari ke Pulau Pinang.

Beliau tiba di Pangkalan Udara TUDM Butterworth di sebelah pagi disambut Pengerusi BN negeri, Teng Chang Yeow dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Zainal Abidin Osman.

Atur cara Perdana Menteri dimulakan dengan menghadiri mesyuarat bersama kepimpinan BN dan Umno negeri di sebuah

hotel di Seberang Jaya.

Selepas itu, beliau menyertai ribuan hadirin dalam Majlis Kenduri Pemimpin Bersama Rakyat di Politeknik Seberang Perai.

Pada sebelah petang, Najib menyempurnakan Majlis Pelancaran Rangka Tindakan 2.0 Wilayah Ekonomi Koridor Utara di Relau sebelum mengakhiri lawatannya dengan melawat Projek Perumahan Kos Sederhana di Sungai Nibong.

Dalam perkembangan berkaitan, Pas menjelaskan kehadiran Omar pada majlis itu bukan mewakili parti tetapi atas kapasiti pengerusi masjid kariah beliau. Masjid-masjid di sekitar Permatang Pauh dijemput menghantar wakil ke majlis tersebut.

Pas Pulau Pinang 17 Julai lalu menyatakan hasrat untuk bertanding semula di Parlimen

Permatang Pauh pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Hasrat itu dinyatakan Omar ketika berucap di majlis pelancaran jentera pilihan raya Pas Pulau Pinang di Kubang Semang yang dirasmikan Naib Presiden Pas Idris Ahmad.

Bercakap kepada pemberita, Idris memberitahu Pas masih membuat kajian kerusi-kerusi yang bakal ditandingi parti itu berdasarkan laporan Pas negeri dan kawasan.

"Kami mungkin bertanding 120 atau 140 kerusi di seluruh negara. Di mana kita akan bertanding bergantung pada keputusan kepimpinan tertinggi.

"Kami perlukan laporan dari jawatankuasa negeri yang mengkaji kerusi berkenaan," kata Idris.

Kerusi Permatang Pauh se-



Omar (berkopiah putih) makan bersila bersama Najib di Politeknik Seberang Prai.

belum PRU 1999 ditandingi Pas. Namun setelah menjalinkan kerjasama dengan parti-parti pembangkang, kerusi parlimen itu ditandingi Keadilan.

Kerusi parlimen Permatang Pauh kini diwakili Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

## Perbandingan antara Abdul Hadi dan Mahathir

**KUALA LUMPUR:** Pengarah Syiah AMANAH, Zolkarnain Abidin mempunyai perbandingan menarik antara dua pemimpin sekarang, Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang dengan Pengerusi Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bagi bekas Adun Pas di Perlis itu, kedua-duanya ada kelebihan masing-masing tetapi beliau menegaskan, "Aku tak setuju

dengan Abdul Hadi sebab mesra Umno. Dan aku setuju dengan Mahathir sebab lawan Umno. Itu saja."

"Jika Abdul Hadi dipanggil tuan guru, Mahathir dipanggil doktor. Jika Abdul Hadi pernah jadi MB, Mahathir pernah jadi PM," tulisnya dengan bahasa yang santai.

"Jika Abdul Hadi pandai cakap Arab, Mahathir pandai cakap Inggeris. Jika Abdul Hadi pernah

mengajar orang di masjid, Mahathir pernah merawat orang di klinik," katanya lagi.

"Jika Abdul Hadi Presiden Pas, Mahathir pernah jadi Presiden Umno. Jika Abdul Hadi ada Khalil, Mahathir ada Mukhriz," katanya.

Dan yang pastinya kata beliau, mereka berdua orang Islam.

"Kedua-duanya pernah buat

dosa, dan kedua-duanya pernah buat jasa. Kedua-duanya (dan kita juga) wajib bertaubat daripada dosa," jelas beliau.

Sehubungan itu, beliau menasihati agar tidak taksab kepada sesiapa sama ada Abdul Hadi atau Tun Mahathir kerana kedua-dua individu itu ialah manusia yang ada akal dan juga nafsu.

Namun di penghujung tulisannya, Zolkarnain menegaskan, "Peringatan: Ini cuma draf."

Ia dipercayai menyindir ahli jawatankuasa Pas Pusat, Dr Riduan Mohd Nor yang menarik balik tulisannya mengenai Akta 164 dengan alasan ia hanya draf selepas menerima teguran dan kritikan pelbagai pihak.



Tun Mahathir sanggah label diktator terhadap dirinya

# Najib ialah diktator kleptokrat

**KUALA LUMPUR:** Tun Dr Mahathir Mohamad melabelkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebagai 'diktator kleptokrat' berbanding dirinya yang pernah dilabelkan sebagai diktator ketika menjawat jawatan perdana menteri.

Menulis di laman blognya chedet.cc, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu menyifatkan pelabelan sebagai cara berkesan digunakan bagi mengalahkan musuh politik.

Sebagaimana dirinya yang pernah diberikan beberapa label ketika menjadi perdana menteri dan menghadapi lima kali pilihan raya umum, beliau mengakui pernah dilebelkan sebagai ultra Melayu, anti-Cina dan seorang pelampau.

"Tidak kira apa yang saya katakan atau lakukan, mereka semua beranggapan saya sebagai melampau, sebagai ultra, sebagai tipikal ekstremis. Saya banyak alami dugaan dengan pelebelan ini.

"Sebaik sahaja label diberi semua orang akan secara automatik menye-

butnya ketika bercakap atau menulis tentang anda dan bahkan ketika bercakap dengan anda.

"Anda tidak akan diberi peluang untuk membantah kerana mereka akan meneruskan soalan atau berbilang seolah-olah label itu benar-benar menggambarkan anda," katanya.

Menurut Tun Mahathir, beliau mengambil masa bertahun-tahun untuk menghentikan orang ramai terutama bangsa Cina daripada menganggapnya sebagai seorang ultra Melayu dan cauvinis.

"Sekali saya berjaya menyingkirkan label saya ini dan saya dapat mendapat sokongan Cina yang kuat pada Pilihan Raya 1999 walaupun orang Melayu menolak saya, saya dapat memenangi undi Cina.

"Tetapi malangnya label lain pula tersekat kepada saya oleh pengkritik saya. Saya dilabel sebagai diktator," tulis beliau.

Tun Mahathir dipercayai mengulas ucapan Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak ketika merasmikan persi-

dangan perwakilan Umno Bahagian Masjid Tanah, baru-baru ini yang menyifatkan beliau sebagai diktator.

Menurut Najib, pada zaman kepimpinan Dr Mahathir, bekas perdana menteri itu menggunakan mekanisme 'undi kuota' dan 'undi bonus' pada pemilihan parti untuk kekal berkuasa.

"Sekarang Najib memanggil saya seorang diktator. Datang dari dia, penegasan ini tidak masuk akal. Dia tidak pernah membenarkan apa-apa cabaran terhadapnya dalam parti itu.

"Timbalannya telah dipecat dan beliau merancang mengeluarkan anak saya, MB Kedah, menggantikannya dengan salah satu rakan karibnya.

"Di bawah Najib, Lembaga Hasil Dalam Negeri menyerbu perniagaan dan menuntut cukai tambahan di kalangan tersenarai hitam. Buku-buku milik perniagaan disita dan dibekukan sehingga perniagaan tidak dapat dilakukan," ujar Tun Mahathir.

Beliau menambah, Najib menguatkuasakan undang-undang baru yang memberinya kuasa untuk menahan se-

siapa tanpa perbicaraan dan jika orang yang ditahan mati dalam tahanan, tiada inkues akan dijalankan.

"Dalam Umno, tiada seorang pun yang dibenarkan menentangnya. Malah 1MDB dan RM2.6 bilion dalam akaun peribadinya tidak dibenarkan disebut oleh para perwakilan pada mesyuarat agung Umno atau pada bila-bila masa lain.

"Rekod membuktikan Najiblah diktator; diktator kleptokrasi," tegas beliau.

Menyanggah tuduhan Najib, Tun Mahathir berkata pemimpin diktator berupaya mendapatkan sokongan 99 peratus jika bertanding dalam pilihan raya namun keadaan itu tidak berlaku ketika beliau berkuasa.

"Saya tidak pernah mendapat 99% undi dalam mana-mana pilihan raya. Selalunya pembangkang akan mendapat hampir satu pertiga daripada kerusi. Mereka juga berjaya menakluki beberapa negeri.

"Apabila dicabar dalam pemilihan parti jawatan Presiden Umno saya hanya mendapat margin 43 undi

walaupun 80% daripada bahagian itu menamakan saya sebagai calon presiden mereka.

"Saya mengetuai lima pilihan raya umum. Diktator sering tidak mengadakan pilihan raya atau jika mereka melakukannya, mereka akan memenangi 99% undi," tegas beliau.

Menurut Tun Mahathir, seorang diktator tidak pernah meletakkan jawatan dan kekal memegang kuasa sehingga mati dan selalunya digantikan oleh anak-anak mereka.

Sebaliknya beliau meletak jawatan secara sukarela.

"Selepas saya meletak jawatan, walaupun usaha oleh pengganti saya untuk memburuk-burukkan saya, rakyat terus menerima dan menyokong saya.

"Malah parti-parti pembangkang yang pernah mengutuk saya sanggup menerima saya dan parti yang saya tubuhkan.

"Mereka juga memilih saya sebagai salah seorang pemimpin mereka," katanya.

## Paksa tahanan pakai baju lokap salahi undang-undang

**KUALA LUMPUR:** Tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memaksa individu yang ditahan bagi tujuan siasatan memakai baju lokap adalah satu bentuk penyalahgunaan kuasa, kata Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang.

Menurut Kit Siang, individu yang ditahan atau direman tidak wajar dilayan seperti pesalah sebelum dibuktikan bersalah di mahkamah.

"SPRM tidak wajar mengabaikan, merendahkan martabat, atau menghina dengan memaksa mer-

eka memakai baju lokap berwarna oren sewaktu dibawa ke mahkamah.

"Tindakan itu seolah-olah menghukum mereka bersalah atas tuduhan rasuah sedangkan perbicaraan pun masih belum bermula," katanya dalam satu kenyataan, 17 Ogos lalu.

Ahli Parlimen Gelang Patah itu bersetuju dengan pandangan Ahli Parlimen Padang Serai, N. Surendran yang menyatakan bahawa tindakan SPRM itu menyalahi undang-undang.

"Surendran betul apabila mengatakan bahawa

amalan (pemakaian secara paksa baju lokap) itu melanggar prinsip tidak bersalah sehingga terbukti bersalah, malah bertentangan dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan menyentuh tentang kebebasan individu.

Exco Pulau Pinang, Phee Boon Poh dan bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad antara pemimpin yang kelihatan memakai baju lokap berwarna oren dengan logo SPRM ketika pemohonan reman dibuat terhadap mereka di

mahkamah baru-baru ini.

Phee dibebaskan setelah mahkamah memutuskan perintah reman terhadapnya sebagai tidak sah, manakala Isa Samad yang dikaitkan dengan pembelian dua hotel di London dan Kuching pula direman selama lima hari bagi tujuan siasatan.

Dalam perkembangan berkaitan, SPRM menjelaskan bahawa pemakaian baju lokap oleh Isa dan Phee tidak menyalahi peraturan kerana mereka dianggap sebagai suspek.

## TPM perlu cermat berbahasa dengan golongan tua

**KUALA LUMPUR:** Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dinasihat 'menjaga bahasa' ketika berucap di hadapan golongan pesara apatah lagi mengungkit dan mengugut mereka yang telah berusia, kata Shazni Munir Mohd Ithnin.

Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional itu berkata, adalah tidak wajar bagi Ahmad Zahid mengungkit-ungkit gaji, imbuhan dan pencen yang diterima bekas kakitangan kerajaan kerana mereka telah berkhidmat berpuluh tahun dalam perkhidmatan awam.

"Cara pemangku Timbalan Presiden Umno itu berbahasa harus lebih cermat dan sedar diri. Ungkit-mengungkit dan ugut-mengugut sebagai modal politik ini sudah tidak laku.

"Atuk, nenek, ayah dan ibu kami yang telah menyerahkan sepenuh jiwa raga dalam perkhidmatan awam

bukan budak-budak Umno yang boleh diarah-arah Zahid.

"Beliau perlu segera belajar untuk hormat orang lebih berjasa, kalau tidak mahu namanya diludah generasi terkemudian," ujarnya dalam satu kenyataan.

Shazni mengulas ucapan Zahid ketika merasmikan Hari Perhimpunan 1 Pesara Malaysia 2017 baru-baru ini.

Ketika bercakap di hadapan ribuan pesara, Ahmad Zahid mengingatkan mereka agar "tidak menggigit tangan (orang) yang pernah memberi makan pada kita" dan "sila bagi 'standing ovation' kepada kerajaan".

"Tutur kata Datuk Seri Zahid sudah cukup menggambarkan betapa songsangnya cara berfikir orang nombor dua negara.

"Ini semua bahasa angkuh di depan pesara yang telah menyumbang-

kan sebahagian besar umur mereka untuk berbakti kepada negara.

"Golongan pesara ini tidak naif. Malah jika ditelusur lebih adil, apa masalahnya jika pesara-pesara ini memang mahu 'gigit tangan' kerajaan yang korup dan rosak?" tegas beliau.

Menurut Shazni, prestasi buruk pemimpin negara hari ini memberi hak kepada pesara untuk 'menggigit' dan dengan tempoh perkhidmatan warga pesara yang mencecah 30 tahun atau lebih, Ahmad Zahid sepatutnya memberikan 'standing ovation' kepada mereka.

"Tidak malukah Zahid sebagai orang politik yang tempoh perkhidmatan sepenggah sahaja sudah beroleh pencen (Akta 237, pindaan 2015) untuk meminta 'standing ovation' kepada mereka yang telah berkhidmat jauh lebih lama daripada beliau?" soalnya.

## Ancaman dituju pada Tun Mahathir, bukan yang lain

**KUALA LUMPUR:** Ketua Pemuda PPBM (Armada) Syed Saddiq Syed Abdul Rahman menyangkal tuduhan Pengarah Keselamatan PPBM Shah Alam bahawa keganasan yang berlaku dalam forum 'Nothing To Hide 2.0' didalangi penganjur.

Menurut Syed Sadiq, tuduhan Wan Mohammad Ashraf Nasjaruddin yang mendakwa menjadi sasaran keganasan pihak penganjur kerana mahu menghalangnya bertanyakan soalan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad jelas satu penipuan.

"Jangan cuba menipu. Kenapa dia sasaran utama?"

"Flare (suar) dibaling ke arah Tun. Kerusi dan kasut pun dibaling jauh ke depan," kata Syed Saddiq kepada Malaysiakini.

"Kalau betul kita nak halang beliau

dari tanyakan soalan, kenapa kita benarkan soalan-soalan lain yang jauh lebih sensitif. Tun jawab lapan soalan sebelum disabotaj," kata Syed Saddiq.

Bername sebelum ini melaporkan Ashraf mendakwa kekecohan dalam forum itu didalangi anggota parti itu sendiri dan meminta polis menyiasat insiden berkenaan serta ugutan bunuh terhadapnya.

Ashraf mengesyaki mereka yang terlibat dalam kejadian itu adalah pihak penganjur, urusetia dan beberapa anggota PPBM sendiri.

"Insiden (kekecohan) itu sengaja diwujudkan supaya dapat menghalang saya daripada bertanyakan beberapa soalan kepada Dr Mahathir selepas isu Memali disoal (individu lain)," katanya.



# PH tubuh sekretariat hadapi PRU14

**P**ETALING JAYA: Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) 14 Ogos lalu bersetuju membentuk sekretariat dianggotai wakil setiap parti komponen bagi menghadapi pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Perkara itu diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya PH Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam sidang media di ibu pejabat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), dekat sini.

Beliau juga berkata, PH sebulat suara bersetuju menyediakan bilik operasi sepenuh masa yang akan menempatkan segala maklumat dan data berhubung persiapan pilihan raya.

"Di samping itu, kita juga memuktamadkan untuk memberikan tumpuan khusus kepada kawasan-kawasan pilihan raya tertentu.

"(Ia) untuk memastikan supaya kita boleh mendapat sejumlah kerusi-kerusi yang boleh kita menangi untuk membentuk kerajaan selepas pilihan raya akan datang," katanya yang juga Presiden PPBM.

Gabungan itu, katanya lagi turut memutuskan untuk membentuk jawatankuasa pilihan raya di peringkat negeri dan kawasan Parlimen yang akan ditandingi kelak.

"Ini bertujuan untuk kita mendapat tahu tentang segala persiapan yang telah dan akan dilakukan oleh parti kita di peringkat negeri dan kawasan-kawasan di seluruh negara.

"Dan kita nanti akan memantau



Azmin menjawab soalan pemberita dalam sidang media PH di Petaling Jaya.

**“ Kita nanti akan memantau persiapan itu dan akan menghantar pasukan-pasukan untuk membuat penaksiran tentang sejauh mana persiapan itu telah dibuat, apakah kelemahan, dan usaha penambahbaik yang perlu dilakukan,”**

persiapan itu dan akan menghantar pasukan-pasukan untuk membuat penaksiran tentang sejauh mana persiapan itu telah dibuat, apakah kelemahan, dan usaha penambahbaik yang perlu dilakukan," katanya.

Naib Presiden PH itu juga berkata, segala gerak kerja adalah berdasarkan persetujuan secara bersama dan bukan didominasi oleh mana-mana parti komponen dalam PH.

"Segala gerak kerja kita adalah atas nama Pakatan Harapan. Bukan atas nama PPBM, ataupun Keadilan, AMANAH ataupun DAP," tegasnya.

Katanya, matlamat utama PH ketika ini adalah untuk memperoleh

kemenangan dalam pilihan raya akan datang bagi menggantikan kerajaan BN.

"Sebab itu kita mengetepikan apa-apa perbezaan, apa lagi penekanan pada soal parti-parti tertentu sahaja.

"Apa yang penting sekarang ini adalah kita bertanding menggunakan satu simbol, satu logo, yang telah diputuskan majlis presiden," katanya.

Hadir sama pada sidang media itu Naib Presiden PH Salahuddin Ayub, Pengarah Pilihan Raya PH Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan pengarah pilihan raya parti gabungan PH.

## Zunar saman polis, kerajaan

**KUALA LUMPUR:** Kartunis Zunar mengemukakan saman terhadap Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kerajaan Malaysia kerana mendakwa ditahan secara salah dan buku karyanya dirampas pada satu majlis tahun lalu.

Zunar atau nama sebenarnya Zulkiflee SM Anwarule Haque yang bertindak selaku plaintif memfailkan saman itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi dengan menamakan 16 anggota polis, dua pegawai, Ketua Polis Negara dan Kerajaan Malaysia selaku defendan.

Melalui writ saman dan pernyataan tuntutan, Zunar mendakwa majlis minum petang anjurannya di di Dewan Perhimpunan Cina KL & Selangor (KLSCAH) pada 17

Disember tahun lalu diserbu pihak polis sebelum acara bermula pada jam 3 petang dan buku serta baju-T miliknya dirampas.

Plaintif berkata, dalam serbuan itu pihak polis turut menangkap pembantunya dan dua orang awam yang menghadiri majlis terbabit, bagaimanapun enggan memberikan maklumat mengenai alasan tangkapan dan rampasan.

Beliau berkata, sejumlah 1187 naskhah buku dan 103 helai baju-T dirampas dan polis memaklumkan siasatan dibuat mengikut Seksyen 124(c) Kanun Keseksaan (cubaan untuk melakukan aktiviti yang menjejaskan demokrasi berparlimen).

Katanya, beliau kemudian

bersama pembantu dan dua orang awam yang ditangkap dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi dan hanya dibebaskan pada jam 3 pagi.

Plaintif seterusnya menyatakan bahawa tangkapan dan rampasan itu adalah tidak sah dan menyebabkan beliau mengalami kehilangan serta kerugian.

Sehubungan itu, Zunar menuntut daripada defendan, ganti rugi khas RM22,388 atau secara alternatif memulangkan buku dan baju-T yang dirampas, ganti rugi penangkapan secara salah, ganti rugi kecuai, ganti rugi teruk, ganti rugi teladan serta perisytiharan bahawa defendan memungkirkan kebebasan asasi plaintif.



## SPRM belum sita harta Isa

**SURUHANJAYA** Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) belum lagi menyita sebarang aset milik bekas Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad susulan serbuan di kediamannya, 15 Ogos lalu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Mohd Azam Baki berkata, SPRM masih menunggu hasil siasatan dan keterangan sebelum sebarang tindakan susulan diambil.

"Itu pun belum ditentukan bergantung kepada keterangan dan keputusan selepas perbincangan di buat saya perlu laporan lanjut dari pegawai penyiasat dan kita akan tentukan aset nak dibekukan atau bagaimana," kata Mohd Azam.

Beliau ditemui selepas majlis ikrar bebas rasuah Menteri Besar Kelantan dan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Kota Bharu, 16 Ogos lalu.

Mohd Isa ditahan reman SPRM selama lima hari ekoran siasatan pembelian dua hotel oleh Felda Investment Corporation (FIC) yang melebihi harga pasaran.

## Jangan hanya tangkap tapi tidak didakwa

**TAN** Sri Isa Samad mesti dibawa ke muka pengadilan bagi mengenal pasti sama ada terdapat rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang dilakukan ketika beliau menjawat Pengerusi Felda.

Naib Presiden Keadilan Shamsul Ikandar Mohd Akin mengingatkan kerajaan agar tidak 'bermain wayang' dengan membuat siri tangkapan tanpa mengheret individu terlibat rasuah ke muka pengadilan.

"Kami mengalu-alukan tangkapan ke atas Isa Samad oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) walaupun ramai beranggapan beliau sepatutnya ditangkap lebih awal.

"Sekiranya mempunyai bukti yang kukuh dan prima facie, beliau sewajarnya didakwa untuk menunjukkan bahawa Perdana Menteri benar-benar serius memerangi rasuah walaupun beliau sendiri terpalit dengan skandal 1MDB dan lain-lain," katanya.

## Pas tidak mahu jadi kuda tunggangan

**SEBARANG** kerjasama pilihan raya antara Pas dan Pakatan Harapan (PH) untuk menghadapi BN akan sekali lagi menjadikan jentera pilihan raya Pas sebagai kuda tunggangan, kata Ahli Parlimen Kuala Nerus Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali.

Dalam kenyataan yang dimuat naik di laman facebook, Dr Khairuddin mengakui negara perlu diselamatkan daripada pelbagai kerosakan ekonomi, politik dan sosial namun PH bukan wadah untuk menyelesaikan masalah negara berasaskan Islam.

"Sebarang perbincangan kerjasama pilihan raya yang kononnya untuk menjatuhkan BN hakikatnya hanya untuk menyelamatkan kerusi parti tertentu dengan menjadikan jentera pilihan raya Pas sekali lagi kuda tunggangan seperti mana yang berlaku dalam Pakatan Rakyat," ujarnya.

Beliau dipercayai mengulas kenyataan Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berhubung rundingan dengan Pas bagi menghadapi pilihan raya umum.

## Dr Mahathir lebih berani berbanding Najib

**PENGERUSI** Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad lebih berani berdepan dengan audiens untuk menjawab soalan panas dan sedia mengambil risiko berbanding Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang tidak muncul di pentas Nothing To Hide 2.0 di Shah Alam, baru-baru ini, kata Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Timbalan Presiden PPBM itu berkata, pelbagai soalan diajukan kepada Dr Mahathir sebaik forum bermula dan ia dijawab dengan baik oleh bekas perdana menteri itu.

"Soalan berkaitan peristiwa Memali pun belum habis dijawab, ketika Dr Mahathir memperjelas jawapan, ketika itu juga individu terbabit melakukan provokasi. Namun beliau berani berdepan berbanding pihak satu lagi yang tak hadir," katanya ditanya pemberita selepas perasmian Persidangan Dun Kedah, 14 Ogos lalu.

Program Nothing To Hide 2.0 itu terpaksa dihentikan serta merta setelah sekumpulan remaja menimbulkan kekecohan dengan melempar kerusi dan membakar suar.



# Konvensyen AWAN lain dari yang lain

Foto SYAFIQ ISKANDAR

**SERI KEMBANGAN:** Konvensyen AWAN Nasional kali kedua pada 19 Ogos lalu berjaya menghimpunkan 215 perwakilan dari 12 AWAN negeri dan 25 kawasan.

Penganjuran yang berlangsung penuh sederhana tetapi meriah turut membuktikan kesepakatan kukuh di kalangan parti-parti komponen Pakatan Harapan dan badan bukan kerajaan (NGO) apabila tetamu wanita hadir meraikan dan memeriahkan konvensyen.

Lebih teruja adalah kehadiran perwakilan AWAN dari kalangan bukan Islam yang menunjukkan wajah inklusif dan progresif parti ini.

Bertempat di Crystal Ballroom, The Mines 2 Seri Kembangan, Konvensyen AWAN Nasional turut membuktikan peningkatan memberangsangkan walaupun sayap wanita parti Islam AMANAH itu baru berusia dua tahun.

Keberanian Ketua AWAN Nasional, Dr Siti Mariah Mahmud mengemukakan idea-idea baharu turut mendapat pujian Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub.

Di luar dewan, pelbagai meja jualan turut didirikan bagi merancang perjalanan konvensyen.

Antara produk jualan yang mengambil bahagian terdiri makanan dan minuman berasaskan herba, pakaian dan sebagainya.



Dr Siti Mariah menyampaikan ucap-tama.



Wakil parti-parti gabungan Pakatan Harapan dan NGO turut memeriahkan majlis.



Salahuddin diiringi Dr Mariah melancarkan D'AWAN Shoppe.



# Konvensyen AWAN Nasional



Antara jemputan yang hadir.



Dr Mariah melancarkan program kutipan derma AWAN Nasional, AWAN SH 10 sen.



Antara perwakilan AWAN negeri dan kawasan.



Suasana dewan persidangan ketika sesi perasmian.



# RCI Memali harus turut siasat 'Amanat Haji Hadi'

Kelolaan **ARIF ATAN**

**PEMUDA** AMANAH Nasional menegaskan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung peristiwa berdarah Memali di Baling, Kedah harus menyiasat secara menyeluruh pelbagai aspek berkaitan termasuk kesan 'Amanat Haji Hadi'.

Naib Ketuaanya, Shazni Munir Mohd Ithnin berkata, kesan amanat yang diperkenalkan Presiden Pas itu pada 1981 dan langkah pencegahan daripada berulang perlu disiasat jika RCI tersebut tetap mahu ditubuhkan.

Menurutnya, siasatan perlu meliputi punca yang mendorong ke arah tangkapan Allahyarham Ibrahim Libya dan faktor yang menyemarakkan kegiatan takfiri pada masa itu.

Jelasnya, langkah kerajaan dalam membendung fenomena takfiri dan keganasan tindakan polis yang turut mengorbankan empat anggotanya serta 14 orang awam di Memali itu juga harus disiasat.

"Besarnya harapan Pemuda AMANAH agar RCI ini



mampu meleraikan segala kekusutan dan tidak akan dibangkitkan lagi. Sejarah adalah tentang keteladanan dan iktibar daripada satu-satu peristiwa.

"Kami bertekad agar tiada lagi episod takfiri, termasuklah pengulangan insiden 'tanam jirat' yang telah mencari keharmonian rakyat," te-

gasnya dalam satu kenyataan.

Amanat Haji Hadi adalah sedutan ceramah umum pemimpin Pas itu menjelang Pilihan Raya Umum 1982 yang kemudiannya menyaksikan perpecahan masyarakat Melayu apabila pengikut Pas mengangap penyokong Umno-BN adalah golongan kafir.

Ucapan Naib Ketua Kesatuan Ulama Islam Sedunia itu mengundang berleluasanya gejala memboikot, penceraian keluarga, bersembahyang dua imam dalam satu masjid bahkan sembelihan penyokong Umno dianggap haram dimakan.

"Beranikah Pas menuntut suatu RCI yang telus dan menyeluruh merangkumi aspek punca dan elemen-elemen asas yang mendorong ke arah tragedi tersebut?"

"Pada hemat kami (Pemuda AMANAH Nasional), keseluruhan aspek ini penting untuk disiasat memandangkan pihak kerajaan telah pun membentangkan Kertas Putih Peristiwa Memali di Parlimen pada tahun 1986," ujar Shazni.

Menurut perenggan 15, 16 dan 17 Kertas Putih itu, tragedi Memali dipercayai berakar daripada ketaksuban terhadap 'Amanat Haji Hadi', merujuk kepada pidato Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Banggol Peradong pada 1981.

Bahkan lebih spesifik dalam perenggan ke-17, jelasnya lagi, Muhamad Yusof Husin mengakui bahawa dirinya berpegang teguh dengan amanat itu dan berfahaman bahawa orang-orang Umno itu kafir.

Selepas 32 tahun peristiwa berdarah itu berlalu, mesyuarat Lajnah Politik Pas Pusat pada 21 Ogos lalu memutuskan untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi membela nasib mangsa tragedi Memali yang dipengerusikan Naib Presidennya, Idris Ahmad.

Turut dibentuk pasukan khas peguam yang diterajui Lajnah Undang-undang dan Hak Asasi Manusia Pas Pusat bagi membantu pihak yang terlibat daripada sudut perundangan.

Kedua-dua keputusan Pas itu ekoran reaksi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi merangkap Menteri Dalam Negeri yang berkata, kerajaan bersedia untuk mewujudkan RCI terbabit jika ada permintaan.



>>> **UTARA BANGKIT...** Menghampiri Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), Ketua Pemuda AMANAH Kedah, Mohd Asmirul Anuar Aris merasmikan penubuhan Pemuda AMANAH Sik pada 16 Ogos lalu serta diraikan jamuan oleh AMANAH Kawasan itu yang diketuai Sulaiman Ibrahim atau Leman Raja Lawan.

## Mustahil dapat elak tiga penjuror

**KETUA** Pemuda AMANAH Melaka, Syafiq Azmi berpendapat usaha untuk menjauhi pertembungan tiga penjuror pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) adalah 'sangat murni' tetapi dengan sikap Pas, hasrat itu mustahil berlaku.

Menurutnya, usaha itu terlebih murni jika dilakukan secara kolektif dan bukan berseorangan atas pertimbangan jaminan kedudukan 'kekitaan' semata-mata.

"Apakah dengan salah satu komponen dalam PH (Pakatan Harapan) bertindak berbilang dengan Pas itu mampu mengelak pertembungan tiga penjuror? Jawapannya sudah tentu tidak.

"Jika mahu mengelak daripada pertembungan tiga penjuror maka yang perlu berbilang adalah PH dan



Syafiq Azmi

bukan sekadar PKR. Jika tidak, episod tiga penjuror ini tidak berkesudahan.

"Percayalah. Jika sekalipun Pas memberi kata putus kepada PKR seperti yang disebut melalui syarat dan taubat nasuha yang disarankan, tiga penjuror tetap berlaku," tegasnya.

Syafiq berkata, pertembungan tiga penjuror tetap juga berlaku ketika Pas dan

PKR masih bersama di bawah payung Pakatan Rakyat pada Pilihan Raya Umum 2013.

"Bukanlah ianya berlaku akibat PSM atau Berjasa yang kacau daun, tetapi ia adalah antara Pas dan PKR, parti yang presidennya bermusyawarah bersama di atas nama Majlis Presiden Pakatan Rakyat dahulunya.

"Maknanya, sifir untuk elak pertembungan tiga penjuror itu suatu yang mustahil. Lihat kesan di N21 Sungai Acheh, calon PKR dan Pas berentap sesama sendiri.

"Bukan hanya satu kerusi malah banyak lagi kerusi lain pertembungan seperti ini berlaku. Apakah masih relevan rundingan yang mahu diatur di saat pimpinan Pas secara nyata menolak komponen lain dalam PH selain dari PKR?" soalnya lagi.

## Teliti Kertas Putih elak pekung terbuka

**PAS** tidak boleh menafikan pengaruh Amanat Haji Hadi terhadap tindakan Almarhum Ibrahim Libya dan pengikutnya yang rela mati daripada ditahan pihak polis, kata Ketua Pemuda AMANAH Terengganu, Hasbie Muda.

Menurutnya, pemimpin dan ahli Pas sepatutnya meneliti Kertas Putih Peristiwa Memali serta dokumen-dokumen berkaitan daripada kedua-dua belah pihak.

"Ternyata beban kesalahan bukan terletak kepada pihak polis semata-mata. Jika Almarhum mendengar nasihat pucuk pimpinan parti dan ayahnya sendiri, tragedi malang tersebut boleh dielakkan," ujarnya ketika dihubungi akhbar mingguan *Amanah*.

Mengulas pendirian 'garang' Ketua Penerangan Dewan Pemuda Pas, Hishamuddin Abdul

Karim yang menganggap AMANAH belum berkuasa sudah angkuh, beliau berkata, reaksi tersebut tidak wujud jika peristiwa berdarah 32 tahun lalu diteliti.

"Rasanya kalau beliau (Hishamuddin) banyak membaca tentang isu tersebut, diam adalah jalan terbaik. Jangan buka pekung parti sendiri," kata Hasbie.

Terdahulu, Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub menyifatkan tragedi Memali adalah polemik yang sengaja dicituskan tambahan pada masa ini apabila Tun Mahathir Mohamad menentang BN.

Ekoran itu, Hishamuddin menganggap AMANAH meremehkan soal nyawa yang menjadi jaminan pemeliharaan penting terhadap tujuan syariah.

## Tangani kes 1MDB selesaikan isu pengangguran

**ISU** pengangguran yang tidak terkecuali melanda golongan siswazah sebenarnya berkaitan langsung dengan bahana skandal korupsi mega yang terpalit pada *1Malaysia Development Berhad* (1MDB), tegas Timbalan Ketua Pemuda AMANAH, Faiz Fadzil.

Menurutnya, Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz pada dua tahun lepas sudah mengingatkan pentingnya isu 1MDB diselesaikan bagi memulihkan ringgit agar ekonomi terus berkembang.

"Selesaikan masalah 1MDB. Isu pengangguran tidak akan selesai selagi skandal itu tidak ditangani terlebih dahulu," ujarnya pada forum *'Janji Yang Tak Ditepati'* anjuran Pemuda AMANAH Ampang, 21 Ogos lalu.

Beliau berkata, pendedahan seramai 54,103 siswazah universiti menganggur dalam tempoh enam bulan selepas mereka bergraduan pada tahun lalu menunjukkan keadaan ekonomi negara yang sedang tenat.

"Saya sendiri ada firma (guaman) menerima terlalu banyak permohonan untuk bekerja, begitu

mendesak. Itu mereka yang berijazah apa lagi yang kurang berpendidikan tinggi. Saya dapat merasakan pengangguran begitu kritikal," jelasnya.

Sehubungan itu, Faiz berkata, mahu tidak mahu rakyat tiada pilihan pada pilihan raya akan datang selain membuat perubahan di peti undi lantaran tiada harapan lagi untuk melihat Datuk Seri Najib Razak berundur sebagai Perdana Menteri.

"Isu 1MDB berkait langsung dengan Perdana Menteri. Kalau harap dia lepaskan jawatan kepada pemimpin Umno lain itu tidak akan berlaku.

"Sudah dua tahun isu 1MDB ini menggegar negara ini tetapi tidak ada pemimpin Umno berani persoal Najib. Jadi, kita tidak dapat lari daripada buat perubahan pada pilihan raya," tegasnya.

Pakatan Harapan, jelasnya, berpegang pada tawaran 100 hari memerintah dengan menyelesaikan masalah 1MDB bagi memulihkan keyakinan pelabur seterusnya merencanakan ekonomi serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada generasi muda.



# Dana terus dipotong, yuran naik lagi?

Oleh **ARIF ATAN**

Kemerosotan sehingga 23 peratus peruntukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sejak tahun 2015 akhirnya mendorong menteri, Datuk Seri Idris Jusoh bersuara.

Barangkali bosan dengan tekanan pihak universiti, beliau merayu kerajaan diterajui Datuk Seri Najib Razak agar tidak berterusan memotong dana pada belanjawan yang akan dibentangkan Oktober depan.

Bajet 2017 memperuntukkan sebanyak RM12.1 bilion untuk kementerian terbabit berbanding RM13.378 bilion pada Bajet 2016 dan RM15.785 bilion pada Bajet 2015.

Dana yang mencukupi penting bagi tujuan pembangunan Universiti Awam (UA) tetapi sebahagian besar UA masih lagi bergantung sepenuhnya dengan peruntukan kerajaan.

"Saya harap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak boleh menilai semula bajet pada tahun ini. Tidak perlu potong lagilah. Kita kena pastikan kejayaan pendidikan tinggi yang berterusan,"



ujarnya baru-baru ini.

Idris juga memohon kerajaan memberi lebih

perhatian terhadap pembangunan universiti-universiti penyelidikan yang bekerjasama dengan

agensi kerajaan dan UA lain.

Dalam hal berkaitan aktivis mahasiswa, Rahman Imuda menyifatkan yuran universiti tidak harus dinaikkan memandangkan Idris sebelum ini telah berjanji, pemotongan bajet KPT tidak akan disusuli dengan kenaikan yuran.

"Kita bukan buat cerita kosong, ini janji menteri. Pasti menteri akan berpegang pada slogan Janji Ditepati," ujarnya.

Mengulas tentang kemungkinan kenaikan yuran itu rendah, beliau menganggap nilai yang mulanya kecil dibimbangi akan berlipat kali ganda.

"Kenaikan mungkin sedikit, RM30 misalnya. Tapi jika setiap tahun yuran naik dengan kadar yang sama, lama-kelamaan ia akan menjadi banyak," tegasnya.

Sehubungan itu, jelasnya, menjadi tanggungjawab setiap mahasiswa pada masa ini mengemukakan bantahan terhadap kenaikan yuran.

"Jika mahasiswa hari ini tidak memperjuangkan isu yuran, pelajar-pelajar pada masa hadapan yang akan menerima kesan. Mereka yang harus menanggung yuran yang tinggi," ujar Rahman lagi.

## Rancakkan industri hiliran buka peluang graduan

**KERAJAAN** disaran rancakkan industri hiliran di negara ini bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat khususnya golongan graduan, kata Pengarah Strategi Parti AMANAH, Dr Dzulkefly Ahmad.

"Kita perlu mempergiatkan industri hiliran yang punya nilai tambah yang tinggi. Kegiatan oleo-chemicals hari ini hanya menyumbangkan 17 peratus daripada pendapatan industri ini.

"Sementara 75 peratus adalah dari menjual CPO atau minyak sawit mentah, yang pastinya terdedah kepada kuasa pasaran yang tidak menentu," jelasnya dalam Bicara Srikandi bertajuk 'Graduan & Kerjaya' anjuran Media Oren baru-baru ini

Beliau berkata, negara akan mengecapi produktiviti yang tinggi apabila kegiatan hiliran berbentuk kosmetik, produk kesihatan dan pemakanan, vitamin, kimia-agro dan bio-polypols diwujudkan.

Menurutnya, hal tersebut sekaligus menjana permintaan dan pekerjaan buat graduan terutama dalam bidang bioteknologi dan kejuruteraan kimia.

Hal sama juga, ujarnya, harus dilakukan dalam bidang lain termasuk aeroangkasa, teknologi solar, elektrik dan elektronik, bioteknologi dan pembuatan.

Menurutnya Dr Dzulkefly lagi, Malaysia harus keluar daripada menjadi hab pemasangan melangkah kepada aktiviti rekabentuk dan pembentukan.

Mengulas tentang seorang panel



Dr Dzulkefly Ahmad

lagi, Madihah Akmal yang terpaksa bekerja apa sahaja walaupun merupakan lepasan Universiti Melbourne Australia, beliau berkata, hal tersebut pastinya menghampakan anak muda.

"Pastinya bekas pelajar cemerlang yang mendapat biasiswa melanjutkan pelajar telah sangat kecewa setelah menemui kegagalan mendapatkan kerjaya setelah pulang dengan ijazah Ekonomi dari Australia.

"Tidak perlu saya sebutkan kes graduan kejuruteraan dan sains yang hari ini mencuci tandas dan membersihkan rumah atau berhijrah mencari rezeki ke Australia dan UK untuk buat kerja memetik buah. Tak kurang juga yang hanya jadi juruwang di 7 Eleven atau 99 SpeedMart," ujarnya.

**PERCUMA!**

SEKOLAH AKTIVISME SUARAM

**TINGKATAN 1 (SIRI 2) 2017**

**25, 26 & 27 OGOS 2017**

**TINGKATAN 1**

Tingkatan 1 SAS, atau juga disebut sebagai Kem Hak Asasi Manusia (KHAS) adalah tahap pertama dalam SAS. Peserta akan dilatih membina solidariti. Berikut antara silibus KHAS:

1. Teori dan konsep hak asasi manusia
2. Hak asasi manusia dan instrumen antarabangsa
3. Konsep asas demokrasi
4. Konsep asas & spektrum ekonomi

Peserta yang berdaftar, akan berkhidmat di Pejabat SUARAM pada 25 Ogos 2017, jam 5 petang. Peserta dijangka akan bergerak ke Janda Baik, Pahang, jam 7 petang menaiki van yang disediakan. Penginapan, makanan dan segala ketidaktepatan akan disediakan oleh pihak SUARAM.

Jika berminat, hantarkan nama/ no telefon ke: [righttotrial@suaram.net](mailto:righttotrial@suaram.net)

**SYARAT PENYERTAAN**

1. WARGANEGARA MALAYSIA
2. BERUMUR 18-30 TAHUN

TEMPAT LATHAN AKAN DIBAWAKAN KEMUDIAN

YOUTH SUARAM

## Ceritera orang undang-undang

**POTENSI** diri hanya terbuka jika kita berusaha. Itu antara kata Zulqarnain Lukman pemilik buku *Peguam Bukan Peguam* ini.

Lebih kepada perkongsian pengalamannya dalam bidang profesional itu, buku terbitan Ilham Books ini tidak sarat dengan jargon dunia seputar mahkamah.

Ceritera Zulqarnain ini tambah menarik untuk terus dibaca apabila seni soal silang atau soal balas (*cross examination*) diketengahkan kepada pembaca.

Genap 17 tahun pengarang ini berkecimpung dalam bidang guaman, tulisannya yang terdiri daripada 35 bab ini memang bersesuaian ditelaah penuntut, peguam muda bahkan aktivis mahasiswa.

Banyak aspek asas berkaitan



**Bacalah**

undang-



undang boleh dipelajari seperti tentang waran tangkap dan pada masa sama hasrat menterjemah unsur Rahman dan Raheem dalam guaman.

Turut dibincangkan realiti belajar undang-undang tidak serupa dengan beramal undang-undang selain memilih peguam yang tepat dan menjadi saksi yang benar.

Pengalaman pengarang dalam kumpulan hak asasi manusia juga nampaknya dapat dikesan secara langsung pada bab terakhir, 'Anis Shafiqah dan Gerakan Mahasiswa'.

Pesan Zulqarnain: "Seorang pemimpin perlu mengasah bakat dengan melengkapkan dirinya dengan pelbagai skil seperti skil berucap, memujuk, menganalisa, bergaul, berbual dan berkomunikasi."



# 'Mencari Kewajaran Islam di Malaysia'

**A**PA maksud mencari kewajaran Islam di Malaysia? Maksudnya ialah terdapat banyak ketidakwajaran berlaku dalam amalan, nilai, kepercayaan dan fahaman di kalangan umat Islam di Malaysia; dan saya memerhati dan menganalisa sebahagian daripadanya, untuk melihat kewajarannya, dalam tempoh 2008 hingga 2014.

Tanpa tujuan itu pun sebenarnya, kerana saya menulis kolum di dalam akhbar yang terbit dua kali seminggu; dengan pelbagai topik dan isu - politik, seni dan sastera, sosio-budaya, Islam dan kelslaman, tokoh dan ketokohan, pemikiran, dan macam-macam. Sekitar 460 esei semuanya, dalam tempoh tujuh tahun.

Daripada sejumlah itu telah dipilih 29 esei mengenai perancangan seni-budaya dan pemikiran mengenainya, dibukukan dengan judul *Pemikiran dan Perancangan Seni-budaya* (2012). Kemudian dipilih pula 15 esei khusus di sekitar kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz, untuk menjadi sebahagian kandungan buku *Kelantan 22 Tahun Bukti Kejayaan* (2013).

Pada tahun 2015 dipilih lagi 36 esei, mengenai seni-budaya juga, dengan bahan-bahan yang baru, dan dibukukan dengan judul *Jelajah Budaya*.

Dan kini dipilih lagi 63 esei, ditambah lapan daripada kolum lain di akhbar online, menjadi jumlah semuanya 71 esei, yang akan dibukukan. Apabila dibaca semula semua esei berkenaan berkali-kali sebelum dicetak, saya dapati wacananya adalah mengenai pencarian kewajaran Islam di Malaysia.

Mencari kewajaran Islam! Satu persoalan yang saya kira sangatlah menarik. Seperti disebut tadi, terdapat banyak ketidakwaja-

ran berlaku dalam kehidupan kita orang Islam di negara ini. Dan buku ini membahagikan 71 esainya kepada 10 bahagian, atau lapangan, iaitu:

Ilham dari al-Quran (3 esei), Ulamak dan kepemimpinan (A) (6 esei), Ulamak dan kepemimpinan (B) (7 esei), Semacam realiti baru (9 esei), Masalah politik berlebih-lebih (7 esei), Sikap dan fahaman kita (10 esei).

Kelantan dan kepemimpinan Nik Aziz (9 esei), Persoalan Hudud (5 esei), Memahami hal ekonomi (7 esei), dan Persekitaran masyarakat (8 esei).

Tidaklah 71 esei di dalam buku ini semuanya secara langsung membincangkan pencarian kewajaran Islam di Malaysia. Esei-esei berkenaan itu sebenarnya ditulis secara bersahaja dalam bidang-bidang yang sebahagiannya kelihatan seperti tidak ada kaitan langsung dengan Islam dan kelslaman.

Tetapi apabila semuanya diletak dalam satu kelompok dan dibaca dalam perkaitan antara satu sama lain, maka jelaslah kelihatan hubungan yang saling melengkapi di bawah satu tajuk persoalan, iaitu mencari kewajaran Islam di negara ini.

Cuba perhatikan tajuk-tajuk enam esei di bawah bahagian "Ulamak dan kepemimpinan (A)" misalnya, iaitu: Apabila ulamak hilang keyakinan diri, Kepemimpinan ulamak dan salah faham mengenainya, Pemimpin tahu bila masanya dia harus berundur, Darihal ulamak dan wala' dalam politik Islam, Beza ulamak dulu dengan ulamak sekarang, dan Masihkah Islam boleh diamanahkan kepada Pas?

Manakala di bawah bahagian "Memahami hal ekonomi" pula misalnya, terdapat enam esei dengan tajuk-tajuk berikut -

Kenapa pentingkan kuasa ekonomi?, Basmi kemiskinan bukan agenda Islam, Memikirkan Nabi yang selalu tiada makan, Mengapa benarkan bank mencengkam hidup kita?, Nik Aziz dan jimat cermat, Wujudkah sistem ekonomi Islam?, dan Macamana gajinya boleh sampai RM425,000?

Esei-esei ini, kecuali lapan dari kolum di *The Malaysian Insider (TMI)*, adalah daripada kolum Wacana Budaya dalam *akhbar Harakah* (sebelum saya diharamkan menulis di situ). Sengaja diambil sedikit daripada kolum di TMI itu bagi menambah wacana terutamanya mengenai "Ulamak dan Kepemimpinan", yang sedang saya bicarakan ketika kolum di *Harakah* itu ditutup, akibat tulisan-tulisan saya yang mengkritik pedas kepemimpinan Pas waktu itu.

Kolum Wacana Budaya itu dalam *akhbar Harakah*, iaitu akhbar Pas. Menunjukkan bahawa saya memang bersetuju dengan parti politik itu, makanya saya menulis dalam *Harakah*. Tetapi seperti yang kelihatan dalam beberapa tulisan yang ditulis pada September hingga Disember 2014, saya mulai tidak bersetuju dengan pimpinan Pas waktu itu. Esei "Imej Ulamak Sedang Mengalami Kerosakan Besar" adalah tulisan terakhir saya di *Harakah*.

Jadi esei-esei dalam buku ini ada yang memihak kepada Pas, ada yang mengkritik, dan ada juga yang menentangnya. Sebab apa? Sebab perubahan yang berlaku di dalam parti itu sendiri, yang jelas terjadinya apabila parti itu tidak lagi dipimpin oleh Tok Guru Nik Aziz.

Misalnya saya menyatakan fahaman agama dan politik tidak harus dipisahkan. Itu saya merujuk kepada fahaman yang di-



bawa oleh Nik Aziz, yang menjadi fahaman Pas waktu itu, dan saya bersetuju dengan fahaman itu. Tetapi setelah Nik Aziz tiada, saya dapati Pas pun tidak lagi berfahaman demikian. Saya melihat ada unsur memeralatkan agama untuk politik juga di dalam Pas, selepas ketiadaan Nik Aziz.

Adapun buku ini bukanlah bertujuan untuk membicarakan parti politik. Walaupun banyak juga saya menyentuh hal politik dan parti politik dalam tulisan-tulisan di *Harakah*, tetapi semua itu tidak dipilih untuk buku ini.

Pada Bab 2 dan 3 misalnya saya bicara mengenai 'Ulamak dan Kepemimpinan' secara umum. Kebetulan waktu itu di Malaysia apabila bercakap mengenai ulamak, kebanyakan orang bercakap mengenai ulamak di dalam Pas.

Saya sendiri pun lebih menghormati ulamak yang di dalam Pas daripada yang bukan di dalam Pas, pada waktu itu, yakni waktu Tok Guru Nik Aziz menjadi Mursyidul Am dan Menteri Besar Kelantan. Sekarang sudah berubah. Esei-esei di dalam buku ini merakamkan perubahan itu.

Dan buku ini sekarang dalam proses percetakan. Sedikit hari lagi akan terbitlah. Saya bercadang nak buat majlis pelancarannya di beberapa tempat. Kalau ada mana-mana pihak yang berminat, silalah hubungi watsapp saya 018-2874915. ■

## Memandang ke depan langkai 60 tahun kemerdekaan

Oleh **ABU FIRDAUS**

**S**EJARAH merupakan suatu ilmu dan pengetahuan. Tetapi ia juga mempunyai dua peranan politik. Pertama ia merupakan peringatan pada peristiwa yang telah berlaku. Kedua ia bertujuan untuk melipat ingatan lalu bagi membolehkan tumpuan perhatian bagi masa depan.

Perisytiharan kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos 1957 menyimpan kenangan pahit maung dalam perjuangan membentuk negara Persekutuan Malaysia. Sementara 60 tahun dari tahun itu juga memberikan banyak kemajuan tetapi pada waktu sama, sudah tentu juga terdapat kegagalannya. Kesimpulannya, Malaysia sepatutnya boleh lebih baik daripada itu.

Maka atas asas itu Parti Amanah Negara dan Pakatan Harapan berada di pentas politik untuk beraksi bagi mewujudkan negara supaya lebih baik. Untuk itu ia menentang Barisan Nasional yang di-

percayai tidak dapat mewujudkan Malaysia lebih baik bagi akan datang.

Setelah 60 tahun berlalu, maka harapannya ialah Malaysia menjadi lebih baik bagi 60 tahun akan datang, iaitu pada tahun 2077. Jauhnya ke depan. Tentu sukar untuk menjangka apa yang boleh dicapai pada tahun itu. Alang program Transformasi Nasional 2050 yang dianjurkan oleh kerajaan Barisan Nasional sukar untuk dipercayai, apatah lagi untuk membayangkan apa yang hendak dicapai pada 2077. Terlalu jauh.

Untuk melihat 60 tahun akan datang, maka panduannya adalah melihat ke belakang, 60 tahun yang lepas, iaitu tahun 1957. Bentuk entiti politik Malaya adalah sebuah negara bangsa yang bernama Federation of Malaya atau Persekutuan Tanah Melayu.

Kini, 60 tahun kemudian namanya Federation of Malaysia atau Persekutuan Malaysia. Pada 60

tahun akan datang tidak boleh dijangka sama ada bentuk negara bangsa ini masih wujud atau tidak. Tetapi buat masa ini hasrat parti AMANAH dan Pakatan Harapan adalah hendak mempertahankan negara bangsa ini.

Sebuah negara bangsa mempunyai dua komponen iaitu negara atau state, dan bangsa atau nation. Hakikat bahawa istilah ini seringkali disalah faham juga menimbulkan kekeliruan.

Untuk memudahkan perbincangan, apa yang dimaksudkan sebagai state di sini ialah negara, dan bukannya negeri. Sementara nation di sini bermaksud bangsa, dan bukannya negara. Negeri bermaksud country bukannya state. Sementara bangsa adalah nation dan bukannya kaum. Kaum adalah race.

Maka ketika Malaya merdeka pada tahun 1957, negara atau state yang ditubuhkan di Kuala Lumpur adalah berbentuk per-

sekutuan 11 negara. Tetapi secara rasmi negara persekutuan hanya disebut negara, dan negara yang menjadi bahagiannya dinamakan negeri.

Sebagai negara ia tidak menjadi masalah walaupun ia mempunyai nama berbeza dalam bahasa yang berlainan. Dalam bahasa Inggeris, negara ini bernama Federation of Malaya. Tetapi bahasa kebangsaan negara ini ialah bahasa Melayu. Nama negara ini dalam bahasa Melayu ialah Persekutuan Tanah Melayu. Inilah nama sebenar negara ini. Di sinilah negara bangsa ini bermasalah. Ini kerana tidak wujud bangsa Malaya atau bangsa Tanah Melayu.

Kini 60 tahun kemudian, Bangsa Malaysia sudah wujud iaitu sejak tahun 1963. Tetapi sebahagian daripada rakyat Malaysia tidak dapat menerima bangsa Malaysia. Apabila mereka menyebut bangsa,

maka dirujuklah kepada bangsa Melayu, Cina dan India. Sedangkan itu kaum, bukannya bangsa. Bangsa Melayu sudah tidak ada. Yang ada ialah Bangsa Malaysia. Mereka juga tidak mahu menerima konsep Bahasa Malaysia.

Bila sampai tahun 2077 tahun kelak, tidak dapat dijangka sama ada konsep negara bangsa ini masih ada atau tidak ada. Mungkin sudah tidak relevan. Sama ada kaum Melayu dan Bangsa Malaysia juga tidak relevan.

Mungkin yang relevan adalah nilai. Nilai nilai baik dalam hidup bermasyarakat seperti keadilan, amanah, kebebasan dan kemanusiaan akan terus relevan. Usaha untuk melaksanakan nilai nilai pemerintahan yang baik inilah yang diperjuangkan oleh parti AMANAH dalam memberi sumbangan pada negara 60 tahun akan datang. ■



# Perpisahan di Kota Yangon

**PERJALANAN** pulang ke kota Yangon tidak lagi terasa panjang seperti saat pertama kali meninggalkannya.

Boleh jadi kerana kami bertolak dari Kyaiktiyo yang relatifnya lebih dekat, boleh jadi kerana diri sudah terbiasa dengan jam perjalanan di Myanmar.

Kami tiba ke Yangon pada sebelah tengah hari. Tidak terlalu lewat.

Yangon tidak lagi kelihatan sama seperti saat pertama kali tiba dahulu. Entah kenapa semuanya tidak lagi setegang dan semuram dahulu, ketika Myanmar belum dilanda gelombang merah NLD.

Di kaki jalan-jalan utama, beberapa bendera merah NLD kelihatan berkibar. Bendera ini bukan dari kempen; bendera ini dari perayaan kemenangan. Digantung oleh orang ramai yang menyambut kejatuhan rejim junta.

Di hotel, kami segera menyelesaikan urusan kewangan dan penyerahan rekod-rekod pemantauan. Kami antara yang terawal tiba selain ekspedisi dari Bago yang turut bersama kami di Kyaiktiyo. Usai urusan kerja, kami langsung ke sebuah restoran makanan laut Rakhine untuk makan tengah hari bersama buat kali terakhir.

Perpisahan kami agak janggal. Cukup tergesa-gesa.

Habis makan, kami pulang semua ke hotel yang juga pejabat operasi sementara Anfrl. Bagasi Roisai dan Ohn Mar sudah berada di lobi. Saya tidak tahu bahawa mereka berdua

akan pulang ke tempat masing-masing pada hari yang sama. Begitu juga Htay Hlaing pemandu kami.

Ohn Mar tidak membuang masa di Yangon. Beliau hanya tumpang tidur di rumah sahabatnya untuk semalaman dan terus pulang ke Nay Pyi Taw dengan bas terawal keesokan pagi.

Htay Hlaing pula terus menyambung pemanduan ke Bago untuk memulangkan kenderaan kepada majikannya. Roisai lebih tergesa-gesa; pada sebelah petang, beliau terus terbang ke Bangkok dan seterusnya mengambil penerbangan ke Tokyo dari sana.

Kami mengucapkan selamat tinggal kepada satu sama lain seringkas mungkin. Dalam tempoh singkat hanya beberapa minit itu, saya cuba meninggalkan memori perpisahan yang baik untuk semua orang.

Htay Hlaing saya hadiahkan kemeja kegemaran yang pernah beliau tanyakan di mana untuk membelinya. Buat Ohn Mar, novel tulisan Aldous Huxley, *Brave New World* sebagai panduan untuk berhadapan



**Suasana di Kota Yangon**

dengan Myanmar yang lebih mencabar.

Saya tidak menghadihkan apa-apa kepada Roisai kecuali sekotak rokok tempatan untuk beliau habiskan, dan beliau menghadihkan kembali seuncang wang kecil mata wang Myanmar, juga untuk saya habiskan. Begitu sahajalah perpisahan kami.

Ringkas, tapi ada manisnya.

Perpisahan yang tergesa-gesa itu lebih meninggalkan kesan berbanding jika diraikan. Hanya setelah mengucapkan selamat tinggal; kami sedar bahawa banyak lagi perkara yang belum sempat dikenali dari diri masing-masing. Sebab itu jugalah, kami masih terus berhubung sehingga hari ini.

Seperkara yang melucukan; kami tiada gambar bersama sebagai sebuah pasukan. Berpisah pun tidak mengambil gambar. Roisailah yang paling awal menyedarinya.

Melalui pesanan ringkas dari lapangan terbang, beliau memarahi saya yang kata-

nya tidak mesra kamera. Saya hanya balas dengan kata-kata yang diolah semula berdasarkan gurauan Hishamuddin Rais: memori terbaik adalah yang dirakam dalam otak, bukan Kodak.

Gurauan ini muncul ketika Isham kehabisan bateri kameranya ketika kami di London suatu masa dulu.

Dengan demikian sahaja, saya seorang diri semula di hotel. Pasukan lain masih lengkap bilangan ahlinya, memandangkan pada sebelah malam akan ada sambutan perpisahan buat semua. Hanya pasukan Kayin+ Mon yang sudah selesai dibubarkan.

Mujur, teman baik saya dari Kuala Lumpur; Mandeep tiba ke Yangon untuk bersama. Beliau sudah menyusun rencana lain di sana. Kami akan bertemu dengan pemimpin gerakan pelajar yang saya sendiri pernah wakili suara mereka di Geneva dahulu.

## Umno mungkin hilang 30 kerusi Parlimen

Oleh **OII HENG**

**S**EMASA bercakap mengenai keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) pada masa lalu, kita biasanya akan melihat Barisan Nasional (BN) secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, apabila Umno menghadapi perpecahan politik yang dahsyat, perlu kita ambil contoh keputusan PRU lalu yang melibatkan Umno untuk penilaian lanjut.

Setiap kali Umno menghadapi perpecahan politik serius, undi Melayu mereka akan turun dan kerusi Parlimen mereka akan berkurangan.

Sebelum PRU 1990, Tengku Razaleigh Hamzah menentang Dr Mahathir Mohamad dan berpisah daripada Umno untuk membentuk parti Semangat 46. Hasilnya, kerusi parlimen yang dimenangi oleh Umno ketika itu jatuh sebanyak 12 kerusi, daripada 83 kerusi pada PRU 1986 menjadi 71 kerusi pada tahun 1990.

Sebelum PRU 1999, Datuk Seri Anwar Ibrahim secara kejam dianiaya, yang membawa kepada pergerakan politik Reformasi, oleh itu para pemimpin parti dan pengikut serta aktivis masyarakat sivil bergandingan tangan membentuk parti baharu, Parti Keadilan Nasional. Hasilnya, kerusi parlimen yang dimenangi oleh Umno jatuh sebanyak 17 kerusi, daripada 89 kerusi pada 1995 menjadi 72 kerusi pada tahun 1999.

Kemudian, pada 3 Ogos 2003, Parti Keadilan Nasional secara rasminya bergabung dengan Parti Rakyat Malaysia menjadi Parti Keadilan Rakyat.

Semasa kedua-dua perpecahan politik yang disebutkan di atas, Mahathir adalah Presiden Umno dan juga Perdana Menteri. Kali ini, Mahathir adalah bekas presiden Umno dan

bekas Perdana Menteri. Dr Mahathir membentuk parti baru, Parti Pribumi Bersatu Malaysia.

Dalam pilihan raya akan datang, berapakah kerusi parlimen yang akan terlepas dari tangan Umno? Dua senario kehilangan kerusi Umno.

Senario pertama. Umno kehilangan 15 hingga 20 kerusi, daripada 88 kerusi yang diperolehi dalam PRU13. Oleh itu, Umno hanya akan mendapat 68 hingga 73 kerusi.

Senario ini mengandaikan bahawa setiap "perpecahan perit" yang dihadapi Umno, ia akan mengakibatkan perpecahan yang lebih teruk daripada sebelumnya dan diterjemahkan ke dalam satu bentuk keputusan pilihan raya. Ini bermakna prestasi Umno pada PRU-1999 berbanding 1995 lebih teruk daripada keputusan PRU 1990 berbanding 1986.

Berdasarkan ini, keputusan akan lebih buruk dalam PRU14 berbanding PRU13.

Senario kedua. Umno akan hilang sejumlah besar kerusi di antara 25 hingga 30 kerusi. Jika ini berlaku, Umno hanya akan memperoleh 58 hingga 63 kerusi.

Senario ini memandangkan hakikat bekas pemimpin Umno biasanya mengetuai gabungan pakatan pembangkang untuk mencabar Umno, ranking tertinggi ialah bekas Timbalan Perdana Menteri.

Namun pada pusingan ini, Mahathir adalah bekas Perdana Menteri yang berkhidmat selama 22 tahun, dan dua pilihan raya sebelum ini – PRU12 (2008) dan PRU13 (2013) – telah berjaya mengubah lanskap politik, memecahkan sistem dominan BN yang mutlak.

Berdasarkan senario ini, selain daripada Umno yang menunjukkan kehilangan kerusi parlimen, keputusan keseluruhan BN dalam PRU14 tidak akan mengulangi keadaan PRU10 (1999) di mana "pengundi Melayu menentang

tetapi pengundi bukan Melayu tidak menentang", atau keputusan di mana "BN menyelamatkan Umno".

Pada tahun 1990 dan PRU 1999, walaupun Umno menghadapi perpecahan, sistem dominan satu pihak tidak dicairkan. Hari ini, selepas mengalami perubahan lanskap politik melalui PRU 2008 dan 2013, sistem dominan satu pihak telah luntur. Berdasarkan faktor ini, kali ini tidak akan wujud situasi "BN menyelamatkan Umno".

Marilah kita melihat undi etnik Cina. Undian Cina kepada BN pada tahun 2008 menurun sebanyak 30%, dan semakin teruk pada tahun 2013 di mana ia terus menurun sebanyak 22%. Pada dasarnya, undi Cina BN telah jatuh ke tahap terendah.

Dalam PRU14, kita akan menjangkakan peningkatan dalam undi kaum Cina kepada BN.

Sekiranya BN memperoleh tambahan undi Cina sebanyak 5% hingga 10%, ia tidak mencukupi untuk menyelamatkan Umno. Pada sisi lain, walaupun Pakatan Harapan bertarung dengan agresif untuk undi Melayu, mereka juga perlu menguruskan kehilangan undi Cina, dan juga peratusan undi yang diperolehi kembali oleh BN.

Manakala Pakatan Harapan dijangka mendapat undi rendah daripada etnik India. Selepas BN kehilangan undi India pada tahun 2008 sebanyak kira-kira 49%, mereka telah memperoleh semula 10% pada tahun 2013.

Menurut peta pilihan raya pada tahun 2013, terdapat 60 kerusi parlimen dengan lebih daripada 10% pengundi India, di mana 52 kerusi mempunyai 10% hingga 20%, dan 8 kerusi yang lain mempunyai 21% hingga 30%. Walaupun pada PRU 2013 keputusan Pakatan Rakyat hanya mempunyai 10 Ahli Parlimen India namun terdapat 60 kerusi lain mem-

punyai lebih daripada 10% kaum India.

Daripada 60 kerusi, selain daripada 10 kerusi dengan Ahli Parlimen India, Pakatan Rakyat juga mempunyai 28 kerusi dengan anggota parlimen bukan India, yang dibantu oleh undi kaum India. Untuk mengelakkan situasi "BN menyelamatkan Umno" daripada berlaku dalam PRU14, Pakatan Harapan harus lebih berusaha menangani keperluan masyarakat India dan isu-isu mereka yang membimbangkan, dan mencadangkan dasar yang berkesan untuknya.

Masyarakat India mempunyai perkadaran tinggi kelas menengah rendah dan keluarga kelas bawahan, dan mereka juga berada di bawah tekanan harga barang yang tinggi serta kos sara hidup melambung dalam era Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ini.

Selain itu, ramai di antara mereka yang mengalami masalah sukar mendapatkan gaji mencukupi dan ramai yang menganggur.

Jika kita hanya memberi tumpuan kepada 30 kerusi dengan lebih daripada 50% pengundi Cina, dan berada dalam khayalan mengendalikan aliran balik undi Cina, memikirkan cukup hanya menunggu undi protes serpihan Umno bagi mendapatkan hasil yang baik, kita takut BN akan mendapat lebih banyak undi kaum India dalam PRU14.

Sekiranya Pakatan Harapan mengharapkan situasi yang sama seperti BN dipukul oleh Hindraf pada PRU 2008, dalam pilihan raya akan datang, Pakatan Harapan mungkin akan dilanggar secara senyap oleh masyarakat India. Persoalannya, bolehkah golongan elit politik dalam zon selesa merasakan pergerakan di dalam kumpulan yang terpinggir ini?

■ **Artikel ini ditulis oleh Ooi Heng, Pengarah Eksekutif badan pemikir Kajian Politik untuk Perubahan (KPRU) bersama Elijah dan Yasmin**



# Usah berpura... kerajaan tetapkan harga minyak

**D**ATUK Seri Najib Razak sepatutnya berasa malu dengan kenyataan beliau di Perhimpunan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), JKKK Persekutuan (JKKKP) dan JKKK Orang Asli (JKKOA) 22 Ogos lalu kononnya beliau "tidak ada kuasa dalam menentukan turun naik harga minyak setiap minggu".

Saya tidak pasti sama ada Datuk Seri Najib benar-benar percaya bahawa beliau tidak ada kuasa; atau pun itu hanya helahnya untuk menutup keadaan sebenar iaitu wang rakyat yang boleh digunakan untuk meringankan beban rakyat terutamanya mengawal harga minyak telah dibazirkan oleh pentadbiran beliau dalam projek-projek yang rugi besar seperti 1MDB, Felda dan lain-lain.

Saya yakin Datuk Seri Najib tahu bahawa beliau yang mempunyai paling banyak kuasa dalam mengawal harga minyak di negara ini.

Kenyataan beliau bahawa harga minyak mingguan tidak dikawal oleh Kerajaan Persekutuan dan tertakluk kepada harga pasaran semata-mata adalah tidak tepat.

Harga petrol (RON95 dan RON97) dan diesel ditetapkan secara mingguan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menggunakan formula berikut:

Harga mingguan (RON95, RON97 dan diesel) = Harga minyak yang telah diproses mengikut harga rujukan MOPS95 terbitan Platts + Jaminan Kos Operasi & Keuntungan + GST (untuk RON97)

Harga minyak diproses: harga pasaran minyak yang telah diproses mengikut gred seperti yang diperdagangkan di Singapura dan laporan harganya diterbitkan oleh penerbitan Platts. Harga yang dilaporkan adalah di dalam Dollar AS (USD) dan perlu diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia.

Jaminan kos operasi dan keuntungan kepada pengendali stesen petrol dan syarikat minyak: Kerajaan Persekutuan menetapkan satu kadar untuk menanggung kos operasi dan memberi keuntungan kepada pengendali stesen minyak dan syarikat minyak. Pada masa ini, kadarnya ialah 32 sen seliter (untuk pengendali stesen minyak dan juga syarikat minyak) bagi RON95/RON97 dan 23 sen seliter bagi diesel.

GST: Kerajaan Persekutuan menetapkan sama ada bahan api seperti petrol dan diesel dikenakan GST dan berapa kadar GST yang dibayar.

Oleh itu, Datuk Seri Najib bertanggungjawab secara langsung dan tidak langsung dalam menetapkan harga minyak mingguan di negara ini seperti berikut:

## SECARA LANGSUNG

i. Beliau mengetuai pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang membuat undang-undang bahawa harga minyak dikira berdasarkan formula yang telah ditetapkan (seperti di atas). Beliau hanya boleh mengaku tidak mengawal harga minyak jika Kerajaan Persekutuan tidak menetapkan langsung bagaimana harga petrol dan diesel ditentukan oleh stesen minyak



dan menyerahkan bulat-bulat kepada peniaga untuk menentukannya (seperti mana kerajaan tidak menetapkan harga goreng pisang).

ii. Beliau mengetuai pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang menetapkan bahawa harga minyak ditetapkan setiap minggu dan perlu dipatuhi oleh semua stesen minyak.

iii. Beliau mengetuai pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang menetapkan bahawa kadar jaminan kos operasi dan keuntungan yang dibayar kepada pengendali stesen minyak dan syarikat minyak adalah 32 sen seliter atau 23 sen seliter (bagi diesel). Harga minyak berubah mengikut berapa kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Jika Kerajaan Persekutuan menetapkan kadar yang lebih rendah dari sekarang, maka harga minyak akan turun dan begitulah sebaliknya.

iv. Beliau mengetuai pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang menetapkan bahawa RON97 perlu dikenakan GST pada kadar 6%.

v. Beliau mengetuai pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang memutuskan untuk menghapuskan terus subsidi minyak yang selama ini digunakan untuk mengawal harga minyak dan

melindungi pengguna dari turun naik harga minyak mentah dunia. Sebelum ini, Kerajaan Persekutuan berupaya memperuntukkan sehingga 20 sen subsidi seliter yang akan menurunkan harga minyak apabila ia telah melepasi paras tertentu.

## SECARA TIDAK LANGSUNG

i. Beliau mengetuai pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang berbelanja dengan boros dan berlaku banyak ketirisan dan penyelewengan sehinggalah rakyat terpaksa menanggung beban hutang yang tinggi.

Jumlah bayaran tahunan faedah hutang Kerajaan Persekutuan telah mencecah sekitar RM27 bilion setahun iaitu 5 kali ganda dari anggaran jumlah yang diperlukan untuk memperuntukkan subsidi 20 sen seliter pada kuota 25% penggunaan petrol dan diesel tahunan negara.

Hutang 1MDB yang semestinya telah melepasi RM50 bilion telah menyebabkan rakyat Malaysia terpaksa membayar sekitar RM2 bilion setahun dalam bentuk faedah, sedangkan jumlah ini boleh digunakan untuk menyediakan subsidi bagi mengawal harga minyak.

Beban hutang yang tinggi ini dan belanja membayar faedah yang besar setiap tahun menyebabkan Kerajaan Persekutuan tidak ada wang untuk memperuntukkan subsidi minyak yang mendorong kepada tindakan Datuk Seri Najib menghapuskan subsidi minyak.

ii. Beliau mengetuai pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang gagal

melindungi nilai matawang ringgit sehingga nilai ringgit jatuh mendadak dari paras sekitar RM3.50 bagi setiap dolar kepada sekitar RM4.20 kini. Oleh kerana harga rujukan adalah di dalam dolar, matawang ringgit yang lemah menyebabkan harga RON95, RON97 dan diesel menjadi lebih mahal dari yang sepatutnya apabila harga rujukan ditukarkan ke dalam ringgit seperti yang dikehendaki formula.

Saya meminta Datuk Seri Najib berhenti mencuci tangan dalam isu kenaikan harga minyak.

Beliau sewajarnya berdebat dengan kami di Parlimen mengenai cadangan-cadangan dari Pakatan Harapan untuk mengawal harga minyak yang pernah saya utarakan, iaitu pengenalan subsidi untuk mengekalkan harga minyak pada paras RM1.80 seliter yang tertakluk kepada kuota bulanan yang diberikan kepada rakyat Malaysia yang layak; kuota bulanan itu ditentukan mengikut peratusan dari jumlah penggunaan tahunan petrol dan diesel.

Kalau saya yakin Pakatan Harapan boleh mengawal harga minyak pada paras RM1.80 seliter dan stabil pada harga itu dalam suasana pasaran dunia sekarang, beliau sepatutnya menjawab kepada rakyat kenapa beliau tidak boleh berbuat yang sama?

Tindakan cuba membodohkan rakyat kononnya beliau tidak mempunyai kuasa untuk mengawal harga minyak sebenarnya hanya menampakkan beliau bodoh.

**Rafizi Ramli ialah Ahli Parlimen Pandan dan Naib Presiden Keadilan.**

# Imej 'milenial' Nurul Izzah Iwn 'jurasik' Shahrizat

**KETUA** Wanita Umno Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil telah membuat kenyataan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar ialah seorang "pemimpin media sosial" yang tidak buat kerja di kawasan.

Ini merupakan satu kenyataan yang cemburu terhadap keupayaan pemimpin PKR yang mampu berkhidmat walau terpaksa berhadapan dengan pelbagai kekangan dan halangan. Malah kenyataan tersebut sebenarnya memperlekeh anak muda khususnya generasi emilenial yang sering mendapat berita melalui media sosial.

Pimpinan PKR seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Datuk Seri Azmin Ali, Nurul Izzah, Rafizi Ramli, saya dan ramai lagi terpaksa berhijrah ke media sosial kerana kami tidak memiliki akses kepada media arus perdana sama

seperti apa yang dinikmati pimpinan Umno-BN.

Kami juga jarang sekali diberi peluang untuk menjawab sepenuhnya dakwaan-dakwaan yang dibuat pemimpin Umno-BN melalui media milik mereka atau kenyataan-kenyataan kami diputar belit sehingga ramai pemimpin terpaksa menyaman media-media tersebut (dan seringkali pemimpin tersebut menang).

Itulah sebabnya kami selalu menggunakan Twitter, Facebook, WhatsApp dan media sosial lain untuk menyebarkan berita tentang usaha-usaha kami di kawasan, sehingga ada pihak yang sanggup mencipta dakyah pimpinan PKR hanya 'pemimpin' di media sosial.

Umum sedia maklum bahawa ahli-ahli Parlimen pembangkang khususnya di Kuala Lumpur sering berhadapan dengan pelbagai kekan-

gan dan halangan akibat dari politik dengki yang diamal sesetengah pihak. Sebagai contoh, pada 18 Jun lalu, Nurul Izzah dan PKR Lembah Pantai telah menganjurkan program sumbangan Hari Raya Aidilfitri di Taman Bukit Angkasa untuk 500 warga Lembah Pantai.

Pada awalnya, untuk kemudahan dan keselesaan penerima sumbangan, kami telah membuat permohonan untuk menggunakan medan selera Taman Bukit Angkasa yang lapang dan berbumbung. Walaupun pada ketika permohonan tersebut dibuat kami mendapati tiada sesiapa yang menempah tapak tersebut, kami menerima maklumat beberapa hari sebelum program bahawa medan selera tersebut telah disewa pada hari dan waktu serupa dengan program kami maka kami dihalang dari menggunakannya. Namun, seperti yang

diceritakan sendiri oleh Nurul Izzah melalui Facebook Live yang ditonton lebih 170,000 orang dan disebar lebih 1,600 kali, pada hari program sumbangan, kami mendapati bahawa medan selera tersebut lengang dan kosong. Tiada sebarang program pun yang dijalankan di situ pada hari tersebut.

Ini hanyalah satu dari bermacam-macam contoh di mana kerja-kerja Nurul Izzah di kawasan dikekang dan disabotaj pengamal politik dengki. Walaupun begitu, beliau dan pasukan Pejabat Ahli Parlimen terus istiqamah dalam memberi perkhidmatan terbaik buat warga Lembah Pantai.

Sama seperti di kawasan-kawasan bandar di seluruh negara, Lembah Pantai mempunyai jumlah pengundi generasi 'milenial' mencecah 30%. Realiti inilah yang menyebabkan Ketua Pemuda Umno dan BN, Khairy



Jamaluddin menggesa BN membuang imej 'Jurasik' yang ada pada parti itu sekarang. Oleh itu, seseorang pemimpin politik hari ini bukan sahaja perlu bekerja keras di kawasan tetapi juga perlu menjadi seorang 'pemimpin media sosial'.

Buat pengamal politik dengki, hentikanlah budaya perosak demokrasi ini. Dari pengamatan saya, warga Lembah Pantai cukup muak dan marah dengan budaya dengki ini.

**Fahmi Fadzil ialah Pengarah Komunikasi Keadilan.**



# Pakatan Harapan Johor dibentuk

Oleh AMNI JAGAT

**J**OHOR BAHARU: Pakatan Harapan (PH) mengukuhkan lagi kerjasama di negeri selatan Semenanjung dengan pembentukan struktur kepimpinan negeri PH Negeri Johor.

Pengerusi PH Johor disandang Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin manakala jawatan Timbalan Pengerusi dipegang Aminolhuda Hassan (AMANA), Dr Shahrudin Salleh (PPBM), Liew Chin Tong (DAP) dan Hasan Karim (Keadilan).

Jawatan Setiausaha pula disandang Datuk Osman Sapien (PPBM) manakala wakil DAP, Gan Peck Cheng dilantik Bendahari.

Timbalan Presiden AMANA Salahuddin Ayub dilantik sebagai Pengarah Pilihan Raya manakala timbalannya disandang Nassir Hashim (PPBM).

Ketua Biro Penerangan dan Mobilisasi diamanahkan kepada Suhaizan Kaiat (AMANA) dengan Sheikh Omar Ali (DAP) sebagai timbalan manakala Dr S Ramakrishnan (DAP) mengetuai portfolio



Muhyiddin meneliti senarai kepimpinan PH Johor sebelum melakukan pengumuman.

Biro Tawaran dan Dasar dengan timbalannya Dzulkefly Ahmad (AMANA).

Lain-lain jawatan ialah Pengerusi Biro Perpaduan Mohd Khuzzan Abu Bakar (Keadilan) dan timbalannya Ir Khairuddin A Rahim (AMANA), Pengerusi Biro Guaman Jimmy Pua (Keadilan) dan Pengerusi Biro Ekonomi Mazlan Bujang (PPBM) dan tim-

balannya Murugan @ Ronnie (Keadilan).

Ketika mengumumkan strukturkepimpinan PH negeri, Muhyiddin berkata lantikan itu dibuat bertujuan menggembleng tenaga untuk menghadapi Umno-BN dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang. "Kita telah merangka beberapa gerak kerja yang akan menghala

ke arah pilihan raya serta kami telah mengenal pasti beberapa kerusi yang mampu atau strategik untuk digerakkan bagi menghadapi Umno-BN.

"Mulai pada hari ini, segala gerak kerja akan dijayakan daripada pembabitan semua parti kom-

ponen PH Johor dan tidak ada lagi parti komponen yang bergerak secara sendiri dalam menghadapi apa saja isu yang berbangkit," ujar beliau.

Mesyuarat PH Johor itu telah dihadiri semua wakil parti komponen.

## PAKATAN HARAPAN JOHOR

<b>PENGERUSI</b> TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN (PPBM)	<b>TIMB KETUA BIRO PENERANGAN &amp; MOBILISASI</b> SHEIKH OMAR ALI (DAP)
<b>TIMBALAN PENERUSI</b> AMINOLHUDA HASSAN (AMANA) DR SHAHRUDDIN SALLEH (PPBM) LIEW CHIN TONG (DAP) HASSAN KARIM (Keadilan)	<b>KETUA BIRO TAWARAN DAN DASAR</b> DR. S. RAMAKRISHNAN (DAP)
<b>SETIAUSAHA</b> DATUK OSMAN SAPIAN (PPBM)	<b>TIMBALAN KETUA BIRO TAWARAN DAN DASAR</b> DZULKEFLY AHMAD (AMANA)
<b>BENDAHARI</b> GAN PECK CHENG (DAP)	<b>KETUA BIRO PERPADUAN</b> MOHD KHUZZAN ABU BAKAR (Keadilan)
<b>PENGARAH PILIHAN RAYA</b> SALAHUDDIN AYUB (AMANA)	<b>TIMBALAN KETUA BIRO PERPADUAN</b> IR KHAIRUDDIN A RAHIM (AMANA)
<b>TIMBALAN PENGARAH PILIHAN RAYA</b> IR NASSIR HASHIM (PPBM)	<b>KETUA BIRO GUAMAN</b> JIMMY PUAH (Keadilan)
<b>KETUA BIRO PENERANGAN &amp; MOBILISASI</b> SUHAIZAN KAIAT (AMANA)	<b>KETUA BIRO EKONOMI</b> MAZLAN BUJANG (PPBM)
	<b>TIMBALAN KETUA BIRO EKONOMI</b> MURUGAN @ RONNIE (Keadilan)

## Rakyat sedia pilih Pakatan Harapan

**PARIT BUNTAR:** AMANA Kawasan Parit Buntar yakin sokongan pengundi semua kaum kepada Pakatan Harapan di kawasan ini semakin meningkat.

Ketuanya, Ir. Mohamad Sofian Ahmad berkata, sokongan ini akan terus meningkat walaupun berlaku pertandingan tiga penjur.

"Kita boleh saksikan malam ini, rakyat semua kaum hadir mendengar ceramah yang dianjurkan Pakatan Harapan Parit Buntar.

"Rakyat marah kepada BN kerana mereka semakin tertekan dengan peningkatan kos hidup akibat kenaikan harga barang yang berpunca dari pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)," katanya semasa berucap di program ceramah 'Selamatkan Malaysia' di Dataran Harapan, Tanjung Piandang, dekat sini, baru-baru ini.

Lebih 1000 orang menghadiri ceramah yang disampaikan Ahli Parlimen Gelang Patah Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusof, Pengerusi PPBM Pulau Pinang Marzuki Yahaya dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Kurau Abdul Yunus

Jamhari.

Ir. Mohamad Sofian berkata, penubuhan Pakatan Harapan telah memberi harapan kepada rakyat yang menunggu sebuah gabungan parti pembangkang untuk menghadapi BN dalam PRU14.

"Pakatan Harapan bukan sahaja akan bertanding menggunakan logo dan manifesto yang sama dalam PRU14, malah jentera pilihan raya empat parti ini akan bergabung membentuk kekuatan yang padu bagi menghadapi pilihan raya," katanya.

Seorang penduduk tempatan yang ditemui, Mohd Nazeri Ahmad, 59, berharap Pakatan Harapan yang dipengerusikan Tun Mahathir Mohamad berjaya memenangi PRU14 seterusnya membentuk kerajaan baru.

"Orang kampung sangat terkesan dengan kenaikan harga hampir semua barangan keperluan sedangkan pendapatan sebagai pesawah tidak bertambah.

"Zaman Tun Mahathir jadi Perdana Menteri, harga barang naik tidak setinggi ini, pendapatan orang kampung pun boleh tumpang," katanya.



Sebahagian orang ramai yang membanjiri Dataran Harapan di Tanjung Piandang bagi mengikuti ceramah PH.

## Lima saranan AMANA bantu penoreh getah

**BATU PAHAT:** AMANA Negeri Johor menyarankan lima langkah yang perlu diambil kerajaan untuk membantu penoreh getah yang menghadapi masalah kekurangan pendapatan ekoran harga getah yang rendah dan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Naib Pengerusi AMANA Johor Dr Sulaiman Md Nor berkata, pihaknya memandangkan serius soal kebajikan penoreh getah dan menggesa tindakan diambil bagi meningkatkan pendapatan mereka.

"Tinjauan kami mendapati hasil pendapatan harian penoreh getah tidak mampu menampung kos sara hidup harian dengan harga barangan asas yang meningkat mendadak.

"Dengan keadaan harga getah di pasaran semasa, keadaan cuaca yang tidak menentu menyebabkan purata pendapatan seisi rumah bagi seorang penoreh kurang dari RM1000

sebulan.

"Hal ini bertambah runcing bagi penoreh getah yang tidak mempunyai kebun sendiri kerana hasil jualan getah perlu dibahagi dua dengan pemilik kebun getah," ujarnya.

Situasi ini, jelas beliau memaksa penoreh berhutang untuk menyara hidup sekeluarga.

Menurut Dr Sulaiman, bantuan sara hidup penoreh berdasar harga rantai getah di bawah paras RM2 diperkenalkan ketika harga barangan jauh lebih rendah dari sekarang, manakala bantuan ketika musim tengkujuh tidak banyak membantu penoreh kerana keadaan cuaca yang tidak menentu mutakhir ini.

Sehubungan itu, katanya AMANA Johor menyarankan lima langkah untuk membantu peneroka iaitu;

1. Menilai semula harga rantai bantuan sara hidup penoreh getah berdasarkan kos sara



Dr Sulaiman Md Nor

hidup semasa dan disekalikan dengan bantuan musim tengkujuh secara purata;

2. Cukai-cukai berkaitan hasil getah yang membebaskan penoreh ditangguh sehingga harga

getah mencapai paras munasabah;

3. Kerajaan lebih serius melaksana industri hiliran yang dapat memberi pendapatan tambahan kepada penoreh getah;

4. Mewujudkan industri produk-produk kampung di setiap kampung yang terdapat majoriti penoreh getah serta kerjasama yang baik dengan agensi yang berkaitan bagi memasar produk-produk mereka; dan

5. Mewujudkan sistem penyampaian yang lebih berkesan agar penoreh boleh terus memberi maklum balas yang baik bagi memastikan pelaksanaan yang betul-betul menambah hasil getah. Hubungan yang lebih erat perlu dijalin antara Lembaga Getah Malaysia dengan pengusaha dan pekebun kecil.

"Kami mengharapkan agar pihak kerajaan mengambil berat cadangan ini bagi membebaskan penoreh dan pemilik kebun getah," katanya.



# RCI boleh tentukan status 'Amanat Hadi'

**KOTA BHARU:** Suruhanjaya Diraja (RCI) mengenai Tragedi Memali yang dicadangkan beberapa pihak perlu memfokuskan siasatan kepada kesan 'Amanat Hadi' terhadap tragedi tersebut sehingga mengorbankan 14 penduduk kampung dan empat anggota polis. 'Amanat Hadi' adalah sedutan ucapan Naib Yang Dipertua Pas Ustaz Abdul Hadi Awang di Kampung Banggol Peradong, Kuala Terengganu pada 1981 yang antara lain menyifatkan perlembagaan negara sebagai 'perlembagaan penjajah' dan kerajaan BN 'mengekal undang-undang kafir' dan 'mengekal peraturan jahiliah'.

"Benarkah ini yang menyakinkan mereka dan mempengaruhi mereka untuk menentang Kerajaan BN sebagai jihad dan kalau mati, mati mereka adalah syahid," kata Naib Pengerusi AMANAH Kelantan, Che Ibrahim Mohamed.

Menurut beliau, jika 'Amanat Banggol Peradong' itu betul mengikut hukum syarak, wajar bagi seluruh umat Islam memuji dan berbangga dengan peristiwa Memali dan keluarga mangsa tidak perlu berdukacita dan menuntut apa apa pembelaan kerana mangsa telah mencapai anugerah dan makam tertinggi di sisi Allah.

"Tidak ada gunanya kita meratap hiba dan bersedih dengan apa yang berlaku di dunia

ini, sedangkan mangsa telah mendapat anugerah yang tidak ternilai di sisi Allah," katanya.

Sebaliknya ujar beliau, jika didapati amanat tersebut menyimpang daripada syariat, kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas Abdul Hadi yang kini Presiden Pas kerana kenyataan yang dibuatnya itu menyalahi hukum syarak dan membahayakan keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Walaupun peristiwa Memali sudah 32 tahun berlalu, AMANAH Kelantan katanya bersetuju RCI ditubuhkan demi keadilan kepada mangsa-mangsa dari kedua-dua belah pihak yang terlibat meskipun di segi kewajarannya sudah amat terlewat.

"Peristiwa ini hendaklah ada satu penyelesaian dan keputusan yang muktamad di segi undang-undang dan hukum syariah ke atas semua perkara yang ada kaitan dengan peristiwa ini supaya ianya tidak lagi ditimbulkan dan diungkit kembali secara bermusim bila ada kepentingan politik bagi Pas ataupun Umno," katanya.

Beliau berpendapat siasatan itu hendaklah memfokuskan kepada sama ada tindakan kerajaan dalam peristiwa tersebut menyalahi undang-undang negara.

"Atau apa yang dilakukan oleh Allahyarham Ustaz Ibrahim Libya dan pengikutnya adalah mewajarkan kerajaan mengambil tindakan sedemikian?"

"Jika didapati tindakan kerajaan pada masa itu adalah di luar batas undang-undang, kerajaan sekarang hendaklah bertanggungjawab dengan kecuaiannya tersebut dan membayar ganti rugi sewajarnya kepada semua mangsa yang terlibat; dan kerugian-kerugian lain yang difikirkan patut dan mengambil tindakan sewajarnya kepada mereka yang terlibat," katanya.

Menurut Che Ibrahim, tindakan kerajaan melalui pegawai-pegawainya yang terlibat pada masa itu tidak boleh dianggap satu perbuatan jenayah jika ianya telah bertindak dengan suci hati sebagai penjawat awam.

"Walau bagaimanapun kerajaan boleh mengambil tindakan tatatertib jika ternyata tindakannya telah dibuat secara salah atau cuai termasuk memotong pencen yang dibayar atas jawatan tersebut seperti Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, Ketua Polis Negara dan sebagainya.

"Sabitan jenayah hanya boleh dikenakan jika mereka telah bertindak di luar kehendak undang-undang atau menyalahgunakan kuasanya sebagai penjawat awam," katanya.



Amanat Hadi Awang

## AMANAH Kelantan tidak terkejut dapatan kajian

**KOTA BHARU:** Ketika banyak dapatan kajian politik jauh tersasar dari realiti, AMANAH tidak terkejut dengan dapatan kajian bahawa parti itu kurang mendapat sokongan rakyat.

"Semua pihak bebas membuat kajian dan memaklumkan hasil kajian masing-masing, tetapi mereka tidak boleh memaksa pihak lain menerima kajian tersebut sebagai sesuatu yang tidak boleh dipertikaikan," kata Naib Pengerusi AMANAH Kelantan, Che Ibrahim Mohamed.

Dunia katanya baru saja dikejutkan dengan dapatan kajian yang salah untuk pilihan raya

di Indonesia dan Amerika Syarikat.

"Kemenangan Donald Trump di Amerika berlawanan dengan dapatan pengkaji kelas dunia manakala pemilihan gabenor Jakarta antara Anies dan Ahok yang berpihak kepada Anies, walaupun dapatan kajian mengatakan Ahok jauh mendahului Anies," katanya.

Sebagai sebuah parti yang baru katanya, AMANAH tidak dapat mengelak dari berbagai kritikan dan pandangan yang berbentuk pro dan kontra.

"Lebih-lebih lagi kita berada dalam sistem demokrasi yang terikat dengan tradisi dan

amalan politik sempit.

"Parti-parti lama sememangnya sukar menerima kewujudan parti baru yang dikira boleh menyaingi dan mencabar persaingan mereka untuk mendapat sokongan masyarakat," katanya.

Menurutnya, seringkali kajian yang dibuat dipengaruhi oleh sentimen tertentu dan dapatan yang diumumkan sengaja dimanipulasikan untuk menyenangkan hati sebelah pihak.

"Atau ada tujuan lain di sebaliknya seperti melobi untuk pembahagian kerusi dan penentuan calon," katanya.

Keyakinan AMANAH katanya, setiap parti yang bergabung dalam Pakatan Harapan (PH) ada kekuatan dan kelebihan masing-masing.

"Kekuatan dan kelebihan setiap parti ini, jika gagal diadunkan dengan baik atau disalahgunakan akan membawa padah kepada PH.

"Sebaliknya jika kekuatan dan kelebihan yang dimiliki oleh setiap parti dalam PH dimanfaatkan dengan sepenuhnya, iannya boleh menutup kelemahan dan kekurangan yang ada dalam setiap parti yang bergabung," katanya.

## Golongan daif terus dapat perhatian Pemuda AMANAH

**PENGKALAN CHEPA:** Pemuda AMANAH Kelantan akan terus mengembangkan konsep peduli yang menjadi salah satu teras utama pergerakan parti itu bagi mendekati rakyat.

Ketuanya, Zulhasmi Hassan berkata konsep peduli ini membezakan AMANAH dengan parti-parti lain khususnya Umno dan BN.

"Saudara kita yang memerlukan adalah sahabat paling rapat di hati kita," katanya di majlis penyampaian kerusi roda kepada pesakit lumpuh di Kampung Tapang yang terletak di kawasan Dun Panchor, dekat sini, baru-baru ini.

Penerima kerusi roda, Mohd Faizal Sulaiman mengalami sakit tulang belakang akibat jatuh pokok hingga menyebabkan beliau lumpuh sejak 10 tahun dulu.

Menurut Hazmi, pihaknya mengalu-alukan

sumbangan orang ramai untuk mengisi Tabung Peduli yang dikendalikan Pemuda AMANAH Kelantan.

"Tabung ini kita akan gunakan untuk pelbagai projek kebajikan yang kita jalankan terus menerus.

"Selain sumbangan terus untuk asnaf, kita juga membantu penduduk yang ditimpa bencana," katanya.

Selain itu, jelas beliau Pemuda AMANAH terlibat dengan projek penyelesaian masalah di kawasan terpilih.

"Di Rantau Panjang misalnya Pemuda AMANAH turut bersama AMANAH kawasan menyiapkan longkang bagi menyelesaikan masalah air bertakung di beberapa kampung," katanya.



Zulhasmi membantu Mohd Faizal menaiki kerusi roda sumbangan Pemuda AMANAH.



# AWAN Nasional bela nasib rakyat pedalaman

**B**ATU SAPI: Angkatan Wanita AMANAH (AWAN) Nasional prihatin dan bersimpati dengan nasib rakyat Sabah di kawasan pedalaman yang masih ketinggalan daripada arus pembangunan.

Naib Ketua AWAN Nasional Norhayati Bachok berkata, selepas lebih lima dekad merdeka melalui persekutuan Malaysia, taraf hidup dan nasib rakyat pedalaman Sabah sepatutnya sudah terbela.

Beliau bersama lima pemimpin AWAN Nasional berkesempatan menziarahi beberapa kampung di sekitar Parlimen Batu Sapi iaitu Kampung Gas, Bukit Nenas dan Kampung Tabah Baru.

Berucap dalam majlis ceramah kelompok di Kampung Gas, Norhayati melahir-

kan rasa terkejut dengan kedaifan hidup penduduk.

"Kami terkejut melihat kedaifan rakyat negeri Sabah serta pembangunan kawasan-kawasan yang tidak sekata di Sabah. Tidak seharusnya negeri yang kaya dengan sumber tetapi rakyat menderita seperti ini. Rakyat Sabah berhak mendapat lebih daripada apa yang mereka dapat pada hari ini," katanya.

Meninjau perkampungan di atas air di Kampung Gas dan Kampung Tabah Baru, Norhayati turut melahirkan kerisauan terhadap keadaan tiang-tiang rumah serta jambatan yang menghubungkan rumah-rumah di perkampungan itu.

"Sepatutnya perumahan kampung air

perlu penstrukturan semula dan dipertingkatkan kualitasnya. Kampung air seperti Kampung Gas ini boleh menjadi salah satu tarikan malah ianya juga boleh menjadi satu identiti yang unik di Sabah. Kita lihat di Brunei bagaimana mereka menjaga identiti rumah kampung air dan rumah-rumah tersebut dibina dengan baik sekali.

"Jambatan yang semakin usang ini tidak selamat untuk kegunaan orang kampung. Kita risau kalau anak-anak berlari, tiba-tiba sahaja jambatan ini roboh. Saya dengar sudah ada dua tiga kes rumah di atas air ini roboh akibat tiang yang tidak berkualiti dan pembinaan yang tidak cekap.

"Kerajaan sepatutnya lebih prihatin akan

isu ini kerana rumah adalah hak rakyat dan tempat bermulanya sebuah keluarga yang akan membina masyarakat serta negara yang baik," katanya.

Selain ziarah ke kampung-kampung, kuliah Dhuha bertajuk "Keluarga bahagia hingga syurga Allah" untuk kaum wanita turut diadakan di Pusat Pengajian Siti Khadijah.

Kuliah disampaikan Naib Ketua AWAN Nasional Anfaal Saari yang juga pengarang buku "Bahagia Bukan Gembira".

AWAN Nasional juga turut menyalurkan sumbangan berupa barangan dapur kepada 30 keluarga asnaf di sekitar Parlimen Batu Sapi.



Mengunjungi perkampungan air di sekitar Batu Sapi.



Berucap dalam majlis ceramah kelompok yang turut dihadiri Pengerusi AMANAH Sabah Hamzah Abdullah.

## Buat pusingan-U untuk pastikan BN kalah

**KOTA BHARU:** Angkatan Muda Keadilan (AMK) Kelantan menyifatkan usaha Keadilan untuk membuka pintu rundingan dengan Pas adalah bagi membela rakyat dan menumbangkan kleptokrasi Najib BN.

"Kami menyeru pemimpin-pemimpin tertinggi Pakatan Harapan (PH) dan Pas meredakan tohmahan sesama sendiri berhubung langkah ini," kata ketuaanya, Mohd. Hafidz Rizal dalam satu kenyataan yang ditularkan di media sosial, baru-baru ini.

Beliau menegaskan langkah itu

selaras dengan usaha 'memperkasakan' PH sekaligus merealisasikan agenda reformasi yang dicetuskan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim merangkap Ketua Umum PH dalam fokus menumbangkan Umno dan BN.

AMK Kelantan katanya menghormati dan akur dengan arahan yang disampaikan oleh pengerusi MPN Ab. Aziz Kadir dari presiden dan Biro Politik Keadilan pusat yang bersidang pada 15 Ogos lalu yang mengarahkan semua lantikan politik Kelantan kekal bagi melaksanakan tugas dalam

semata-mata untuk berbakti kepada rakyat.

"Ini sekaligus menafikan dakwaan (kami) hanya menerima elauan atau kata-kata popular sekarang 'dedak'," katanya.

Beliau membangkitkan semula sejarah selama 18 tahun berlakunya pertembungan politik yang hebat dan tajam antara Tun Dr. Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Sehingga meringkuknya Anwar Ibrahim di Sungai Buluh selama 8 tahun dan hari ini kita semua dapat melihat rapatnya dua

negarawan ini mengeneipkan sengketa lama.

"Kini mereka sanggup bersatu padu di dalam PH untuk menumbangkan Najib, kleptokrasi Umno BN," katanya.

Dengan merujuk kajian Institut Darul Ehsan (IDE), sebuah badan penyelidikan dibiayai kerajaan Selangor, menurut Hafidz BN akan menang apabila berlaku pertembungan tiga penjurur pada PRU akan datang.

"Akhirnya bertambahlah kesengsaraan rakyat Malaysia di bawah kleptokrasi Najib.

"Inilah asas kami dari Keadilan cuba membuka rundingan bersama Parti Pas untuk memertabatkan Islam dan Melayu di negeri-negeri pantai timur bagi merealisasikan pertembungan 1 lawan 1, akhirnya kemenangan berpihak kepada barisan pembangkang iaitu Pakatan Harapan dan Pas," katanya.

Hafidz bagaimanapun tidak mengulas hasrat Pas untuk menjadi 'king maker' iaitu kemungkinan membentuk kerajaan sama ada dengan PH ataupun BN selepas PRU akan datang.

## Caj sewa dan utiliti MPS bebankan penghuni PPR

**SANDAKAN:** Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) digesa berhenti menindas penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Harmoni dengan memaksa mereka menandatangani surat perjanjian sewa rumah dan caj utiliti yang membebankan.

Ketua AMANAH Batu Sapi Hamzah Abdullah berkata, pihaknya telah menerima banyak aduan daripada penghuni rumah PPR yang mengeluh dengan kadar sewa baru dan utiliti dikenakan MPS.

Sehubungan itu, beliau menggesa Presiden MPS Datuk James Wong menyemak bayaran yang dikenakan kepada penghuni yang rata-ratanya berpendapatan rendah.

"Untuk menduduki rumah PPR tersebut, mereka perlu membayar sewa RM250 campur bil air yang tinggi, caj pembersihan dan bayaran yang lain sehingga lebih RM1000. Bayaran ini perlu dibuat pada 1 September 2016 sedangkan mereka hanya dapat kunci rumah pada 27 Oktober 2016," ujarnya.

Menurut Hamzah, bayaran RM50 setiap bulan bagi setiap unit PPR yang dikenakan MPS untuk kos pembersihan hanya membebankan para penyewa sedangkan kawasan sekeliling rumah PPR tetap kotor dan tidak terurus.

Jelas Hamzah, terdapat juga penduduk yang terpaksa membayar bil air yang tinggi kepada MPS dan diugut dengan kata-kata kasar bahawa rumah mereka akan

diambil sekiranya tidak mahu menandatangani surat 'Aku Janji' bayaran sewa dan utiliti.

"Bil air sepatutnya bayar terus kepada Jabatan Air, namun MPS seolah-olah membuat perniagaan dan memaksa penduduk membayar kepada mereka. Terdapat kes bil air mencecah RM126 walhal kadar penggunaannya mungkin sekitar RM20 sahaja sebulan.

"Mereka juga turut diugut oleh MPS akan dirampas semula rumah sekiranya enggan menandatangani 'Aku Janji' dan membayar bayaran utiliti dan sewa rumah," katanya.



# Berani cipta sejarah wanita

**K**UALA LUMPUR: AWAN Nasional disarankan supaya berani mencipta kelainan dalam perjuangannya bagi menghadapi pelbagai cabaran semasa termasuk isu-isu wanita yang semakin rencam.

Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub berkata, keyakinan dan keberanian yang dipikul oleh sayap wanita AMANAH sejak penubuhan parti Islam itu semakin membuahkan hasil sehingga ke peringkat antara-bangsa.

"Melihat kepada kehadiran AWAN pada pagi ini seperti yang dinyatakan oleh Setiausaha AWAN, bilangan kita semakin membuktikan bahawa kita kelihatan dan kita telah berjaya berdiri bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain.

"Pastinya kewujudan kita (AWAN) memberi makna yang besar khususnya kepada perjuangan wanita di dalam tanah air kita mahupun menempatkan peranan kita di peringkat antarabangsa," katanya.

Salahuddin berkata demikian



Salahuddin berucap merasmikan Konvensyen AWAN Nasional di Seri Kembangan.

semasa berucap merasmikan Konvensyen AWAN Nasional kali kedua, di Seri Kembangan, 19 Ogos lalu.

Beliau menambah, pencapaian AWAN pada hari ini juga menjadi saksi dan bukti bahawa kewujudan sayap wanita AMANAH semakin berkembang serta subur.

"Kita meletakkan baja yang terbaik untuk pohon AWAN ini

tumbuh," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa AWAN supaya berani menongkah arus untuk melahirkan set pemikiran baharu yang inovatif, kreatif dan mewarnai perjuangan wanita.

Tambahnya lagi, AWAN mesti sentiasa memperhatikan perkembangan isu-isu semasa berkaitan perjuangan wanita untuk

dicontohi dan diambil iktibar.

"Lihatlah perkembangan wanita yang berlaku di sekeliling kita. Di samping cabaran-cabaran besar yang disebut Ketua AWAN tadi, kita berjaya menongkah arus.

"Kita berjaya untuk melakukan dan mewarnai perjuangan wanita walaupun hari ini suara ini mungkin sumbang tetapi satu hari esok orang akan menyatakan memang wanita AMANAH berani mencipta sejarah dan kita adalah wanita-wanita yang memang mampu mendepani cabaran arus perdana negara kita," katanya.

Memetik perkembangan politik di Singapura, Salahuddin berkata, dunia akan menyaksikan negara republik itu bakal memiliki seorang wanita Melayu-Islam sebagai presiden.

Ujarnya lagi, pencapaian Halimah Yacob dibuat bukan berasaskan kepada merit bangsa atau agama, sebaliknya kelayakan serta pengalaman luas yang diperoleh sepanjang kariernya.

Pencapaian itu juga, kata Salahuddin akan menjadi pemangkin semangat kepada lebih ramai wanita untuk bangkit mencipta

kejayaan.

"Setelah lima dekad berlalu, kemunculan Halimah Yacob bukan meritnya sebagai Melayu atau diberikan peluang kerana dia wanita tetapi saya melihat lebih daripada itu.

"Singapura menghargai dan mengangkat karamah wanita Singapura yang pertama kerana dia berkebolehan, wanita yang telah melalui proses dalam dunia politik, mempunyai kehebatan.

"Ini juga membuktikan dimana sahaja dia berada bukan sahaja cemerlang oleh Melayu Singapura tetapi diyakini oleh rakyat Singapura berbilang kaum," katanya.

Menginsafi hal ini, Salahuddin turut mengumumkan AMANAH akan menubuhkan institusi keamanan sebagai model pentadbiran parti Islam itu jika diberi peluang memerintah negara.

"Dalam langkah ini, saya juga meminta wanita menjadi pemangkin atau 'the guardian of trust' (penjaga kepercayaan)," ujarnya.

## Jangan apologetik tuntutan hak - Dr. Mariah

**AKTIVIS AWAN** diminta meneruskan perjuangan mengangkat martabat wanita tanpa rasa apologetik kerana ia selaras dengan kehendak Islam.

Ketua AWAN Nasional Dr. Siti Mariah Mahmud berkata ramai yang bimbang untuk memberi komitmen terhadap perkara ini kerana takut dituduh bersekongkol dengan kumpulan yang memperjuangkan feminisme dan liberalisme yang akhirnya menuntut hak yang sama taraf antara lelaki dan perempuan.

"Saya sendiri sudah sedia maklum di-label sedemikian rupa.

"Sebelum ini dalam beberapa siri perbincangan di Dewan Rakyat, apabila saya bangkit dan menyatakan pandangan berbeza dalam membela golongan wanita.

"Dengan mudah saya menerima kecaman dan pelbagai label yang negatif," katanya ketika menyampaikan ucap-tama Konvensyen AWAN Nasional di Crystal Ballroom, Teh Mines, Seri Kembangan, 19 Ogos lalu.

Nabi Muhammad s.a.w. sendiri katanya, adalah reformis masyarakat dan feminis ulung yang membawa pembaharuan yang dunia tidak pernah kenali sebelum baginda.

"Kita selalu mendengar bahawa Islam telah memberi status yang amat tinggi kepada wanita. Ini semua berlaku jauh sebelum wanita di Barat menikmatinya," katanya,

Wanita Islam menurutnya lebih jauh ke hadapan di segi pengiktirafan agama.

"Ada yang persoalkan apa perlunya wanita Islam memperjuangkan hak seolah-olah mereka tiada hak di dalam

Islam.

"Memang benar hak telah diberikan oleh agama tetapi yang kita menuntut ialah perlaksanaannya dan jika ada pertikaian adalah sebahagian daripada pemahaman dan pentafsirannya," katanya.

Beliau turut menyentuh gerakan AWAN yang tidak harus terperangkap dalam bentuk retorik dan dogmatik.

"Menjadi satu tuntutan untuk kita jelmaan usaha ini dalam bentuk yang lebih realistik dan 'tangible'.

"Kita jangan lupa adanya golongan wanita bukan Islam turut menganggotai AWAN.

"Sudah berapa banyak program berbentuk perkongsian idea dan kefahaman silang budaya yang sudah kita adakan bagi saling memahami sentimen golongan wanita bukan Islam telah kita laksanakan," soalnya.

Menyentuh isu pembelaan golongan wanita terpinggir dan terjebak dengan maksiat, beliau berkata semua perlu jelas bahawa AWAN tiada kompromi dengan gejala ini.

"Sikap kita dalam hal ini adalah tidak harus kita membenci mereka kerana mereka adalah sasaran dakwah kita.

"Kerana kasih sayang dan empati kita kepada mereka serta menjadi tanggungjawab para da'i, masyarakat dan kerajaan mestiberusaha membawa mereka kembali ke pangkal jalan," katanya.

Konvensyen turut dihadiri pemimpin wanita parti-parti Pakatan Harapan dan NGO wanita.

Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub merasmikan konvensyen itu.



Dr. Mariah menyampaikan ucap-tama di majlis perasmian Konvensyen AWAN Nasional.

## Tapis karya tidak bermoral

**AWAN** Perak mengusulkan supaya Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) mengkaji kualiti drama dan filem Melayu yang tiada ciri-ciri kebaikan kepada penonton.

Sayap itu membidas sikap pembikin karya yang lebih mementingkan keuntungan berbanding menekankan aspek pendidikan, sosial dan agama khususnya kepada penonton dari golongan belia.

"Masyarakat seolah-olah dididik dengan sikap-sikap negatif melalui watak derhaka

seorang anak kepada ibu bapa serta derhaka isteri kepada suami," usul itu dipetik.

Sehubungan itu, AWAN Perak turut menggesa Lembaga Penapisan Filem (LPF) mengambil empat tanggung jawab penting.

Antaranya menyediakan garis panduan kepada pembikin drama dan filem membuat babak-babak yang bersikap melampau dan mengelakkan adegan di dalam bilik tidur.



# Inisiatif ekonomi bantu promosi parti



Salahuddin diiringi Dr Mariah dan Mai Suharah melancarkan D'AWAN Shoppe.

**PRODUK** Biro Ekonomi AWAN Nasional, D'AWAN Shoppe turut dilancar dan dirasmikan oleh Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub sempena konvensyen itu.

Pengerusi Biro Ekonomi, Mai Suharah Basaruddin ketika ditemui berkata, inisiatif tersebut merupakan penjenamaan kepada projek ekonomi yang telah diusahakan sejak awal penubuhan AWAN.

Beliau berkata, idea untuk mewujudkan D'AWAN Shoppe itu teretus hasil perbincangan agenda ekonomi dalam Retreat AWAN Nasional 2015.

"Hasrat kami adalah untuk menjadikan D'AWAN Shoppe sebagai pusat sehenti (one stop centre) kepada produk-produk AMANAH.

"Selain itu, kami juga mahu mengumpul produk-produk dari pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dari AWAN peringkat negeri dan kawasan," katanya.

Bendahari AWAN itu turut menyatakan harapan supaya projek ini bukan sahaja dapat membantu perkembangan ekonomi AWAN setiap peringkat, malah memudahkan penggerak parti



Islam itu mencari cenderahati untuk tujuan promosi.

Sehubungan itu, beliau berharap agar semua ahli boleh memberi sokongan padu dan berterusan untuk memastikan produk ini dapat berkembang lebih maju nanti.

"D'AWAN Shoppe juga berusaha sebaik mungkin mengekalkan harga yang rendah bagi meringankan beban kos yang ditanggung oleh jentera AWAN dan AMANAH di semua peringkat," katanya.

## Teroka politik baharu wanita

**PENGERAK** AWAN di setiap peringkat disaran supaya mengukuhkan konsolidasi dengan pelbagai pihak untuk menoreka corak politik baharu yang segar dan progresif bagi mengangkat martabat wanita dalam negara ini.

Ketua AWAN, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, langkah demikian juga penting bagi meraih sokongan golongan wanita untuk menyertai perjuangan AMANAH dan Pakatan Harapan menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

"Konsolidasi ini boleh dicapai melalui persefahaman dalam membentuk kerjasama bukan sahaja dalam kalangan AWAN tetapi dikembangkan kepada sayap wanita dari parti komponen Pakatan Harapan, NGO-NGO dan tokoh-tokoh wanita.

"Langkah ini penting bagi menggarap idea baharu dan saranan terbaik dalam mengangkat martabat perjuangan wanita dalam negara," katanya.

Beliau turut mengingatkan agar AWAN memanfaatkan anggota dari kalangan bukan Islam untuk memahami budaya lain dengan lebih mendalam.

"Setakat ini berapa banyak program berbentuk perkongsian idea dan kefahaman silang budaya yang sudah kita adakan bagi saling memahami sentimen golongan

wanita bukan Islam dalam negara ini?

"Apakah kehendak dan keperluan yang mereka harapkan selama ini? Nampaknya banyak lagi ruang yang perlu kita baiki selepas ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan bertema 'AWAN Denyut Nadi AMANAH' sempena Konvensyen AWAN Nasional kali kedua, di Seri Kembangan, 19 Ogos lalu.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Raja berkata, walaupun golongan wanita menduduki tempat yang penting dalam pembangunan negara, malangnya, masih banyak hal ehwal mereka belum mendapat perhatian sepenuhnya.

"Masih banyak golongan wanita yang menghadapi pelbagai masalah di luar sana yang belum kita santuni sepenuhnya.

"Keterbatasan ini perlu kita akui dengan jujur dan segera mencari jalan penyelesaian," katanya.

Dalam pada itu, beliau juga menasihatkan para penggerak supaya tidak mudah putus semangat atau bimbang dilabel pelbagai cemuhan dan gelaran negatif kerana membawa perjuangan mempertahankan hak-hak wanita.

Memanfaatkan pengalamannya melindungi hak-hak wanita di dalam Dewan Rakyat, Dr Siti Mariah menggesa peng-



Antara dif jemputan yang hadir pada majlis perasmian Konvensyen AWAN Nasional.

gerak menyedari tanggungjawab demikian adalah mengikut ajaran agama Islam yang sebenar.

"Dalam beberapa siri perbahasan di Dewan Rakyat, apabila saya bangkit dan menyatakan pandangan yang berbeza dalam membela golongan wanita, dengan mudah saya menerima kecaman dan pelbagai label yang negatif. Alhamdulillah tidak berkudis

sedikit pun kecaman-kecaman ini kepada saya.

"Kita perlu sedar AWAN berjuang atas nafas perjuangan Islam yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. dan syariat Islam. Bagindalah yang membawa pembaharuan dalam dunia yang tidak pernah dikenali sebelum itu," katanya.

## Tangani masalah disiplin pelajar

**DUA** usul dari AWAN Perak dan AWAN Kedah diterima untuk dibahaskan pada Konvensyen AWAN Nasional yang berlangsung di Seri Kembangan, 19 Ogos lalu.

Antara usul tersebut adalah desakan supaya masalah disiplin di kalangan pelajar segera ditangani.

Usul dari AWAN Kedah itu menggesa supaya kepimpinan AWAN Nasional segera mengadakan 'engagement' dengan pihak berkepentingan untuk membincangkan masalah tersebut.

Antara pihak berkepentingan adalah Kementerian Pendidikan (bahagian silibus), Majlis Dakwah Negara dan Agama Islam, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan NGO-

NGO berkaitan.

AWAN Kedah mencadangkan supaya pendidikan agama Islam dijadikan subjek wajib UPSR dan diberi nilai komersial untuk kemasukan ke sekolah berasrama penuh.

Dalam pada itu, usul tersebut turut memberikan perhatian kepada beban tugas guru yang semakin bertambah.

"Tugas mendidik telah menjadi 'less priority' tetapi lebih menekankan kepada kerja-kerja dokumentasi, perkeranian dan pengauditan.

"Tugas mengajar dan mendidik (membentuk akhlak) hanya mengambil 30 peratus daripada tugas hakiki mereka," menurut usul itu.



Antara perwakilan AWAN negeri yang tekun mengikuti konvensyen.



# Konvensyen terakhir sebelum pilihan raya umum

Mukadimah,

**KONVENSYEN AMANAH** Nasional akan berlangsung pertengahan September ini bertempat di Alor Setar, Kedah. Perhimpunan tahunan AMANAH Nasional kali kedua ini bakal mengumpul aktivis parti dari seluruh negara. Dianggap sebagai konvensyen terakhir sebelum pilihan raya umum (PRU), pastinya ia akan menarik minat pemerhati dan pengkaji politik apatah lagi landskap politik negara kini di-hambat ketidakpastian ekoran peristiwa-peristiwa getir yang memberi impak besar terhadap kestabilan politik dan ekonomi negara. Wartawan mingguan Amanah HAZAYANI ZAKARIA menemuramah Setiausaha Agung AMANAH MOHD ANUAR TAHIR bagi mengetahui lebih mendalam persiapan konvensyen tersebut.

**Boleh tuan haji ceritakan tentang Konvensyen AMANAH Nasional yang akan berlangsung pada 15 hingga 17 September ini?**

Keperluan konvensyen yang kedua ini kedudukannya yang sangat strategik sebab itu saya jangka ramai perwakilan yang akan hadir, saya berharap lebih ramai daripada tahun lalu. Pada tahun ini saya harap semua kawasan dapat hadir.

Konvensyen ini konvensyen terakhir sebelum pilihan raya. Adakah pilihan raya akan berjalan pada hujung tahun ini atau awal tahun depan maka konvensyen ini akan menuju pilihan raya dan saya percaya konvensyen ini adalah tempat untuk kita memberikan arahan kepada seluruh jentera parti.

Kehadiran aktivis parti akan membolehkan mereka mendapatkan arahan dan maklumat. Apatah lagi konvensyen kali ini sesudah adanya Pakatan Harapan secara rasmi yang mempunyai struktur yang jelas, kehadirannya sebagai satu pasukan malah dimajukan untuk daftar ke ROS



(Pejabat Pendaftar Pertubuhan) dan diluluskan sebagai parti-parti politik yang menggabungkan empat parti. Itu tidak berlaku masa konvensyen kita tahun lepas.

Di peringkat negeri-negeri pun sudah rancak perbincangan pembahagian kerusi dan nanti kita turun sebagai satu pasukan dan ini juga saya rasa antara faktor-faktor yang mendorong ahli hadir beramai-ramai ke konvensyen. Seramai lima perwakilan setiap negeri, lima setiap kawasan dan 20 setiap sayap. Pengarah Konvensyen ialah Azhar Mat Dali.

Pemilihan negeri Kedah kerana kita yakin dengan kekuatan AMANAH di Kedah dan sebagai tanda kita bersedia mengambil alih pemerintahan Kedah selepas PRU14 (pilihan raya umum ke-14). Kita akan fokus kepada menghadapi PRU14 dan selepas dua tahun kita tidak boleh lagi memanggil parti kita sebagai baru lagi. Kita kena mantapkan

organisasi kita.

Saya berharap kita dapat menyampaikan banyak berita gembira, boleh jadi berita kejutan, mungkin kita akan buat beberapa pengisytiharan.

**Apa perbezaan mengadakan konvensyen selepas Pakatan Harapan ditubuhkan secara rasmi?**

Semangatnya lain, tak macam dulu. Kita tengok apabila struktur Pakatan Harapan itu diumumkan dan kita mula aktif semula selepas kita 'slow down' sekejap. Kita mula balik buat ceramah-ceramah, sambutanannya berlipat kali ganda. Contohnya sambutan hari raya baru-baru ini, memang tak cukup makanan dan program-program sekarang seluruh pemimpin Pakatan Harapan turun.

Sebab itulah kita buat keputusan untuk adakan kenduri rakyat, satu persembahan dari-

pada parti AMANAH, untuk kemeriahan untuk menunjukkan 'The Big Four' yang bergabung dalam satu pakatan ini sebab kita sambut Hari Malaysia sekali. Semua pimpinan akan bermalam di sana dan esok paginya menghadiri majlis perasmian.

Pimpinan Pakatan Harapan yang akan hadir pada majlis 15 haribulan itu ialah Pengerusi PPBM Tun Dr Mahathir, Presiden Keadilan Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan lain-lain. Keesokan harinya ada majlis perasmian konvensyen. Pejabat Tun Mahathir telah menghantar surat memaklumkan Tun akan hadir, begitu juga Datuk Seri Wan Azizah sebagai tetamu utama. Perpaduan itu dapat digambarkan dalam kalangan kita.

Kenduri rakyat terbuka kepada semua dan setiap parti sudah menguar-uarkan program ini kepada rakyat di kawasan masing-masing. Program bermula dari jam 3.00 petang sampai ke malam. Kita akan buat empat stesyen besar, masak di situ untuk rakyat.

**Bagaimana dengan persiapan konvensyen?**

Dari segi undang-undang (pertubuhan), notis semua sudah berjalan kemudian pendaftaran penyertaan sudah pun dibuka. Lain daripada itu, kita sedang menyiapkan laporan dan penyata kewangan untuk disahkan. Saya menunggu bahan-bahan sepenuhnya laporan penyata kewangan dan penyata tahunan.

Kita dijangka membuka lebih 300 gerai keliling hotel untuk menjual pelbagai produk. Sudah pun diiklankan dan sudah ramai orang mohon untuk menyewa gerai untuk menjual produk masing-masing. Persiapan itu dari segi tempat pun kita pun sudah pergi tengok. Saya akan turun sekali lagi untuk berjumpa dengan jawatankuasa pelaksana di sana.

Kita juga akan mengedarkan buku perlembagaan parti yang ditunggu-tunggu ramai pihak.

## RCI forum terbaik hurai kekeliruan tragedi Memali

**DESAKAN** pelbagai pihak untuk penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ke atas Peristiwa Memali termasuk oleh pemimpin Pas telah disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Saya menyambut baik siasatan umum sebegini sebagai satu tindakan positif dalam memperkasakan amalan demokrasi dan menegakkan keluhuran undang-undang dan ianya perlulah diperluaskan kepada semua isu lain yang mempunyai kepentingan umum seperti skandal 1MDB dan Felda.

Dengan penubuhan RCI, sudah pasti segala punca dan fakta sebenar peristiwa hitam tersebut yang menyaksikan kehilangan 14 nyawa orang awam dan 4 nyawa pihak berkuasa dapat diuraikan dengan adil dan bebas bagi merungkai

kekeliruan rakyat berhubung peristiwa hitam ini. Tuduh menuduh dan saling salah menyalahkan pihak tertentu akan mengeruhkan lagi salah faham berkenaan isu ini.

Dakwaan bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor kononnya punca peristiwa berdarah ini adalah disebabkan oleh 'Amanat Hadi' seperti mana yang diumumkan dalam Kertas Putih Peristiwa Memali perlu dipertimbangkan secara adil oleh RCI ini.

Di samping itu, tindakan pihak polis yang dikatakan bertindak melangkaui batas undang-undang juga memerlukan penyiasatan dan penelitian lanjut agar pihak polis diberikan panduan yang lebih adil dan profesional dalam bertindak menangani situasi tegang seumpama itu supaya hak asasi rakyat tidak dilanggar sewenang-

wangnya.

Atas premis ini, adalah lebih baik semua pihak menyerahkan sepenuhnya kepada RCI menyiasat peristiwa ini secara adil, bebas dan menyeluruh. Saya juga bersedia memberikan keterangan kepada RCI jika dipanggil kerana ia adalah forum terbaik menghuraikan kekeliruan rakyat berkenaan isu ini.

Penubuhan RCI akan menamatkan polemik isu ini supaya pihak kerajaan lebih telus dan bertanggungjawab dalam menangani isu ini dan bukan menjadikan senjata politik terhadap musuh-musuh politik menjelang pilihan raya umum (PRU) ke-14 ini. Bagi memastikan ketelusan prosiding RCI ini, saya menyeru semua pihak tidak lagi membahaskan isu ini supaya elemen subjudis tidak berbangkit.

AMANAH menegaskan supaya kewujudan



**PENDAPAT**  
**SALAHUDDIN AYUB**

RCI ini tidak digunakan sebagai senjata untuk menasarkkan pemimpin pembangkang bagi memenuhi hasrat politik pihak tertentu.

■ **Salahuddin Ayub ialah Timbalan Presiden Parti Amanah Negara.**



# Peralat tragedi Memali untuk bela kleptokrat

**K**EKACAUAN di Wisma Belia kononnya berlaku atas sebab Tun Mahathir Mohamad (Tun M) gagal menjawab soalan berhubung isu Memali dengan memuaskan. Harap perasan, saya sebut 'kononnya'.

Semua tahu mereka yang terlibat (dengan kekacauan itu) sememangnya datang dengan niat untuk menimbuhkan kekacauan. Itu sebabnya mereka membawa suar atau 'flare' dan telah datang secara berkumpulan. Di dalam dewan juga mereka duduk kesemuanya bersama, terasing dari yang lain dengan baju yang mempunyai corak tersendiri.

Amat malang apabila kita melihat budaya politik sebegini sedang disuburkan kerajaan Umno/BN dan seolah-olah dipertahankan pula oleh sebuah 'parti Islam'.

## ISU MEMALINGIN DIPERALATKAN

Lebih malang lagi apabila tragedi Memali ingin digunakan sebagai alasan untuk menolak usaha perubahan yang dibawa Pakatan Harapan (PH). Kononnya Tun M secara peribadi dan seorang diri bersalah dalam tragedi itu dan atas sebab itu dia perlu ditolak. Dan dengan menolak Tun M, maka semestinya ditolak bersama PH kerana beliau Pengerusi PH.

Sedangkan semua yang berkuasa dewasa ini telah bersama Tun M pada ketika itu. Adakah mereka pernah bersuara selama ini mengenai peristiwa Memali? Adakah mereka menuntut pembelaan terhadap yang teraniaya? Atau sekadar menimbulkannya apabila Tun M mula menentang kepimpinan mereka?

Memali ingin diperalatkan untuk mempertahankan kedudukan Najib dan penyelewengan 1MDB.

## LAUT BUDI TEPIAN AKAL

KHALID SAMAD

Amat sedih melihat ada pula yang bersekongkol dan redha dengan politik kotor dan hina sebegini. Jangan peralatkan Memali untuk pertahankan kerajaan kleptokrat! Jangan dicemar nama harum syuhada Memali dengan melakukan perkara sehina itu!

Saya sendiri ditahan ISA melalui 'Ops Lalang' beberapa bulan selepas peristiwa hitam tersebut. Ceramah-ceramah saya sebelum itu diganggu polis setiap kali Memali disebut. Namun saya tidak redha pengorbanan saya, demi membela nasib mangsa Memali, diperalatkan untuk mempertahankan Najib dan 1MDB.

## PEMBELAAN TERHADAP MANGSA MEMALI

Dan sememangnya mangsa Memali perlu dibela. Nama-nama mereka perlu dibersihkan supaya tidak lagi dilihat sebagai 'pengganas' atau 'pemberontak'. Sudah terlalu lama keadilan dinafikan terhadap diri mereka dan keluarga mereka. Pampasan terhadap mereka yang teraniaya perlu dibayar. Yang salah perlu diperbetulkan dan yang zalim perlu dihentikan. Terlalu lama nama Kampung Memali itu sendiri dipandang serong serta hina.

Dan walaupun ramai ingin secara mudah mempersalahkan Tun M sahaja, hakikatnya ianya perlu disiasat dan dihakimi oleh institusi kerajaan yang bebas dan telus. Baharu boleh dikatakan keadilan telah ditegakkan. Bukan sebagai polemik yang tiada



penghujungnya.

Yang mampu memuktamadkan isu ini semestinya sebuah kerajaan yang adil lagi saksama. Di mana mahkamah dan polis berdiri tegak bebas dan tidak dikongkong mahupun diperalatkan oleh pemerintah. Sudah pasti bukan kerajaan yang dikuasai manusia yang rakus tanpa belas kasihan, kleptokrat yang merompak dari khazanah negara.

Berapa juta telah dirompak untuk dibeli intan berlian merah jambu dan sebagainya? Sedangkan duit itu lebih berhak boleh dimanfaatkan untuk membantu keluarga Memali yang teraniaya! Mereka hanya memerlukan secebis dari berbilion-bilion yang telah dirompak. Adakah mereka perolehi walaupun sesen darinya? Maka janganlah pembela Najib dan 1MDB ingin bersuara, kononnya ingin menimbulkan persoalan pembelaan terhadap mangsa Memali. Adakah mereka memikirkannya selama ini?

Ianya hanya difikirkan sebagai senjata untuk menentang Tun M dan PH. Tidak sebelum itu dan saya yakin tidak juga selepasnya.

## REFORMASI SISTEM

Itulah sebabnya diperlukan reformasi sistem pentadbiran negara. Reformasi ini tidak dibawa oleh Najib dan BN. Ianya akan dibawa oleh PH. PH apabila menang tidak akan membentuk kerajaan seperti BN. Kerajaan BN didominasi Umno. Maka pimpinan Umno bagaikan kebal. Segala institusi kerajaan akan akur sehingga ke tahap melindungi pembunuh seperti pembunuh Altantuya sekiranya perlu. Atau melindungi perompak seperti mereka yang terlibat dengan amalan kleptokrasi sekiranya diarahkan begitu. Ini sedang berlaku depan mata kita sekarang ini. Maka apa hairannya kalau kebenaran berhubung Memali disorok?

Kerajaan PH lebih bebas kerana tiadanya dominasi oleh mana-mana satu parti. Adanya semak dan imbang maka akan adanya pertanggungjawaban. Dan sekiranya selepas ditegakkan kerajaan PH maka diminta dibuka siasatan kembali terhadap isu Memali, skandal Forex, pembunuhan Altantuya, penyelewengan 1MDB dan

sebagainya, maka kerajaan PH akan melakukannya. Dengan diberikan kebebasan kepada institusi kerajaan seperti SPRM, polis dan mahkamah. Supaya kebenaran sebenar terdedah dan keadilan tertegak.

Dan saya yakin pada ketika itu Tun M akan sanggup berdiri di hadapan semua yang menyiasat untuk menjawab segala tuduhan terhadap dirinya. Seperti mana beliau berani dan sanggup berdiri di hadapan warga Shah Alam, termasuk samseng upahan BN dalam program 'Nothing to hide' tempoh hari. Bukankah isu Memali di antara tajuk yang disebut oleh penganjur program 'Nothing to hide'?

Dan saya turut yakin juga bahawa Najib akan lari lintang pukang, mengelak diri dari disiasat dan disoal, seperti mana dilakukan beliau selama ini.

## KESIMPULAN

Oleh itu, bagi yang inginkan keadilan bagi mangsa Memali, ketahuilah bahawa BN tidak akan melakukan apa-apa selain peralatkan isu ini untuk mengekalkan kuasa sambil meneruskan budaya kleptokratik mereka. Memali akan menjadi isu yang dilupai mereka seperti mana ianya dilupai selama ini. Sehingga sekarang!

Bagi yang inginkan keadilan itu, maka bersamalah kamu dengan PH. Tiada yang akan kebal sekiranya melakukan kezaliman. Inilah yang dijanjikan melalui ungkapan 'reformasi'. Kisah sebenar akan didedahkan dan yang bersalah akan dipertanggungjawabkan dan yang dizalimi diberikan pembelaan.

**Penulis ialah Ahli Parlimen Shah Alam dan Pengarah Komunikasi AMANAH.**

## Beranikah Pas menuntut RCI Memali yang menyeluruh?

**PEMUDA AMANAH** memaklumi bahawa Pas melalui Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang telah mendesak ditubuhkan suruhanjaya siasatan diraja (RCI) berhubung tragedi berdarah Memali pada tahun 1985. Tragedi yang mengorbankan 14 orang awam dan 4 anggota polis itu merupakan tragedi terburuk melibatkan rakyat negara ini selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969.

Persoalan yang Pemuda AMANAH mahu timbulkan di sini, beranikah Pas menuntut suatu RCI yang telus dan menyeluruh - merangkumi aspek punca dan elemen-elemen asas yang



## PENDAPAT SHAZNI MUNIR MOHD ITHNIN

mendorong ke arah tragedi tersebut? Pada hemat kami, keseluruhan aspek ini penting untuk disiasat memandangkan pihak kerajaan telah pun membentangkan Kertas Putih Peristiwa Memali di Parlimen pada

tahun 1986.

Menurut perenggan 15, 16 dan 17 Kertas Putih tersebut, tragedi Memali dipercayai berakar daripada ketaksuban terhadap 'Amanat Haji Hadi', merujuk kepada pidato Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Banggol Peradong pada 1981. Bahkan lebih spesifik dalam perenggan ke-17, Muhamad Yusof bin Husin mengakui bahawa dirinya berpegang teguh dengan amanat itu dan berfahaman bahawa orang-orang Umno itu kafir.

Pemuda AMANAH juga berpendirian, jika RCI tersebut tetap mahu ditubuhkan, siasatan perlu

meliputi aspek-aspek penting berikut:

- Punca yang mendorong ke arah tangkapan Allahyarham Ibrahim Libya.
- Punca yang menyemarakkan kegiatan takfiri ketika itu.
- Keganasan tindakan polis.
- Langkah kerajaan membendung fenomena takfiri.
- Kesan 'Amanat Haji Hadi' dan langkah pencegahan.

Besar harapan Pemuda AMANAH agar RCI ini mampu meleraikan segala kekusutan dan tidak akan dibangkitkan lagi. Sejarah adalah

tentang keteladanan dan iktibar daripada satu-satu peristiwa.

Kami bertekad agar tiada lagi episod takfiri, termasuklah pengulangan insiden 'tanam jirat' yang telah mencarik keharmonian rakyat. #BangkitBersama kita tolak takfiri dan bina semula masa depan negara.

"Menggalas Harapan Perubahan"

#PemudaBekerja

**Shazni Munir Mohd Ithnin ialah Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional.**





Ketika proses penamaan calon PRK Kuala Kangsar tahun lalu.

# PRK Kuala Kangsar bantu perkenalkan AMANAH

Oleh HAZAYANI ZAKARIA

**KUALA KANGSAR:** Parti Amanah Negara (AMANAH) Parlimen Kuala Kangsar lebih dikenali dan semakin diterima masyarakat selepas parti itu bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kangsar pada Jun tahun lalu.



Hasnul Zulkarnain

Ketuanya Hasnul Zulkarnain Abd Munaim berkata, keahlian AMANAH di kawasan itu meningkat hasil usaha berterusan jentera parti.

PRK Kuala Kangsar adalah pilihan raya kedua disertai AMANAH selepas parti itu ditubuhkan pada September 2105.

Pilihan raya pertama ditandingi AMANAH adalah Pilihan Raya Negeri Sarawak pada April 2016.

Calon AMANAH bagai Parlimen Kuala Kangsar ialah Dr Ahmad Termizi Ramli yang juga Naib Ketua AMANAH kawasan.

Beliau tewas kepada calon BN Datin Mastura Yazid yang juga isteri kepada bekas Ahli Parlimen kawasan itu, Allahyarham Datuk Wan Khair-il Anuar Wan Ahmad.

Dua lagi calon yang bertanding ialah Ketua Dewan Muslimat Pas Perak Dr Najihatussallehah Ahmad dan calon bebas Izat Bukhary Ismail Bukhary.

Pas mendapat 5,684 undi, AMANAH 4,883 undi manakala calon Bebas mendapat 54



Dr Ahmad Termizi mewakili Pakatan Harapan bertanding di PRK Kuala Kangsar tahun lalu.

## Fokus Kawasan Kuala Kangsar

undi.

Menurut Hasnul, keputusan PRK Kuala Kangsar itu hanya boleh dijadikan petunjuk sokongan undi asas kaum Melayu sahaja dan mengakui undi Cina tidak memihak kepada mereka.

“Pada masa PRK, undi Cina tidak menyebelahi AMANAH kerana mereka terikat dengan janji BN yang menawarkan bantuan membina bangunan sekolah dan dewan komuniti,” katanya.

Beliau berkata, AMANAH akan menambah baik gerak kerja bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) selepas belajar daripada PRK yang lalu.

“Kita menambah baik gerak kerja dengan lebih kerap turun ke bawah menemui orang kampung dengan mengadakan pelbagai aktiviti kebajikan.

“AMANAH juga kerap membuat dialog sama ada tertutup atau terbuka dengan masyarakat setempat bagi mendapatkan pandangan mereka,” katanya yang juga Ketua Pemuda AMANAH Perak.



Dr Ahmad Termizi Ramli mempengerusikan menyuarat Pakatan Harapan peringkat kawasan Kuala Kangsar melibatkan keempat-empat parti.



AMANAH sentiasa turun padang bertemu dengan masyarakat yang memerlukan.



# AMANAHA Kuala Kangsar siap sedia hadapi PRU14

**BIRO** Pilihan Raya (BPR) AMANAHA Parlimen Kuala Kangsar telah melengkapkan semua struktur jentera pilihan raya di kedua-dua Dewan Undangan Negeri (Dun) iaitu Bukit Chandan dan Manong termasuk Daerah Mengundi (DM) di seluruh Parlimen Kuala Kangsar.

Parlimen Kuala Kangsar mempunyai 36 Daerah Mengundi dan hampir setiap Daerah Mengundi sudah menubuhkan cawangan AMANAHA dan sedang berusaha menubuhkan cawangan di lokaliti pilihan.

Setiausaha AMANAHA Kuala Kangsar Khalilul Rahman Abdul Samad berkata, apa yang menariknya, terdapat satu cawangan AMANAHA di Daerah Mengundi Jalan Datoh yang kepimpinannya terdiri dari kaum Tionghua dan beberapa Daerah Mengundi lagi dalam perancangan untuk ditubuhkan.



Dr Termizi menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang datang beraya di majlis

"Bilik Operasi BPR Parlimen Kuala Kangsar juga telah beroperasi setiap hari sejak tujuh bulan yang lalu dengan ada petugas pada setiap malam," katanya.

Bagi menghadapi PRU14, BPR Parlimen telah mengadakan beberapa kursus di peringkat parlimen dan tidak tertinggal menghantar jentera-jentera menghadiri kursus-kursus bersiri

setiap minggu yang dianjurkan oleh Biro Pilihan Raya Negeri di Wisma Amanah Negeri, Ipoh.

## PAKATAN HARAPAN PARLIMEN KUALA KANGSAR

Menurut beliau juga, Sekretariat Pakatan Harapan Parlimen Kuala Kangsar adalah antara Sekretariat Pakatan Harapan yang awal ditubuhkan di Negeri Perak.

Sekretariat ini dipengerusikan oleh Dr. Ahmad Termizi Ramli, bekas calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kangsar manakala Setiausahaanya pula ialah Khalilul sendiri.

"Permuafakatan antara komponen Pakatan Harapan Parlimen Kuala Kangsar sangat baik dalam meneruskan agenda menawan Parlimen Kuala Kangsar dan kedua-dua Dun iaitu Bukit Chandan dan Manong," katanya.

## Pelbagai program dilaksanakan bagi dekati rakyat

**SELEPAS** PRK Kuala Kangsar pada Jun tahun lalu, AMANAHA Kuala Kangsar terus mengorak langkah memperkenalkan parti kepada masyarakat setempat dengan mengatur pelbagai program bersama penduduk setempat.

Antara program yang dijalankan adalah Salam Jumaat.

Aktiviti Salam Jumaat ini diadakan pada setiap Hari Jumaat dan dianjurkan Biro Kebajikan AMANAHA Kawasan Kuala Kangsar bersama AWAN Kawasan Kuala Kangsar dan Cawangan Bukit Chandan yang telah beroperasi sebelum AMANAHA ditubuhkan secara rasminya.

Selain itu, program Ziarah Mahabah pula diadakan bertujuan menziarahi tokoh-tokoh almalak dan orang sakit, OKU, ibu tunggal, orang



Program Salam Jumaat diadakan pada setiap minggu di rumah ahli yang berbeza.

Kangsar.

Pada bulan Syawal pula, Rumah Terbuka AMANAHA Kuala Kangsar disusun di cawangan-cawangan dan setiap cawangan jiran membantu menguruskan bersama dalam memastikan perjalanan majlis berjalan baik.

Sambutan masyarakat terhadap program sambutan Aidilfitri di kampung-kampung ini sangat baik dan meriah.

## IBADAH KORBAN PARLIMEN KUALA KANGSAR

Menjelang Aidiladha ini, Parlimen Kuala Kangsar tidak ketinggalan mengadakan program ibadah korban.

Ahli Jawatankuasa AMANAHA Kuala Kangsar menasaskan 15 ekor lembu yang disumbangkan setiap cawangan dalam kawasan parlimen itu.

Pihak Sekretariat telah mengumpul peserta korban sejak tiga bulan lalu.

Menurut Khalilul, sambutan daripada masyarakat untuk menyertai ibadah korban bersama AMANAHA itu sangat mengalakkan.

susah dan sebagainya dalam menjalinkan persaudaraan.

Manakala Program Al Tanweer Bulanan adalah pengisian ilmu kepada ahli-ahli dan terbuka kepada umum dengan naqib

tetapnya Ustaz Zulkifli Ahmad, Pengerusi Syariah AMANAHA Negeri Perak.

Turut dijemput tokoh-tokoh pimpinan AMANAHA Nasional bagi mengupas isu-isu semasa negara.

Sepanjang bulan Ramadan lalu, ahli Jawatankuasa AMANAHA Kawasan Kuala Kangsar telah menyusun jadual berbuka puasa setiap hari di seluruh masjid di Parlimen Kuala



### JAWATANKUASA AMANAHA KAWASAN KUALA KANGSAR SESI 2016 - 2018

- Ketua** : HASNUL ZULKARNAIN ABD MUNAIM  
**Timbalan Ketua** : ISMAIL NORDIN  
**Naib Ketua 1** : ABD RAHIM RASHID  
**Naib Ketua 2** : AHMAD TERMIZI RAMLI  
**Naib Ketua 3** : KHAIRUL ANUAR AMRAN  
**Setiausaha** : KHALILUL RAHMAN ABDUL SAMAD  
**Pen. Setiausaha** : MOHD JAMSARI MAHAMOOD  
**Bendahari** : MOHAMMAD ISA JAAFAR  
**Ketua Komunikasi** : AHMAD ZUBAIRI YAACOB  
**Ketua Pemuda** : AHMAD RIZAL MAT JAH  
**Ketua Awan** : HAJIJAH TAMIN

#### Ahli Jawatankuasa:

- JAMIAH RAMLI
- ZAIDUL HISHAM KAMARUDDIN
- ARBAAIAH BAHARI
- AHMAD JAMAL MANAF
- AHMAD ASMADI ABD RASHID
- SHUHAIMI DESA
- FATIMAH MAHAIDDIN
- LEONG CHAI MOON @ KEVIN LEONG
- ROZITA BITI ARIFFIN



Ketua AMANAHA Kuala Kangsar, Hasnul Zulkarnain meraikan anggota bomba sempena Hari Bomba baru-baru ini.



6 BN tabur janji kerana tahu akan kalah

13 Majlis Ekonomi hanya 'tunggal kayu'?

29 Peralat tragedi Memali untuk bela kleptokrat



ms23

PP18978/03/2016(034450)

**WAKTU SOLAT**  
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.  
SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27.8.2017	5:42	5:52	7:08	13:18	16:28	19:23	20:33
28.8.2017	5:42	5:52	7:08	13:17	16:27	19:22	20:32
29.8.2017	5:42	5:52	7:08	13:17	16:27	19:22	20:32
30.8.2017	5:42	5:52	7:08	13:17	16:26	19:21	20:31
31.8.2017	5:42	5:52	7:07	13:16	16:25	19:21	20:31
1.9.2017	5:42	5:52	7:07	13:16	16:24	19:20	20:30
2.9.2017	5:41	5:51	7:07	13:16	16:23	19:20	20:30

# Amanah

BIL 65 | 27 OGOS - 2 SEPT 2017

## SOKONG RCI MEMALI



**PARTI Amanah Negara (AMANAH)** menyokong penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat peristiwa Memali pada tahun 1985 dan mahu ia diperluas kepada isu-isu yang melibatkan kepentingan negara yang lain termasuk skandal 1MDB di samping budaya takfiri sehingga tercetusnya peristiwa itu. AMANAH juga turut prihatin dengan kenyataan bekas ketua polis negara, "Amanat Haji Hadi" antara punca tragedi itu dan ia perlu dimasukkan dalam terma rujukannya.

Laporan penuh ➔  
muka 2

Asmuni menandatangani borang GERAH bagi menyatakan sokongan penuh kepada usaha SPRM membanteras rasuah dan sedia menjadi rakannya.

## AMANAH parti politik pertama sertai sahabat GERAH

**AMANAH** Negeri Perak menjadi parti politik pertama di negeri itu yang menjadi peserta Sahabat Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) yang dilancarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pengerusi AMANAH Perak, Asmuni Awi menandatangani replika borang keahlian sahabat GERAH di hadapan Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Perak, Ahmad Shukri Mohamad Taib yang hadir ke konvensyen parti itu

di sebuah hotel di Ipoh, 20 Ogos lalu. Seramai lebih 200 perwakilan mengisi borang keahlian GERAH di konvensyen kali kedua itu.

Bersambung ke muka 8 ➔

### KOMBO BUKU POLITIKAL ISLAM HANYA RM 80

01132334322  
untuk urusan pembelian

